



MINISTRY OF EDUCATION, INNOVATION  
AND TALENT DEVELOPMENT SARAWAK



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



# *Proceedings* **SARAWAK SCHOOL LEADERS SYMPOSIUM 2023**

*Empowering Educational Leaders. What Works?*

**09 – 11 MAY 2023**  
**MERITZ HOTEL, MIRI, SARAWAK**

**Organised By:**  
Ministry of Education, Innovation and Talent  
Development Sarawak (MEITD)

**In Collaboration With:**  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak and  
Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri, Sarawak

# Proceedings of the Sarawak School Leaders Symposium 2023

---

*Empowering Educational Leaders.  
What Works?*

09 – 11 May 2023  
Meritz Hotel, Miri, Sarawak

**Organised By:**  
Ministry of Education, Innovation and Talent Development Sarawak

**In Collaboration With:**  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, and  
Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri, Sarawak

© Ministry of Education, Innovation and Talent Development Sarawak (MEITD), 2023

This work is subject to copyright. Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Ministry of Education, Innovation and Talent Development Sarawak.

e ISBN 978-629-98537-1-8

Patron

**Yang Berhormat Datuk Roland Sagah Wee Inn**

Minister for Education, Innovation and Talent Development Sarawak

Advisor

**Tuan Haji Azmi Bin Haji Bujang**, Permanent Secretary, MEITD

**Datu Dr Haji Azhar Bin Haji Ahmad**, Director, JPNS

**Mohamad Zailani Bin Jaya**, Director, IPGKS

Chairman

**Anielia Anak Siam**, Deputy Permanent Secretary, MEITD

Vice Chairman

**Donald Henry Nohed**, Principal Assistant Secretary, MEITD

**Omar Bin Haji Mahli**, Deputy Director, School Management Sector, JPNS

**Dr Chin Peng Yee**, Deputy Director, IPGKS

Coordinator

**Jamiran Bin Salam**, MEITD

**Miskinah Binti Arshad**, JPNS

**Mahamad Bin Abdul Malek**, JPNS

**Zura Binti Hamden Hamid**, JPNS

**Dr Norsarihan Ahmad**, IPGKS

**Dr Hu Laey Nee**, IPGKS

Editors

**Dr Norsarihan Ahmad**, IPGKS

**Dr Hu Laey Nee**, IPGKS

**Siti Nila Irama Binti Kaderi**, JPNS

**Nawi Bin Razali**, JPNS

Published by

Ministry of Education, Innovation and Talent Development

4th Floor, Lcda Tower, Lot 2879

The Isthmus, Off Jalan Bako

93050 Kuching, Sarawak.

Tel: +6082-356834

E-mel: [meitd@sarawak.gov.my](mailto:meitd@sarawak.gov.my)

Website : [www.meitd.sarawak.gov.my](http://www.meitd.sarawak.gov.my)

**DISCLAIMER**

*This proceeding was prepared as a collection of papers presented at the Sarawak School Leaders Symposium 2023 organized by the Ministry of Education, Innovation and Talent Development Sarawak (MEITD) and collaboration with Sarawak State Education Department (JPNS) and Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri, Sarawak (IPGKS) do not hold any responsibility for the accuracy and completeness of the articles in the proceeding. The authors maintain full copyright ownership over their respective contributions. The perspectives, outcomes, and interpretations articulated within their contributions are exclusively attributable to the authors themselves and should not be construed as endorsing or reflecting the views, opinions, or positions of MEITD, JPNS, or IPGKS.*

## CONTENTS

<b>Titles and Authors</b>	<b>Pages</b>
<b>Hubungan Dimensi Kebolehpercayaan Sumber dengan Keberkesanan Amalan Memberikan Maklum Balas Prestasi dalam Kalangan Pegawai Penilai dan Pegawai yang Dinilai</b> Dr. Majelan Sulong, Dr. Abang Hut Abang Engkeh, Isham Ibrahim, Normalis Sebli & Mohamad Helmi Isa	1
<b>Peranan Pentadbir Sebagai Pencetus Pembudayaan Kajian Tindakan Di Sekolah</b> Dr. Joshua Caseley Anak Akun	10
<b>Bimbingan Kepada PGB Di Sekolah Pedalaman: Pengalaman Di Daerah Baram</b> K. Mutharasu a/l Krishnasamy	16
<b>Pengurusan <i>Data Driven</i> Untuk Kecemerlangan Sekolah dan Kemenjadian Murid</b> Claudius Liew Sze Kiong	19
<b>SIPartners+ dan Peranan Sebagai Rakan Peningkatan Sekolah</b> Haji Shbini bin Haji Saini	25
<b>Peranan Pengetua dalam Pengurusan Kewangan Di SMK Kuching High</b> Tan Kiang Tuang	33
<b>Sistem Pendigitalan Kecemerlangan Kokurikulum (SPKK)</b> Mesra bin Beji	40
<b>Keberkesanan Intervensi Read (iReAD) dalam Meningkatkan Purata Bacaan Sekolah SMK Dato Permaisuri</b> Donny bin Dahlan	51
<b>Inovasi ITQAN 9M : Membina Budaya Kerja Cemerlang dalam Organisasi Sekolah</b> Ahmad Fauzi bin Yaakob	56
<b>Inisiatif Menerajui Hala Tuju Kerjaya Murid SMK Chung Hua (CF) Miri Secara Komprehensif</b> Albert Ong Ngee Hong	62
<b>Kepimpinan Transformasi Asrama Sekolah</b> Raja Manikam a/l Subramaniam	77
<b>Transformasi Permata Kelulong</b> Rechard Emang	83

<b>Trukun Merubah Iklim</b> Magdalene Lilawati	90
<b>Kertas Putih: Program Cakna 3M</b> Afendi bin Soon	97
<b>Jaringan dan Jalinan Penggerak Kelestarian STEM SK Anchi</b> Sapri bin Haji Pae	100
<b>Pembudayaan Sekolah Lestari Alam Sekitar SJK (C) Chung Hua Miri</b> Tan Ai Chu	109
<b>Kepimpinan Menerajui Kecemerlangan Pusat Sumber Sekolah</b> Ahmad Yajis bin Jari-ee	126
<b><i>Side By Side, We Can</i></b> Janie Anak Limin	128
<b>Kerjasama Memupuk Keharmonian Sekolah</b> Ruddi Anak Juing	130

## **HUBUNGAN DIMENSI KEBOLEHPERCAYAAN SUMBER DENGAN KEBERKESANAN AMALAN MEMBERIKAN MAKLUM BALAS PRESTASI DALAM KALANGAN PEGAWAI PENILAI DAN PEGAWAI YANG DINILAI**

**Dr. Majelan Sulong\*, Dr. Abang Hut Abang Engkeh, Isham Ibrahim,  
Normalis Sebli & Mohamad Helmi Isa**

Sektor Perancangan & Pengurusan PPD,  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak,  
Jalan Bako, &, Lorong Diplomatik 3, Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.

\*majelan.sulong@moe.gov.my

### **ABSTRAK**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang hubungan di antara dimensi kebolehppercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi. Responden kajian terdiri daripada pegawai penilai (PP) dan pegawai yang dinilai (PYD) yang berkhidmat di sekolah menengah (SM) di Sarawak. Kajian tinjauan secara keratan rentas ini menggunakan teknik soal selidik atas talian melalui aplikasi *Google Forms* bagi mengumpul data kajian dan teknik persampelan yang digunakan ialah teknik persampelan kluster. Data yang diperolehi daripada 388 PP dan 2519 PYD menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara dimensi kebolehppercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PP dan PYD. Secara teoretikalnya, kajian ini menyumbang kepada perkembangan kerangka pengetahuan berkaitan variabel yang dikaji. Dari aspek empirikal, dapatan kajian menyediakan eviden penting yang membuktikan kepentingan dimensi kebolehppercayaan sumber dan kualiti maklum balas dalam amalan memberikan maklum balas prestasi khususnya dalam bidang pendidikan. Dari aspek praktikal, dapatan kajian dipercayai memberikan input yang berguna kepada pelbagai pihak bagi merangka dan menambah baik dasar berkaitan pengurusan sumber manusia. Kajian seterusnya dicadangkan memperluas jangkauan populasi kajian ke atas PP dan PYD yang berkhidmat di sekolah rendah (SR) di Sarawak, di SR dan SM seluruh Malaysia serta mereka yang berkhidmat di pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, turut dicadangkan agar kajian akan datang menggunakan pendekatan secara longitudinal bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam.

Kata Kunci: Kebolehppercayaan Sumber; Maklum balas Prestasi; Penilaian Prestasi, Pembangunan Sumber Manusia

### **PENDAHULUAN**

Dalam pengurusan sumber manusia, amalan memberikan maklum balas prestasi merupakan strategi penting bagi menyokong pengurusan bakat pekerja (Cunningham, 2015). Amalan ini juga penting bagi memenuhi kehendak dan

keperluan pemegang taruh yang kian meningkat dari masa ke masa (Snell et al., 2016). Oleh itu, sebagai komponen penting dalam sistem pengurusan prestasi, maklum balas prestasi yang berkesan perlu disampaikan oleh sumber yang boleh dipercayai dan mengandungi maklumat yang berkualiti bagi membolehkan majikan meningkatkan penglibatan, motivasi dan kepuasan pekerja (Taylor et al., 1984). Maklum balas prestasi tidak hanya penting kepada individu tetapi juga kepada organisasi kerana pengaruhnya yang berpotensi terhadap prestasi pekerja dan pelbagai sikap serta tingkah laku yang menarik bagi organisasi (Boon et al., 2018).

Maklum balas prestasi diperlukan untuk membangunkan motivasi, potensi dan tingkah laku pekerja di sesebuah organisasi (Lussier & Hendon, 2017). Kekurangan maklum balas prestasi boleh menyebabkan kegelisahan dan penilaian prestasi yang tidak tepat. Secara ringkasnya, apabila golongan pekerja berasa senang dengan maklum balas prestasi yang diterima, mereka lebih bersikap terbuka untuk bertindak balas dan akan lebih kerap terlibat dalam aktiviti pembangunan yang dirancang oleh organisasi (Kluger & DeNisi, 1996; Murphy et al., 2018). Perbincangan berkaitan dimensi kebolehpercayaan sumber dalam pelaksanaan amalan memberikan maklum balas prestasi yang menjurus kepada bidang pendidikan didapati masih berkurangan. Hal ini demikian kerana perbincangan yang sedia ada (dalam dan luar negara) didapati lebih berfokus kepada bidang pengurusan sumber manusia secara umum (Stone & Heen, 2015; Ray & Singh, 2018). Sehubungan itu, kajian ini mendekati jurang tersebut dengan mengenal pasti hubungan di antara dimensi kebolehpercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PP dan PYD di SM di Sarawak.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kejayaan sesuatu sistem penilaian prestasi bergantung kepada penerimaan pekerja terhadap proses memberikan maklum balas prestasi (Coens & Jenkins, 2000). Hal ini demikian kerana maklum balas prestasi berfungsi sebagai laporan tepat yang menggambarkan sejauh mana adil dan telusnya pelaksanaan penilaian prestasi. Sehubungan itu, bagi memastikan maklum balas prestasi yang diberikan dapat diterima dengan baik oleh pekerja, penyelia perlulah memastikan diri mereka dapat dipercayai oleh pekerja (London & Sessa, 2006). Sekiranya pekerja merasakan maklum balas prestasi diberikan oleh sumber yang kurang dipercayai, hal ini berpotensi menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku negatif seperti kurangnya kerjasama, kurang disiplin kerja, persaingan tidak sihat, kurang fokus pada keutamaan sekali gus menyebabkan penilaian prestasi tidak disukai, tidak dipedulikan dan mengalami kegagalan (Costello, 1994).

Kebolehpercayaan sumber merujuk kepada kebolehpercayaan dan kepakaran dimiliki oleh PP yang dilihat oleh PYD (Bozer et al., 2013). Kebolehpercayaan dan kepakaran PP berkait rapat dengan keberkesanan bimbingan yang diberikan (Boyce et al., 2010). PYD bertindak balas secara positif terhadap maklum balas diberikan oleh PP yang dipercayai dan berkepakaran (Fedor et al., 1989). Oleh itu, PP perlu mempunyai pengetahuan tentang keperluan kerja PYD, pengetahuan tentang prestasi kerja sebenar PYD dan berkeupayaan menilai dengan tepat prestasi kerja PYD (Giffin, 1967). Keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi juga memerlukan penyelia menyampaikan maklumat yang berkualiti kepada pekerja. Hal ini demikian kerana amalan memberikan maklum balas prestasi merupakan pendekatan yang penting kepada



organisasi bagi meningkatkan pembelajaran, motivasi dan prestasi (DuBrin, 2013), mengurangkan ketidakpastian, memberikan maklumat penting tentang kemajuan matlamat, menegaskan semula kepercayaan individu terhadap prestasi dan peningkatan kompetensi (London & Smither, 2002).

Maklum balas prestasi yang diberikan oleh sumber yang boleh dipercayai dan menerapkan maklumat yang berkualiti dipercayai menghasilkan impak yang positif dalam hubungan intrapersonal serta interpersonal di antara penyelia dan pekerja (Raemdonck & Strijbos, 2013). Hubungan intrapersonal serta interpersonal yang positif tersebut adalah diperlukan oleh pekerja bagi meningkatkan prestasi dan memperbaiki kelemahan (Mulder & Ellinger, 2013). Kebanyakan pengurus organisasi menyedari bahawa amalan memberikan maklum balas prestasi merupakan komponen yang sangat penting dalam sistem pengurusan prestasi (Ray & Singh, 2016). Namun, terdapat pengurus organisasi yang kurang memanfaatkan amalan tersebut kerana melaksanakannya dengan separuh hati atau terus mengabaikannya lantas mengakibatkan kerosakan pada nilai sebenar penilaian prestasi yang dilakukan (Aguinis, 2013). Oleh itu, setiap pengurus organisasi seharusnya bertanggung jawab meningkatkan kebolehpercayaan mereka sebagai sumber utama maklum balas prestasi dan keupayaan mereka agar lebih dipercayai serta mengembangkan kemahiran untuk menyampaikan maklum balas prestasi yang berkualiti (Blanchard & Johnson, 2015).

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian adalah berbentuk pendekatan kuantitatif yang mengaplikasikan strategi kajian tinjauan. Strategi ini dipilih kerana kesesuaiannya digunakan untuk menggambarkan trend atau menentukan hubungan di antara konstruk yang mendasari sesuatu tujuan (Saunders et al., 2019). Pengumpulan data kajian adalah menggunakan kaedah secara keratan rentas (*cross-sectional*) dan dijawab secara atas talian melalui aplikasi *Google Forms*. Populasi kajian terdiri daripada PP dan PYD yang bertugas di 194 buah SM di Sarawak yang dipilih secara teknik persampelan kluster. Pemilihan populasi kajian yang terdiri daripada PP dan PYD di SM di Sarawak dijustifikasikan atas rasional berikut;

- i) PP dan PYD terdiri daripada mereka yang dipercayai boleh memberikan maklumat yang diperlukan dan diyakini dapat diperoleh semasa pengumpulan data. Hal ini menjadikan ketepatan keseluruhan yang lebih tinggi kerana pengkaji dapat mengumpul maklumat daripada sampel kajian yang terperinci.
- ii) PP dan PYD mempunyai ciri perwakilan dan kecukupan untuk membuat generalisasi.
- iii) PP dan PYD juga terdiri daripada pelbagai latar belakang umur, kaum, pengalaman mengajar, kelayakan akademik, jawatan semasa, gred jawatan dan lokasi sekolah. Oleh itu, populasi kajian mempunyai ciri-ciri yang menjadikan respon yang bakal diberikan adalah relevan terhadap persoalan kajian.

Item kajian diadaptasikan daripada *Feedback Environment Scale* oleh Steelman et al. (2004) bagi mengukur dimensi kebolehpercayaan sumber. Keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi diukur dengan menggunakan item kajian yang diadaptasikan daripada *Feedback Orientation*

*Scale* oleh Linderbaum dan Levy (2010). Semua item diukur berpandukan skala Likert tujuh mata bermula daripada 'sangat tidak setuju' hingga 'sangat setuju'. Pengkaji memastikan setiap item mempunyai ciri-ciri berikut iaitu (i) skala mempunyai bukti konsisten kebolehpercayaan mencapai nilai *Cronbach Alpha* 0.6 dan ke atas (Hair et al., 2003), (ii) skala pernah digunakan oleh pengkaji lain dan diguna dalam kajian akademik (Hinkin et al., 1997), (iii) mempunyai ayat yang ringkas dan jelas (Hair et al., 2014) serta (iv) mempunyai skala yang sesuai untuk mengukur konstruk kajian (Pallant, 2005).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil demografi responden dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang dilaporkan secara frekuensi dan peratus. Daripada 388 responden dalam kalangan PP, 53.1 peratus adalah perempuan dan 46.9 peratus responden lelaki. Berdasarkan umur, min umur ialah 45.59 dengan mereka yang berumur di antara 47 hingga 54 tahun mencatatkan kumpulan umur terbesar (40.5 peratus) manakala dari segi kaum, majoriti berbangsa Melayu (29.4 peratus). Dari segi jumlah tahun pengalaman mengajar, 44.1 peratus berpengalaman mengajar di antara 19 hingga 27 tahun dan dari segi pengalaman sebagai PP, majoriti (72.4 peratus) berpengalaman di antara 1 hingga 5 tahun. Dari segi lokasi sekolah, majoriti (67.3 peratus) bertugas di sekolah kawasan luar bandar. Berdasarkan kelulusan akademik, 78.9 peratus memiliki ijazah sarjana muda. Dari segi jawatan disandang, kebanyakan terdiri dalam kalangan Guru Kanan Mata Pelajaran (35.2 peratus) manakala dari segi gred jawatan semasa, majoriti (35.8) peratus bergred DG44. Hanya 54.9 peratus pernah menghadiri kursus/latihan sebagai PP manakala 45.1 peratus lagi tidak pernah menghadiri sebarang kursus/latihan. Berdasarkan kekerapan menghadiri kursus/latihan sebagai PP, 25.3 peratus pernah menghadiri sebanyak 2 hingga 3 kali. Dari segi penglibatan sebagai PP, 60.1 peratus terlibat sebagai PP1. Dari segi keputusan pencapaian penilaian prestasi tahun 2018, kebanyakan memperoleh keputusan tahap cemerlang (57.5 peratus).

Bilangan responden dalam kalangan PYD ialah seramai 2519 orang iaitu 68.0 peratus adalah perempuan dan 32.0 peratus responden lelaki. Berdasarkan umur, min umur ialah 38.88 dengan mereka berumur di antara 31 hingga 38 tahun mencatatkan kumpulan umur terbesar (35.3 peratus) manakala dari segi kaum, majoriti berbangsa Melayu (34.0 peratus). Dari segi jumlah tahun pengalaman mengajar, 39.3 peratus berpengalaman mengajar di antara satu hingga sembilan tahun. Dari segi lokasi sekolah, majoriti (70.9 peratus) bertugas di sekolah kawasan luar bandar. Berdasarkan kelulusan akademik, majoriti (88.6 peratus) memiliki ijazah sarjana muda. Dari segi jawatan disandang, kebanyakan responden merupakan Guru Akademik Biasa (65.3 peratus) manakala dari segi gred jawatan semasa, majoriti (41.2 peratus) bergred DG44. Dari segi keputusan pencapaian penilaian prestasi tahun 2018, kebanyakan responden memperoleh keputusan tahap tinggi (54.0 peratus).

## **Hubungan di antara Dimensi Kebolehpercayaan Sumber dengan Keberkesanan Amalan Memberikan Maklum Balas Prestasi**

Hipotesis pertama meramalkan hubungan di antara dimensi kebolehpercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi. Berikut ialah hipotesis alternatif yang telah dibentuk.

H1(a) : Terdapat hubungan positif di antara dimensi kebolehpercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PP.

H1(b) : Terdapat hubungan positif di antara dimensi kebolehpercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PYD.

Berpandukan keputusan penilaian model struktural, analisis menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara dimensi kebolehpercayaan sumber dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PP ( $\beta=0.120$ ,  $t=4.722$ ,  $p<0.05$ ) dan ( $\beta=0.069$ ,  $t=7.947$ ,  $p<0.05$ ) menurut PYD. Kedua-dua keputusan tersebut menyokong hipotesis H1(a) dan H1(b). Berdasarkan kedua-dua keputusan tersebut, ini menunjukkan apabila kebolehpercayaan sumber ditingkatkan, keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi juga meningkat. Justeru, sekiranya kebolehpercayaan sumber diabaikan, ini dikhuatiri boleh menyebabkan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi merosot. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan persetujuan PYD terhadap kebolehpercayaan PP sebagai sumber maklum balas.

Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian oleh Ilgen et al. (1979) dan Steelman et al. (2004) yang menjelaskan maklum balas prestasi yang datangnya daripada sumber (PP) yang dipercayai membolehkan maklumat prestasi yang diberikan lebih berkesan. Di samping itu, dapatan kajian juga selari dengan kajian oleh Kluger dan DeNisi (1996) serta Murphy (2019) yang menegaskan PYD lebih cenderung mempercayai maklum balas prestasi yang diberikan oleh PP yang berkepakaran dan berkredibiliti. Dengan adanya kepakaran dan kredibiliti, ini memudahkan PP mengetahui prestasi kerja PYD dan berlaku adil ketika menilai sekali gus menjadikan PP lebih dihormati serta diyakini (Mone & London, 2017). Oleh yang demikian, PP perlu berusaha meningkatkan hubungan baik dan tidak mudah terpengaruh dengan emosi apabila memberikan maklum balas prestasi bagi memastikan kebolehpercayaan mereka sebagai sumber utama maklum balas prestasi tidak dipertikaikan (Murphy et al., 2018).

Dapatan kajian juga menguatkan lagi pandangan Ahmad dan Shamsuddin (2011) serta Budworth dan Chummar (2018) berkaitan kepentingan maklumat dan data prestasi yang disokong dengan bukti konkrit serta bersifat konstruktif. Hal ini demikian kerana PP yang boleh dipercayai pastinya berusaha untuk membekalkan maklumat, data dan bukti konkrit bagi memastikan aktiviti penilaian prestasi yang dilakukan benar-benar konstruktif dalam memajukan dan meningkatkan prestasi PYD (Ahmad & Shamsuddin, 2011; Budworth & Chummar, 2018). Dalam hal ini PP mempunyai tanggung jawab yang besar bagi memastikan diri mereka sentiasa boleh dipercayai bagi membantu PYD mengatasi segala halangan yang boleh menyebabkan gangguan pada prestasi kerja (Steelman et al., 2004).

Dapatan kajian turut mengukuhkan kajian oleh Fedor et al. (1989) serta Boyce et al. (2010) iaitu maklum balas prestasi yang diberikan oleh PP yang dipercayai dan berkepakaran membolehkan PYD bertindak balas secara lebih positif. Dapatan kajian juga selari dengan kajian Bozer et al. (2013) yang menegaskan kepentingan setiap PP agar meningkatkan kepakaran dan kredibiliti supaya lebih dipercayai oleh PYD apabila memberikan maklum balas prestasi. Ini diperkukuh dengan pandangan oleh Murphy et al. (2018) yang menjelaskan maklum balas prestasi yang berkesan terletak kepada kredibiliti PP dan ketiadaannya boleh menggagalkan kebergunaan maklum balas prestasi serta proses penilaian prestasi. Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Aguinis et al. (2011) yang menegaskan pentingnya maklum balas prestasi disampaikan oleh sumber yang dipercayai bagi meningkatkan penglibatan, motivasi dan kepuasan kerja pekerja.

Berdasarkan semua perbincangan di atas, jelas diketahui bahawa maklum balas prestasi yang datangnya daripada PP yang dipercayai adalah lebih diyakini dan diterima oleh PYD. Hal ini demikian kerana PP yang boleh dipercayai mempunyai pengetahuan yang baik mengenai prestasi kerja sebenar PYD dan berkeupayaan membuat penilaian yang tepat (Ilgen et al., 1979). Kebolehpercayaan PP sebagai sumber utama maklum balas prestasi juga membolehkan PYD dibekalkan dengan perincian maklum balas yang berkualiti bagi menilai kemahiran, kekuatan dan kekurangan dengan berkesan seterusnya melaksanakan penambahbaikan (Murphy et al., 2019). Dengan mengaplikasikan andaian dalam Teori Jangkaan (Vroom, 1964), setiap individu yang menyertai sesebuah organisasi mempunyai jangkaan tentang keperluan, motivasi dan pengalaman lepas yang mempengaruhi bagaimana individu bertindak balas terhadap organisasi. Sehubungan itu, sebagai sumber maklumat yang dipercayai, PP seharusnya meningkatkan kepercayaan PYD bahawa mereka berkeupayaan melaksanakan tugas dengan jayanya. Hal ini demikian kerana maklum balas prestasi yang datangnya daripada PP yang boleh dipercayai pastinya mempunyai maklumat sebenar tentang kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, menjelaskan keperluan pekerjaan dan memberikan bimbingan kepada PYD yang kekurangan keyakinan diri.

Dalam konteks amalan memberikan maklum balas prestasi di SM, kepentingan aspek kebolehpercayaan sumber merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan. Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan KPM (KPM, 2016) menggariskan kualiti sumber manusia sebagai elemen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan organisasi. Oleh itu, ciri profesionalisme keguruan setiap PPP perlu dibangunkan secara terancang oleh PP yang boleh dipercayai dalam melaksanakan tanggung jawab dengan sebaiknya demi memastikan setiap dasar pendidikan dilaksanakan dengan berkesan serta memberikan impak kepada kemenjadian murid. Kualiti PYD juga perlu dimantapkan menerusi bimbingan yang berterusan supaya mereka dapat membangunkan modal insan yang memenuhi Agenda Transformasi Nasional 2050 (KPM, 2016).

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara dimensi kebolehpercayaan sumber, dengan keberkesanan amalan memberikan maklum balas prestasi menurut PP dan PYD.

Hasil kajian dengan jelasnya membuktikan bahawa bagi memastikan kebolehpercayaan sumber sentiasa dihormati, setiap PP hendaklah berkepakaran, berpengetahuan tentang keperluan kerja, berpengetahuan tentang prestasi kerja sebenar, boleh dipercayai dan cekap menilai prestasi PYD dengan tepat. Di samping itu, hasil kajian juga telah membuktikan pentingnya PYD dibekalkan dengan maklumat yang berkualiti secara konsisten, mengkhhusus dan dapat dilihat sebagai sesuatu yang berguna bagi meningkatkan prestasi kerja. Hal ini adalah penting bagi memastikan proses membimbing dan mendisiplinkan PYD dilakukan secara berkesan.

Walaupun kajian ini telah menyokong hasil analisis di antara variabel yang terdapat dalam kajian, semestinya masih terdapat beberapa kekurangan. Justeru, kajian seterusnya dicadangkan untuk meluaskan lagi jangkauan populasi kajian ke atas semua PP dan PYD yang berkhidmat di SR di Sarawak atau semua PP dan PYD di SR dan SM di seluruh Malaysia bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh serta boleh memberikan manfaat tambahan kepada bidang pengurusan pendidikan secara khususnya dan pengurusan sumber manusia secara umumnya. Kajian juga boleh diperluaskan kepada semua PPP yang berkhidmat di PPD, JPN dan semua Bahagian di KPM. Di samping itu, turut dicadangkan agar kajian akan datang menggunakan pendekatan longitudinal iaitu pengumpulan data berulang kali daripada sesuatu sampel yang sama dalam satu tempoh jangka masa yang panjang untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam.

## RUJUKAN

- Adler, S., Campion, M., Colquitt, A., Grubb, A., Murphy, K. R., Ollander-Krane, R., & Pulakos, E. D. (2016). Getting rid of performance ratings: Genius or folly. *Industrial and Organizational Psychology: Perspectives on Science and Practice*, 9, 219–252.
- Aguinis, H. (2013). *Performance Management*, 3rd ed. Pearson/Prentice-Hall.
- Aguinis, H., Joo, H., & Gottfredson, R. K. (2011). Why we hate performance management and why we should love it. *Business Horizons*, 54, 503–507.
- Ahmad, R., & Shamsuddin, S. (2011). *Pengurusan dan Penilaian Prestasi Kerja*. RS Publication.
- Blanchard, K. H., & Johnson, S. (2015). *The New One-Minute Manager*, 1st ed. William Morrow & Company.
- Boon, C., Eckardt, R., Lepak, D., & Boselie, P. (2018). Integrating strategic human capital and strategic human resource management. *International Journal of Human Resource Management*, 29(1), 34–67.
- Boyce, L. A., Jackson, J. R., & Neal, L. J. (2010). Building successful leadership coaching relationships: examining impact of matching criteria in a leadership coaching program. *Journal of Management Development*, 29(10), 914–931.
- Bozer, G., Sarros, J. C., & Santora, J. C. (2013). The role of coachee characteristics in executive coaching for effective sustainability. *Journal of Management Development*, 32(3), 277–294.
- Budworth, M. H., & Chummar, S. (2018). *Feedback for performance development: A review of current trends*. Springer.
- Coens, T., & Jenkins, M. (2000). *Abolishing Performance Appraisals*. Berrett-Koehler Publishers Inc.

- Costello, S. J. (1994). *Effective Performance Management*, New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Cunningham, L. (2015). *Accenture: one of world's biggest companies to scrap annual performance reviews*. <http://www.independent.co.uk/news/business/news/accenture-one-of-worlds-biggest-companies-to-scrap-annual-performance-reviews10421296.html>
- DeNisi, A., & Caitlin E. S. (2018). Feedback Sought vs Feedback Given: A Tale of Two Literatures. *Management Research*, 16(4), 320–333.
- DeNisi, A. S., & Murphy, K. R. (2017). Performance appraisal and performance Management: 100 years of progress? *Journal of Applied Psychology*, 102(3), 421–433.
- DuBrin, A. J. (2013). *Fundamentals of Organizational Behavior: An Applied Perspective*. Pergamon Press Inc.
- Edward, E. L., George, S., & Michael, M. (2012). *What makes performance appraisals effective?* SAGE Publications.
- Fedor, D. B., Eder, R. W., & Buckley, M. R. (1989). The contributory effects of supervisor intentions on subordinate feedback responses. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 44(3), 396–414.
- Fletcher, C., & Williams, R. (2016). *Appraisal: Improving Performance and Developing The Individual*, 5th ed. Routledge.
- Giffin, K. (1967). The contribution of studies of source credibility to a theory of interpersonal trust in the communication process. *Psychological Bulletin*, 68(2), 104–120.
- Gnepp, J., Klayman, J., Williamson, I. O., & Barlas, S. (2020). The future of feedback: Motivating performance improvement through future-focused feedback. *PLoS ONE* 15(6), 1–28.
- Greller, M. M. (1980). Evaluation of feedback sources as a function of role and organizational level. *Journal of Applied Psychology*, 65(1), 24–27.
- Hair, J. F. J., Babin, B. J., Money, A. H., & Samouel, P. (2003). *Essential of Business Research Methods*. John Wiley & Sons.
- Hair, J. F. J., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Squares Structure Equation Modeling (PLS-SEM)*. SAGE.
- Herold, D. M., Liden, R. C., & Leatherwood, M. L. (1987). Using multiple attributes to assess sources of performance feedback. *Academy of Management Journal*, 30(4), 826–835.
- Hinkin, T. R., Tracey, J. B., & Enz, C. A. (1997). Scale construction: Developing reliable and valid measurement instruments. *Journal of Hospitality and Tourism Research*, 21(1), 100–120.
- Ilgen, D. R., Fisher, C. D., & Taylor, M. S. (1979). Consequences of individual feedback on behavior in organizations. *Journal of Applied Psychology*, 64(4), 349–371.
- Karim, M. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kluger, A. N., & DeNisi, A. (1996). The effects of feedback interventions on performance: A historical review, a meta-analysis, and a preliminary feedback intervention theory. *Psychological Bulletin*, 119(2), 254–284.
- KPM. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Linderbaum, B. A., & Levy, P. E. (2010). The Development and Validation of the Feedback Orientation Scale (FOS). *Journal of Management*, 36(6), 1372–1405.
- London, M. (1997). *Job Feedback: Giving, Seeking, and Using Feedback for Performance Improvement*. Lawrence Erlbaum Associates.
- London, M. (2014). *The Power of Feedback Giving, Seeking, and Using Feedback for Performance Improvement*. Taylor & Francis.
- London, M., & Sessa, V. (2006). Group Feedback for Continuous Learning. *Human Resource Development Review*, 5(3), 303–330.
- London, M., & Smither, J. W. (2002). Feedback orientation, feedback culture, and the longitudinal performance management process. *Human Resource Management Review*, 12(1), 81–100.
- Lussier R. N., & Hendon J. R. (2017). *Fundamentals of Human Resource Management: Functions, Applications, Skill Development*. SAGE.
- Mone, E. M., & London, M. (2017). *Employee Engagement Through Effective Performance Management*, 2nd ed. Routledge.
- Mulder, R. H., & Ellinger, A. D. (2013). Perceptions of quality of feedback in organizations: Characteristics, determinants, outcomes of feedback, and possibilities for improvement: Introduction to a special issue. *European Journal of Training and Development*, 37(1), 4–23.
- Murphy, K. R. (2019). Performance evaluation will not die, but it should. *Human Resource Management Journal*, 30(4), 13–31.
- Murphy, K. R., Cleveland, J. N., & Hanscom, M. (2018). *Performance Appraisal and Management: Why Does It Fail and How Can It Be Fixed?* SAGE.
- Murphy, K. R., Cleveland, J. N., & Hanscom, M. (2019). *Performance Appraisal and Management*. SAGE.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual*. Open University Press.
- Raemdonck, I., & Strijbos, J. W. (2013). Feedback perceptions and attribution by secretarial employees: Effects of feedback-content and sender characteristics. *European Journal of Training and Development*, 37(1), 24–48.
- Ray, P., & Singh, M. (2016). Exploring HR transformation needed for the new generation in the workforce. *Indian Journal of Industrial Relations*, 52(2), 336–349.
- Ray, P., & Singh, M. (2018). Effective feedback for millennials in new organizations. *Human Resource Management International Digest*, 26(4), 25–27.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P., & Thornhill, A. (2019). *Research Methods for Business Students*, 8th ed. Pearson Education Limited.
- Snell, S. A., Morris, S. S., & Bohlander, G. W. (2016). *Managing Human Resources*, 17th ed. Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Steelman, L. A., Levy, P., & Snell, A. F. (2004). The Feedback Environment Scale (FES): Construct Definition, Measurement, and Validation. *Education and Psychological Measurement*, 64(1), 165–184.
- Stone, D., & Heen, S. (2015). *Thanks for the Feedback: The Science and Art of Receiving Feedback Well*. Penguin Group.
- Taylor, M. S., Fisher, C. D., & Ilgen, D. R. (1984). Individual's reactions to performance feedback in organizations: A control theory perspective. In *Research in personnel and human resources management* (Rowland, K. M., & Ferris, G. R.), pp.81–124. JAI Press.
- Vroom, V. H. (1964). *Work and Motivation*. John Wiley & Sons.

## PERANAN PENTADBIR SEBAGAI PENCETUS PEMBUDAYAAN KAJIAN TINDAKAN DI SEKOLAH

**Dr. Joshua Caseley Anak Akun**

Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak,  
Jalan Bako, &, Lorong Diplomatik 3, Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.  
joshua.caseley@moe.gov.my

### ABSTRAK

Kajian tindakan merupakan proses reflektif yang menggabungkan tindakan dan penyelidikan untuk menyelesaikan masalah persoalan tertentu, isu atau fenomena secara progresif. Hal ini bertujuan untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti amalan, menghasilkan prosedur penilaian yang berkesan, mengetengahkan sikap dan nilai yang positif, membangunkan perkembangan staf, memperkukuhkan pengurusan dan kawalan serta meningkatkan kecekapan pentadbiran. Dalam perkataan lain, kajian tindakan dapat menonjolkan amalan terbaik (*best practices*) bagi aspek pengajaran guru mahupun pengurusan sekolah. Namun begitu, pelbagai kekangan timbul menyebabkan para pendidik tidak berminat untuk melaksanakan kajian tindakan. Oleh yang demikian, kertas ini membincangkan secara terperinci tentang konsep kajian tindakan dan bagaimana pentadbir dapat memainkan peranan penting dalam mencetuskan pembudayaan kajian tindakan di sekolah.

### PENGENALAN

Para pendidik sering berhadapan dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan pendidikan seperti masalah disiplin murid, ponteng, serta masalah pengajaran dan pembelajaran. Sebagai seorang pendidik yang profesional, sudah semestinya tidak akan membiarkan isu atau masalah ini daripada berterusan berlaku. Masalah tersebut harus ditangani dan pendidik sama ada pentadbir sekolah atau guru perlu bertindak secara kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah serta membuat sebarang keputusan. Justeru itu, apa-apa juga keputusan yang dibuat memerlukan mereka mengaitkannya dengan maklumat, data, fakta, dan bukti yang berkaitan dengan masalah tersebut. Maka proses mengumpul, memproses, mentafsir, dan menganalisis data ini dikenali sebagai proses penyelidikan (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin).

Dalam pada itu, kajian tindakan merupakan suatu terminologi yang sering didengar dalam lingkungan dunia pendidikan masa kini. Konsep kajian tindakan berasal daripada penulisan John Dewey dalam tahun 1920-an dan Kurt Lewin dalam tahun 1940-an. Namun begitu, istilah kajian tindakan hanya diwujudkan oleh Stephen Corey di *Teachers College of Columbia University* pada tahun 1949. Corey menjelaskan kajian tindakan sebagai proses yang pengamalinya mengkaji amalan sendiri untuk menyelesaikan masalah praktikal peribadi mereka.



## DEFINISI DAN KONTEKS KAJIAN TINDAKAN DALAM PENDIDIKAN

Kajian tindakan merupakan satu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan oleh pengamal pendidikan, pendidik atau guru sebagai penyelidik dalam situasi sosial itu sendiri. Sebagai penyelidik, mereka melaksanakan tindakan praktik yang bertujuan untuk memperbaiki, menambahbaik atau meningkatkan kualiti amalan masing-masing, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Kajian tindakan melibatkan beberapa proses iaitu membuat refleksi, merancang, melaksanakan tindakan dan memerhati.

McNiff (1988) menjelaskan bahawa kajian tindakan merupakan suatu pendekatan untuk menambah baik atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang dapat menggalakkan para pendidik menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan menjadi lebih bersedia untuk mengubah amalan-amalan mereka. Pendekatan ini melibatkan seseorang pendidik melaksanakan inkuirinya sendiri atau secara kolektif dengan pendidik lain sewaktu menjalankan penyelidikan. McNiff membuat kesimpulan bahawa kajian tindakan melibatkan keterbukaan yang disengajakan terhadap pengalaman dan proses baharu seterusnya menuntut agar penyelidikan pendidikan itu merupakan suatu pendidikan.

Dalam pada itu, terdapat beberapa perkara yang harus dikuasai secara jelas oleh para pendidik berkaitan kajian tindakan. Guru harus memahami bahawa kajian tindakan bukan penyelesaian masalah pendidikan dalam konteks mencari kesilapan atau kesalahan. Kajian tindakan juga bukan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan sesuatu pendekatan, strategi, atau teknik PdP. Walau bagaimanapun, kajian tindakan seharusnya bertujuan mendapatkan ilmu pengetahuan tentang cara untuk menambah baik amalan masing-masing. Selain itu, kajian tindakan bertujuan untuk menerangkan dengan terperinci bagaimana menambah baik amalan secara sistematik. Para guru perlu memastikan bahawa dirinya benar-benar memahami konsep kajian tindakan sebelum melakukannya agar tidak berakhir dengan laporan yang tidak bersifat pemahaman amalan serta penambahbaikan ke atas amalan sendiri (Elliot, 1991; McNiff, 1988).

## KEPENTINGAN KAJIAN TINDAKAN

Mengapa kajian tindakan begitu penting? Semua orang sedar terdapat banyak pengstruktur semula berlaku dalam sistem sekolah. Oleh itu, dengan penstruktur semula ini maka akan wujudlah cabaran atau masalah baharu. Para pendidik termasuk pentadbir di peringkat kementerian, jabatan, daerah dan guru di sekolah adalah bertanggungjawab kepada semua *stake holder* berkenaan dasar, program dan amalan yang mereka laksanakan. Tidak mencukupi untuk membuat keputusan, para guru perlu membuat keputusan yang berdasarkan data dan eviden. Oleh sebab itu, dengan melaksanakan kajian tindakan ini akan membantu guru lebih teliti dalam mendokumentasi dan menilai hasil kerja mereka.

Selain itu, kajian tindakan amat membantu dalam menambah baik amalan secara berterusan (Valsa Koshy, 2005). Kajian tindakan merupakan suatu penyelidikan yang berterusan dalam proses penyelidikan itu sendiri oleh para pengamal. Disamping itu, kajian tindakan dapat bertindak sebagai penyelesaian masalah. Melalui kajian tindakan ianya dapat membentuk penyelidik yang reflektif dan membantu dalam menyelesaikan masalah secara terancang dan sistematik.

Kajian tindakan juga amat membantu untuk perkembangan profesionalisme seorang penyelidik. Dengan mengendalikan kajian tindakan guru akan menjadi lebih bebas untuk mengawal keseluruhan penyelidikan ke atas amalan mereka sendiri tanpa bergantung kepada penyelidik dari luar. Guru akan lebih autonomi, bertanggungjawab dan boleh memberi jawapan atau penjelasan melalui kajian tindakan. Justeru itu, kajian tindakan tidak seharusnya dilihat sebagai suatu bebanan tetapi sebagai sebahagian tanggungjawab profesional dalam usaha mengembangkan kompetensi diri dan kolaboratif dalam kalangan pentadbir dan guru di sekolah.

Kajian Tindakan juga mampu untuk menggalakkan pendidik berkongsi pengalaman dan memberi publisiti tentang amalan-amalan profesional mereka. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri guru sebagai kumpulan profesional dan dapat membaiki prestasi dan kepuasan kerja dan mendorong guru secara individu atau bersama membuat refleksi ke atas amalan mereka, menganalisis peranan mereka dari segi kekuatan dan kelemahan, mengambil tindakan yang wajar dan memantau kesannya. Ini memberi peluang guru menjadi agen perubahan.

Kajian tindakan membantu meningkatkan keserakanan, '*empowerment*' dan '*self-esteem*' dalam kalangan guru. Mereka menjadi lebih terbuka kepada perubahan, lebih reflektif, dan lebih bermaklumat. Mereka merasakan diri mereka sebagai pakar dalam bidang masing-masing, menjadi penyelesaian masalah yang baik, menjadi lebih efektif, bersikap positif terhadap penyelidikan dan dapat melihat hubungan teori dan amalan dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, penglibatan guru dalam kajian tindakan akan memberikan impak yang positif kepada guru sama ada dalam aspek meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran atau meningkatkan diri guru sebagai seorang yang lebih profesional.

Sungguhpun terdapat banyak kelebihan berkaitan kajian tindakan, terdapat juga isu atau kekangan yang menyebabkan guru tidak berminat dan tidak bersedia untuk melaksanakan penyelidikan tindakan ini. Antara isu yang sering dibangkitkan berkenaan pelaksanaan kajian tindakan ialah kekangan masa dan beban kerja yang berat (Othman 2011; Volk 2010), menganggap ianya sebagai bebanan serta mempunyai persepsi bahawa tugas mereka sekadar mengajar dan bukan menjalankan penyelidikan (Norasmah & Chia, 2015).

Selain itu, kekurangan pengetahuan dan kemahiran juga merupakan cabaran besar kepada guru dalam melaksanakan kajian tindakan (Norasmah & Chia, 2016). Guru-guru didapati kurang jelas tentang kajian tindakan sehingga beranggapan bahawa pelaksanaan kajian tindakan merupakan kerja tambahan yang tidak berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran (Othman, 2011). Justeru itu, barisan pentadbir mempunyai peranan yang cukup penting dalam mengupaya dan menggalakkan guru-guru di sekolah melaksanakan kajian tindakan. Sesungguhnya sebuah transformasi yang berlaku di sekolah adalah berpunca daripada peranan dan komitmen barisan pentadbirnya.

## **PERANAN PENTADBIR SEBAGAI PENCETUS KAJIAN TINDAKAN**

Sebagai pemimpin atau pentadbir di sekolah, beberapa persoalan seperti berikut mungkin timbul semasa guru menjalankan kajian tindakan antaranya adalah:

- i. bagaimana kita boleh memastikan bahawa kajian tindakan boleh dijalankan (*manageable*)?

- ii. bagaimana kita boleh memastikan kajian tindakan dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan?
- iii. bagaimana kita boleh memastikan kajian tindakan itu sah (*valid*) dan bolehpercayaan (*reliable*)?
- iv. bagaimana kita boleh menyebarkan dapatan dan berkongsi dengan guru lain?
- v. bagaimana kita boleh memastikan kajian tindakan yang kita jalankan itu membawa makna kepada guru dan meningkatkan kompetensi profesionalisme mereka?

Soalan-soalan di atas memerlukan barisan pentadbir sekolah untuk merancang dan mencari penyelesaian yang terbaik dalam mencetuskan pembudayaan kajian tindakan di sekolah. Salah satu peranan yang dapat dimainkan oleh pentadbir adalah dengan menjadikan kajian tindakan sebagai alat pembangunan kompetensi guru. Pelaksanaan kajian tindakan dapat mencetuskan pembudayaan penyelesaian masalah secara profesional dan berterusan. Dengan melaksanakan kajian tindakan, maka penilaian dan pemantauan terhadap intervensi atau program yang dijalankan di sekolah akan dapat dilakukan secara sistematik dan berterusan.

Selanjutnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bimbingan dan pementoran amat penting dalam memastikan kejayaan pembudayaan kajian tindakan di sekolah (Chua, 2017; Norasmah & Chia, 2015). Pihak pentadbir perlu berusaha untuk menyediakan persekitaran yang mendorong kepada pelaksanaan kajian tindakan. Salah satu kaedah yang boleh diperkenalkan kepada guru adalah menerusi kaedah bimbingan (*coaching*) secara bersepadu dimana kaedah ini sering kali digunakan oleh pendidik di luar negara dalam meningkatkan prestasi sistem pendidikan khususnya pengajaran guru dan pembelajaran murid (Leat & Towler, 2010). Bimbingan dari sudut memberikan kefahaman tentang konteks dan proses kajian tindakan amatlah penting. Selain itu, rakan pendidik juga perlu dibimbing dalam menghasilkan laporan penuh kajian tindakan.

Aspek penyebaran hasil kajian tindakan amat perlu dititikberatkan oleh para penyelidik. Oleh yang demikian, pentadbir sekolah harus bertindak dalam membantu guru mewujudkan budaya perkongsian ilmu. Hasil kajian tindakan perlu dihebahkan, bukan hanya disimpan di rak buku tetapi dikongsikan untuk kebaikan bersama. Maka, penganjuran seperti seminar, kolokium, persidangan mahupun penerbitan amat digalakkan dalam menyediakan platform atau pentas bagi rakan-rakan pendidik berkongsi serta menyebarkan hasil penyelidikan masing-masing. Bahkan menerusi pelibatan rakan-rakan pendidik dalam aktiviti-aktiviti sebegini, ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan profil diri dan institusi.

## **SEKOLAH PEMBUDAYAAN KAJIAN TINDAKAN**


Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPN Sarawak) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) amat menggalakkan warga guru mahupun barisan pentadbir sekolah untuk melaksanakan kajian tindakan sebagai satu kaedah bagi warga pendidik membuat inkuri refleksi sendiri serta melaksanakan tindakan praktik atau intervensi bagi membaiki atau meningkatkan kualiti amalan serta tugas hakiki masing-masing.

Sehubungan dengan itu, sebuah sekolah yang telah dikenalpasti telah membudayakan kajian tindakan adalah SMK Ulu Balingian di daerah Selangau, Sarawak. Pembudayaan kajian tindakan telah membantu meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah di sekolah berkenaan. Bahkan yang lebih penting ialah menerusi kajian tindakan ianya membantu guru Sejarah di sekolah berkenaan untuk lebih memahami gaya pembelajaran murid dan menjadi lebih kreatif serta senantiasa memikirkan cara untuk menyelesaikan apa sahaja isu dalam bilik darjah. Kajian tindakan juga berjaya mewujudkan kolaboratif antara panitia dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pembelajaran murid di sekolah berkenaan.

Dalam pada itu, negeri sarawak telah mencapai keputusan yang amat memberansangkan dalam Persidangan Penyelidikan Kebangsaan Kali ke XVI Tahun 2022 anjuran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO). Keputusan persidangan adalah pada rajah di bawah:




**Penyelaras Negeri Terbaik**  
(Dr. Joshua Caseley Anak Akun)  
Sektor Pembelajaran, JPN Sarawak



**Silver (Tempat Ke-2 Kategori SM)**  
(Cikgu Puaneswaran A/L Viknees Baran)  
SMK Baru Bintulu



**Sagu Hati Pembentang**  
(Cikgu Yip Lau Kheng)  
SMK St. Anthony, Sarikei



**Pemenang Sagu Hati – SM**  
Cikgu Chieng Chong Ing  
Dancy Anak Agan  
Stella Anak Rampai

## KESIMPULAN

Kertas ini menggariskan konsep kajian tindakan dan peranan pentadbir sekolah dalam satu persekitaran yang menjalankan kajian tindakan. Pengalaman Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dalam membudayakan kajian tindakan menunjukkan bahawa kajian tindakan boleh dilaksanakan dengan baik seandainya guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta dibimbing secara berterusan dan mereka ini berada dalam satu persekitaran yang menghayati proses kajian tindakan. Sehubungan dengan itu, peranan pentadbir sekolah amat penting dalam memastikan bahawa kajian tindakan itu dapat dilaksanakan dengan jayanya serta dibudayakan secara berterusan.

## RUJUKAN

- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsudin (2015). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chua Swee Yee (2017). Coaching dalam pelaksanaan Kajian Tindakan oleh Guru Sekolah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18, 119-133.
- Elliot, J. and Adelman, C. (1976) *Innovation at classroom level: A case study of the Ford teaching project*, Open University Course E203: Curriculum design and development. Milton Keynes: Open University Educational Enterprises.
- Lofthouse, R., Leat, D. & Towler, C. (2010). *Coaching for teaching and learning: A practical guide for schools*. United Kingdom: CfBT Education Trust.
- McNiff, J. (1988). *Action research: Principles & practice*. London, United Kingdom: Routledge.
- Norasmah, O. & Chia, S. Y. (2015). Empowering teaching, learning and supervision through coaching in Action Research. *Journal of management research*, 7 (2), 98-108.
- Norasmah, O. & Chia, S. Y. (2016). The challenges of action research implementation in Malaysian Schools. *Social sciences & humanities*, 21(1), 43-52.
- O'Leary, Z. (2004). *The essential guide to doing research*. London: Sage.
- Othman, L. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Tanjong Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Valsa Koshy (2005). *Action research for improving practice*. London: Paul Chapman Publishing.
- Volk, K. S. (2010). Action research as a sustainable endeavor for teachers: Does initial training lead to further action? *Action Research*, 8(3), 315-332.

## **BIMBINGAN KEPADA PGB DI SEKOLAH PEDALAMAN: PENGALAMAN DI DAERAH BARAM**

**K. Mutharasu a/l Krishnasamy**  
Pejabat Pendidikan Daerah Baram, Marudi,  
98050 Baram, Sarawak  
wanjok28@yahoo.co.uk

### **ABSTRAK**

Bimbingan kepada pemimpin di sekolah-sekolah pedalaman daerah Baram merupakan pengalaman amat bermakna dan berbeza berbanding di kawasan bandar dan pinggir bandar. Hal ini disebabkan keadaan geografi yang mencabar dan ditambah dengan situasi yang kadang-kala tidak menentu dari segi pergerakan ke sekolah-sekolah. Selain itu, aspek fizikal yang tidak begitu hebat berbanding di bandar, memerlukan pelbagai kemahiran dikuasai oleh pemimpin dan rakan pembimbing. Sehubungan itu, hasrat pihak kerajaan untuk memberikan kesamarataan akses dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan setaraf dengan pendidikan antarabangsa perlu dipikul dan diusahakan oleh para pemimpin yang bertugas di sekolah-sekolah pedalaman ke arah memastikan kemenjadian murid-murid di pedalaman yang mampu bersaing dengan murid-murid dari kawasan yang memiliki kelengkapan yang lebih baik. Justeru, keupayaan pemimpin sekolah amat penting dalam merealisasikan kejayaan murid-murid khususnya dan sekolah amnya, demi hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

### **PENGENALAN**

Pemimpin sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kejayaan murid-murid di sesebuah sekolah. Dalam hal ini, berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman mempunyai pengalaman tersendiri dalam mengurus dan memimpin warga sekolah. Apatah lagi, apabila melalui pelbagai cabaran yang tidak terduga, maka keadaan berkenaan boleh menyebabkan pemimpin menghadapi situasi yang perlu dikawal agar kualiti sekolah terus dipacu. Justeru, pemimpin sekolah perlu bijak bertindak menguruskan sekolah dengan perancangan organisasi yang diterajui berada dalam kawalan.


### **Pemimpin Di Sekolah Pedalaman**

1. Bijak mengurus keadaan di sekolah mengikut keperluan, yang adakalanya tidak terduga. Contoh, apabila dilanda banjir, musim kemarau, dan kerosakan jalan tanah / balak.
2. Konsep anjal digunakan mengikut keperluan dan ketidaktentuan.
3. Menggabungkan cara bekerja lama dan baharu.
4. Menyelesaikan masalah persekitaran berdasarkan keperluan.
5. Bersemangat, boleh dipercayai / jujur, dan menjadi teladan.

## Masa Depan Sekolah Pedalaman

1. Murid-murid di sekolah pedalaman merupakan pewaris bangsa dan negara, khususnya di negeri Sarawak, murid-murid dari sekolah pedalaman perlu ada peluang untuk sama-sama terlibat dalam hasrat Sarawak untuk menjadi negeri yang maju menjelang tahun 2030. Pemimpin sekolah mempunyai tanggungjawab yang berat untuk merealisasikan hasrat kerajaan.
2. Pemimpin perlu menentukan murid-murid di sekolah pedalaman menerima pengajaran yang berkualiti sebagaimana yang dinikmati oleh murid-murid di kawasan bandar. Dalam usaha ini, bimbingan yang berterusan kepada guru-guru perlu dilaksanakan di bilik kelas. Maklum balas daripada pemimpin amat penting untuk menentukan kerja buat para guru dalam landasan yang betul.
3. Pemimpin berperanan memastikan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara yang diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Tahun 2013-2025 untuk membolehkan murid-murid berilmu, pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## PPD Baram -Kedudukan Sekolah



**Sesi Bimbingan di Sekolah Pedalaman**





## **PENGURUSAN *DATA DRIVEN* UNTUK KECEMERLANGAN SEKOLAH DAN KEMENJADIAN MURID**

**Claudius Liew Sze Kiong**

Pegawai School Improvement Partners Plus  
Pejabat Pendidikan Daerah Sibul, Jalan Teng Chin Hua,  
Pekan Sibul, 96000 Sibul, Sarawak  
claudius@moe.gov.my

### **ABSTRAK**

Pengurusan *Data driven* menjadi semakin penting dalam pengurusan sekolah-sekolah di Malaysia kerana kemajuan teknologi dan penganalisisan data banyak digunakan untuk membuat keputusan yang penting untuk menghasilkan dasar dan program dalam sistem pendidikan. Namun begitu pengurusan data murid di sekolah-sekolah masih belum pada tahap yang optimum. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti budaya pengurusan *data driven* di kalangan pemimpin pendidikan yang kurang, kekurangan sistem pengumpulan dan penganalisisan data yang mudah diakses, kemahiran menginterpretasi data dan perkongsian data di kalangan pendidik yang masih belum mantap. Dalam usaha untuk membantu dan meningkatkan kualiti pendidikan dan pencapaian murid, strategi peningkatan pengurusan *data driven* di kalangan pemimpin pendidikan di semua peringkat hendaklah dipertingkatkan. Pengurusan dan penggunaan data pencapaian murid dalam ujian formatif melalui pendekatan Headcount di peringkat sekolah telah terbukti mampu mempertingkatkan kualiti prestasi sekolah dan kemenjadian murid dengan signifikan.

### **PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilancarkan oleh kerajaan pada hujung tahun 2012 berhasrat untuk mencapai 2 aspirasi seperti yang tertulis dalam visi pendidikan negara kita, iaitu Sistem Pendidikan yang berkualiti dan Kemenjadian Murid mengikut potensi masing-masing. Untuk memastikan bahawa matlamat PPPM 2013-2025 dicapai mengikut ketetapan, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) telah dihasilkan untuk dijadikan dokumen rujukan kepada semua pemimpin sekolah untuk melaksanakan kerja buat harian mengikut ketetapan PDCA di dalamnya supaya mencapai kualiti yang dikehendaki.

Tetapi, sekadar berpandukan kepada SKPM, pihak sekolah tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Sekolah (PSS), ini kerana pemimpin sekolah perlu mengamalkan pengurusan berdasarkan Data atau *Data Driven*. Justeru itu, pemimpin sekolah mestilah dapat menguasai kemahiran mengumpul data, menganalisis data dan menginterpretasi data. Pemimpin sekolah hendaklah mengamalkan *Data Driven* dalam setiap peringkat PDCA supaya meningkatkan peluang untuk mencapai KPI yang ditetapkan dalam PSS.

## MATLAMAT

Perkongsian ini adalah bermatlamat untuk memupuk kesedaran di kalangan pemimpin sekolah supaya melaksanakan pengurusan *Data Driven* agar dapat mencapai KPI yang ditetapkan dalam PSS.

## PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 atau lebih dikenali sebagai PPPM 2013-2025 adalah satu Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan di Malaysia melalui beberapa inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan di seluruh negara. Semua usaha ini adalah untuk mencapai 2 hasrat iaitu Sekolah Berkualiti dan Kemenjadian Murid mengikut potensi.

Walaupun kita sudah berada di gelombang ketiga PPPM 2013-2025, tetapi masih ramai warga sekolah yang tidak sedar akan 2 hasrat PPPM ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Pejabat Pendidikan Daerah untuk membawa kesedaran kepada semua warga sekolah akan 2 hasrat ini supaya PPPM dapat mencapai KPInya menjelang tahun 2025.


Sebagai Pegawai SIPartners+ di Pejabat Pendidikan Daerah Sibul, saya berusaha untuk meningkatkan kesedaran warga sekolah tentang hasrat akhir PPPM melalui bimbingan Program Transformasi Sekolah 2025 ke sekolah atau lebih dikenali sebagai TS25.

## IMPAK PENGURUSAN DATA DRIVEN

Melalui pengurusan *Data Driven*, ia akan membantu pemimpin sekolah lebih sedar akan pencapaian semasa dan kebolehcapaian KPI sekolah dalam PSS. Dengan berpandukan data, pemimpin sekolah boleh merangka intervensi berfokus untuk mengatasi masalah pembelajaran murid di semua peringkat. Jikalau masalah pembelajaran murid dapat diatasi, maka semua murid akan mencapai KPI pembelajaran mereka mengikut potensi masing-masing. Setelah semua murid mencapai KPI pembelajaran, Sekolah akan mencapai KPInya dan impaknya akan diteruskan kepada PPD, JPN dan KPM. Ini boleh difahami melalui carta alir berikut.



## KITARAN DENIM DAN KITARAN DATA



Kitaran Denim adalah satu kitaran kerja yang diamalkan oleh pengurus organisasi dalam pengurusan sesuatu aktiviti organisasi yang merangkumi Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Penilaian (Check) dan Penambahbaikan (Action) atau lebih dikenali sebagai PDCA.

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) menghendaki pihak sekolah mengurus sesuatu kerja buat mengikut kitaran Denim. Namun begitu, untuk menambahbaik kebolehcapaian KPI PSS pada hujung tahun, kitaran Denim perlu digemblengkan dengan kitaran Data yang menghendaki pihak sekolah mengenalpasti jenis data yang perlu dikumpul, menganalisis data supaya menjadi maklumat yang berguna dan meninterpretasi maklumat-maklumat untuk menjana intervensi yang berfokus kepada keperluan murid.




Pihak sekolah perlu mengenalpasti jenis data yang perlu dikumpul, apakah sumber data sama ada data secara *one-off* atau data berkala, bagaimana mengumpul data secara manual atau bantuan teknologi. Data yang telah dikumpul perlu ditapis untuk mengasingkan data yang tidak relevan atau tidak berguna dan hanya menggunakan data yang diperlukan sahaja.

Selepas itu, pihak sekolah perlu melaksanakan analisis data mengikut keperluan sekolah. Jenis analisis data yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah, iaitu Analisis Diskriptif, Analisis Diagnostik, Analisis Preditif dan Analisis Preskriptif. Melalui analisis data ini boleh mendapatkan maklumat yang sangat penting tentang tajuk yang dikaji.


Langkah terakhir kitaran data ialah Interpretasi maklumat yang dijana melalui proses analisis data. Melalui interpretasi yang betul dapat menjana idea kepada pihak sekolah untuk merangka intervensi yang berfokus kepada keperluan sekolah.

Jikalau kitaran Data digabungkan dengan setiap peringkat kitaran Denim seperti rajah berikut, pengurusan sesuatu aktiviti / program akan menjadi lebih berkesan lagi.




## PENCAPAIAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SARIKEI

Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei telah melancarkan Program Lonjakan Saujana UPSR pada tahun 2014/2015 dengan matlamat untuk meningkatkan pencapaian calon dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) melalui peningkatan keberkesanan kepimpinan SLT dan kualiti guru mata pelajaran.




Program ini memperkenalkan Kitaran Denim dan Kitaran Data kepada pemimpin sekolah rendah (SLT) dan guru-guru mata pelajaran UPSR supaya dapat diaplikasikan dalam *Headcount* untuk menyelesaikan masalah pembelajaran murid dan seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) dan Menguasai Tahap Minimum (MTM).


Impak Program Lonjakan Saujana UPSR telah berjaya merapatkan jurang di antara Gred Purata Daerah sebenar dengan Sasaran Gred Purata Daerah dalam UPSR 2014 hingga 2019.



Peratusan murid yang Menguasai Tahap Minimum untuk Daerah Sarikei juga telah meningkat daripada 56.37% (2013) kepada 75.73% (2019).





Ranking GPD untuk PPD Sarikei juga telah meningkat dari kedudukan ke-7 (2013) kepada kedudukan ke-2 (2019).



Selain daripada pencapaian dalam UPSR, PPD Sarikei juga telah membantu Sekolah Menengah Kebangsaan Sarikei Baru dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebagai sebuah sekolah menengah yang baharu beroperasi pada tahun 2015, pencapaian SPM 2016 merupakan TOV kepada sekolah ini, di mana Gred Purata Sekolah (GPS) adalah 6.32 dan peratusan Layak Menerima Sijil (LMS) adalah 79.65%. Pencapaian ini telah memeranjatkan semua pihak, maka satu intervensi khas telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak sekolah bersama PPD Sarikei untuk meningkatkan prestasi pencapaian murid.

Warga sekolah diperkenalkan Headcount yang berasaskan data dan dibantu oleh Sistem Tracking Pencapaian SPM yang dikenali SiTRack SPM, pencapaian GPS dan LMS telah menunjukkan peningkatan dalam SPM yang seterusnya.



## PENUTUP

Keberkesanan sesuatu sistem pendidikan seperti sekolah adalah bergantung kepada pencapaian sekolah dalam akademik - peperiksaan umum (SPM, STPM, UPSR dsb) dan bukan akademik – Kokurikulum (PAJSK). Untuk mencapai keputusan yang cemerlang, pihak sekolah perlu menyediakan Pelan Strategik Sekolah dan intervensi-intervensi yang berfokus kepada keperluan sekolah untuk membangunkan potensi murid-muridnya. Untuk memastikan PSS dapat mencapai KPInya, pihak sekolah hendaklah mengamalkan pengurusan berasaskan data atau *Data Driven*. Oleh itu, semua pemimpin perlu beranjak dari zon keselesaan untuk memasuki zon ketakutan supaya belajar untuk menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk pengurusan sekolah yang lebih berkesan dalam abad ke-21 ini.

## **SIPARTNERS+ DAN PERANAN SEBAGAI RAKAN PENINGKATAN SEKOLAH**

**Haji Shbini bin Haji Saini**

SIPartners+ Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan,  
Jalan Datuk Mohammad Musa,  
94300 Kota Samarahan, Sarawak  
shbini.saini@moe.gov.my

### **ABSTRAK**

Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner*, SIPartners+) ialah perjawatan yang diwujudkan di setiap Pejabat Pendidikan Daerah seluruh negara bagi menjayakan Program Transformasi Daerah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Pembentangan ini akan mengetengahkan konsep bimbingan, bidang tugas, peranan dan fungsi pegawai SIPartners+ yang ditempatkan di setiap Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara dan penting difahami oleh semua pemegang taruh yang berkepentingan. Peranan sekolah yang dibimbing adalah memastikan proses bimbingan ini dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Sekolah juga bertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan yang telah dipersetujui secara *consensus* antara pemimpin sekolah dan pegawai SIPartners+ yang menjadi pembimbing sekolah berkenaan. Perkongsian ini juga merangkumi status pengisian perjawatan SIPartners+ dan membuka peluang kepada Pengetua yang berminat dan memenuhi syarat perlantikan. Diharap pembentangan ini dapat mendedahkan secara lebih jelas peranan dan fungsi SIPartners+ dalam membantu sekolah. Meningkatkan minat dan pengisian perjawatan bagi melengkapkan matlamat yang terkandung dalam PPPM bagi merealisasikan Visi Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

### **PENGENALAN**

Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner*, SIPartners+) ialah perjawatan yang diwujudkan di Pejabat Pendidikan Daerah bagi menjayakan Program Transformasi Daerah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.


Pengwujudan jawatan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) adalah berperanan sebagai pembimbing kepada para pemimpin (Barisan Pemimpin Tertinggi, *SLT*) di sekolah dalam aspek kepimpinan dan pengurusan bagi meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah. Tugas utama adalah untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada Pengetua dan Guru Besar ke arah peningkatan kualiti kepimpinan dan pengurusan organisasi.

Proses bimbingan oleh SIPartners+ dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi perlu berlandaskan 4 prinsip pengurusan yang terdapat dalam kerangka P-O-L-C, iaitu *Planning* (Merancang), *Organizing* (Mengelola), *Leading* (Memimpin) dan *Controlling* (Mengawal).



### FUNGSI DAN PERANAN SIPARTNERS+

Peranan SIPartners+ sebagai barisan hadapan untuk menerajui peningkatan standard dan prestasi sekolah terhadap pemimpin sekolah dalam bentuk bimbingan langsung yang intensif. Program ini bertujuan memastikan sokongan pembangunan profesional secara individu diberikan kepada PGB terbabit. Fungsi sokongan ini telah digariskan dalam bentuk 6 peranan utama berikut;




### KAEDAH DAN MOD BIMBINGAN

Setiap personel professional SIPartners+ telah diberi Latihan untuk membantu sekolah secara bimbingan dan pementoran (Coaching and Mentoring). Pembangunan kepakaran ini dilakukan oleh Institut Aminuddin Baki, KPM, sebuah organisasi yang dipertanggungjawab untuk membangunkan kapasiti kepimpinan



dan pengurusan pendidikan. Setiap SIPartners+ yang mengikuti dengan jaya dan lulus akan dianugerahkan *Certified Coach*. Kaedah bimbingan dilakukan secara Bimbingan (*Coaching*), Pementoran (*Mentoring*), Konsultasi dan Negosiasi. Mod bimbingan boleh dilakukan mengikuti kesesuaian sama ada secara bersemuka, *e-Coaching*, secara dalam talian atau *Hybrid*.




Kemahiran Khusus SIPartners+

## COACHING AND MENTORING

**Coaching** sebagai satu keadaan yang mana coach **berpasangan** dengan coachee dalam **satu proses yang mencabar minda dan kreativiti** yang memberi **inspirasi** kepada coachee untuk **memaksimumkan potensi peribadi dan profesional mereka**. *ICF (International Coaching Federation)*

**Pementoran** merupakan satu pendekatan untuk **memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara professional** oleh mentor (*pegawai yang terlatih, berkemahiran dan beretika*) bagi pembangunan diri mentee (*pegawai yang memerlukan bimbingan*). Pendekatan ini melibatkan perhubungan, pemindahan kemahiran personal dan professional seorang pegawai dalam jangka masa yang ditetapkan.

Proses *Coaching* yang digunakan oleh SIPartners+ dalam proses membimbing pemimpin sekolah adalah menggunakan model GROW (Sir John Whitmore (1937-2017)). Model ini sangat mudah dan sesuai dalam konteks Pendidikan untuk membantu *clients* (SLT) bagi membantu mereka mencapai matlamat yang dipersetujui secara konsesus. Sila lihat <http://www.coachingcultureatwork.com/> untuk lebih lanjut tentang model dan pelaksanaan model GROW ini.



**MODEL GROW DALAM COACHING AND MENTORING**

**1. G = GOAL**


**GOAL (MATLAMAT)**

- Coach dan coachee **BERSETUJU** mengenai isu dan matlamat sesi C&M yang ingin dijalankan.
- Apakah yang ingin dicapai semasa sesi ini.

**3. O = OPTIONS**

**PILIHAN**

- Meneroka idea idea yang mungkin untuk mencapai matlamat.
- Apakah yang boleh dilakukan untuk mengubah situasi ini.
- Apakah cadangan/pilihan yang boleh dibuat untuk mencapai matlamat yang telah dipersetujui.



**2. R = REALITY**

**REALITI (SITUA SI SEMA SA)**

- Mendapatkan kejelasan mengenai situasi semasa terhadap isu dan matlamat yang dipersetujui.
- Apakah keadaan yang berlaku kini, siapakah yang terlibat, apakah yang menghalangnya?

**4. W = WHAT NEXT (WAY FORWARD)**

**LANGKAH SELANJUTNYA**

- Mendapatkan komitmen apa yang akan coachee lakukan berdasarkan option yang telah dibincangkan.
- Bagaimana melakukannya
- Bila akan dilaksanakan.

## KEPAKARAN SIPARTNERS+

Fungsi SIPartners+ boleh dikategori sebagai tugas utama, tugas sokongan dan tugas sampingan. Senarai ini juga merupakan kepakaran SIPartners+ dan sentiasa dikemaskini dari segi tahap dan jenis-jenis kepakaran dari semasa ke semasa. Fungsi-fungsi ini sangat bermanfaat untuk dikolaboratif dengan sekolah dalam usaha mengupayakan kepemimpinan dan pengurusan sekolah. Oleh demikian, semua pemimpin sekolah perlu mengetahui aspek mana mereka perlukan bantuan daripada para SIPartners+ dalam daerah masing-masing. Antara keperluan kepakaran yang boleh dipertimbangkan oleh pemimpin untuk meningkatkan kapasiti mereka dalam konteks kepimpinan adalah seperti berikut;

**Kepakaran SIPartners+**

- TUGAS UTAMA:**
  - SKPM Kualiti @ Sekolah
  - TS25
  - KOMPAS 2.0
  - PRIME
  - PSO/RPS
- TUGAS SOKONGAN:**
  - KBAT
  - STEM
  - PBD
  - JURANG
  - DLP
  - Program/ Dasar Semasa
- TUGAS SAMPINGAN:**
  - Tugas-tugas AD HOC yang diarahkan oleh PPD seperti dari semasa ke semasa bergantung kepada perbincangan dan permintaan.

KLIENT/COACHEE SIPartners+ IALAH PEMIMPIN SEKOLAH (SLT) : PGB DAN SEMUA GPK

Antara contoh dasar dan program terkini yang perlu diurus dan dilaksanakan oleh pemimpin dan boleh mendapatkan sokongan langsung dengan lebih intensif daripada SIPartners+ adalah seperti berikut;

**Model SKPM Kualiti@Sekolah**

**BIMBINGAN PRime**


**BIMBINGAN TS 25**

**PERANAN PEGAWAI SCHOOL IMPROVEMENT PARTNER (SIPartners+)**

## KOMPAS


- Penggubalan KOMPAS 2.0 oleh Institut Aminuddin Baki, KPM adalah untuk:
- Menjadi panduan/rujukan standard kompetensi kepada pemimpin sekolah dalam mengurus dan memimpin organisasi Pendidikan.
  - Menjadi asas keperluan latihan dalam pembangunan kapasiti pemimpin sekolah melalui analisis keperluan latihan.
  - Membantu pemimpin sekolah untuk melihat perkembangan tahap kompetensi yang dicapai berdasarkan profil melalui penarafan sendiri untuk tujuan pembangunan profesional diri mereka.

Peranan SIPartners+ adalah membimbing pemimpin sekolah untuk memahami konsep KOMPAS dan membantu Pengetua/Guru Besar mengenalpasti tahap kompetensi dan tahap keperluan Latihan bagi meningkatkan kapasiti masing-masing sebagai pemimpin. Berikut adalah konsep dan aspek/domain dalam penilaian kompetensi pemimpin sekolah.



**BIMBINGAN KOMPAS 2.0**

BUKU KOMPAS 2.0  
<http://bit.ly/bukukompas20>



### Kepakaran SIPartners+

DOMAIN	KOD	KOMPETENSI
D1 : BERWAWASAN	D1K1	1. Pematuhan akta, peraturan dan dasar pendidikan.
	D1K2	2. Menterjemah visi dan misi KPM
	D1K3	3. Penetapan strategik
D2 : INSTRUKSIONAL	D2K1	4. Instruksional berfokus kurikulum
	D2K2	5. Pembudayaan penyelidikan
	D2K3	6. Pemantauan menyeluruh
	D2K4	7. Pembudayaan ekosistem digital
D3 : SUMBER OPERASI	D3K1	8. Mengurus pelbagai data
	D3K2	9. Mengurus sumber fizikal
	D3K3	10. Mengurus sumber pendidikan
	D3K4	11. Membangunkan sumber manusia
	D3K5	12. Mengurus kewangan
	D3K6	13. Mengurus risiko
D4 : KUALITI PERIBADI	D4K1	14. Integriti
	D4K2	15. Orientasi kecemerlangan
	D4K3	16. Orientasi keusahawanan
	D4K4	17. Kemahiran mengurus sendiri dan sosial
D5: HUBUNGAN	D5K1	18. Membina jaringan dan jalinan

STATUS KOMPETENSI		STATUS TNA		
SKOR	TAHAP	SKOR	TAHAP	KEPERLUAN
0.01	SANGAT RENDAH	0.01	SANGAT TIDAK PERLU	SANGAT TIDAK PERLU
1.01	RENDAH	1.01	TIDAK PERLU	TIDAK PERLU
2.01	SEDERHANA	2.01	KURANG PERLU	KURANG PERLU
3.01	TINGGI	3.01	PERLU	PERLU
4.01	SANGAT TINGGI	4.01	SANGAT PERLU	SANGAT PERLU

## Pengisian SIPartners+ Daerah

Semasa permulaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) pada Januari 2014, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak 60 perjawatan (2013) dan kemudian ditambah menjadi 61 semasa semakan semula PPPM pada 2019. Semua pihak menyedari peri pentingnya jawatan SIPartners+ perlu ada di setiap PPD. Berikut adalah kedudukan semasa pengisian dan kekosongan perjawatan SIPartners+ mengikut daerah setakat Mei, 2023;



WARAN			PENGISIAN		KOSONG	
61			32		29	
PENGISIAN LENGKAP			PENGISIAN SEPARA		TIADA PENGISIAN	
1	BELAGA		1	BARAM	1	BETONG
2	DALAT		2	BAU	2	BINTULU
3	LUBOK ANTU		3	KUCHING	3	DARO
4	MARADONG		4	LAWAS	4	JULAU
5	MIRI		5	LIMBANG	5	KANOWIT
6	SAMARAHAN		6	MUKAH	6	KAPIT
7	SARATOK		7	PADAWAN	7	LUNDU
8	SELANGAU		8	SARIKEI	8	SRI AMAN
9	SIBU		9	SERIAN	9	SUBIS
10	SONG		10	SIMUNJAN	10	TATAUSABALIH

**Senarai Pegawai SIPartners+ Mengikut PPD, Sarawak**

**SENARAI PEGAWAI SIPARTNERS+ SARAWAK SETAKAT 31 MEI 2023**


Bil	NAMA (HURUF BESAR)	PPD
1	K MUTHARASU A.L KRISHNASAMY	BARAM
2	MARIA JAU	BARAM
3	DR. CHEE KIN SIONG	BAU
4	DENIS HANG BILANG	BELAGA
5	PHUA AH SIEW	BINTULU
6	NORHAYATI BINTI SULAIMAN	DALAT
7	TAN LEE SUAN	KUCHING
8	NURUL IMAN @ PENDI ANAK SADI	KUCHING
9	MOHD DZUL BADZLI ABDULLAH	LAWAS
10	AHMAD BIN MELAN@SARIF	LIMBANG
11	GOH KAW SZE	LUBOK ANTU
12	JALANI HASIM	MERADONG
13	LAU SIAH TECK	MERADONG
14	MICHAEL ANAK BUS	MIRI
15	ALBERT ONG NGEER HONG	MIRI
16	MOHAMMAD SHAZWAN BIN SEUN	MUKAH
17	JUDAH BINTI AHMAD	PADAWAN
18	LO LIAT LING	PADAWAN
19	ROGER ANAK PETER	PADAWAN
20	SHBINI BIN SAINI	SAMARAHAN
21	SERAYA BINTI SULAIMAN	SAMARAHAN
22	RAMLE BIN SARUJI	SARATOK
23	NAIMAH BINTI HJ. AHMAD	SARATOK
24	TING SING TECK	SARIKEI
25	JAMBA ANAK SUMPING	SELANGAU
26	RAFI BIN TAIZEL	SERIAN

27	CHARLES KORED ANAK JUUT	SERIAN
28	IMELDA AMELIA BILLIE	SIBU
29	LAW TUA BENG	SIBU
30	KIEW SOON LEE	SIBU
31	CLAUDIUS LIEW SZE KIONG	SIBU
32	MOHAMMAD BIN BRAHIM	SIMUNJAN
33	LILY ANAK TAMA	SONG

### Kekosongan Jawatan SIPartners+ Mengikut Stesen Pejabat Pendidikan Daerah

KEKOSONGAN PEGAWAI SIPartners+ PPD SARAWAK (Mei,2023)				
BIL	NAMA	NO KP	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH	KURANG
1			BARAM	1
2			BAU	1
3				
4			BETONG	2
5				
6			BINTULU	1
7				
8			DARO	2
9				
10			JULAU	2
11				
12			KANOWIT	2
13				
14			KAPIT	2
15			KUCHING	1
16			LAWAS	1
17			LIMBANG	1
18				
19			LUNDU	2
20				
21			MUKAH	1
22			PADAWAN	1
23			SARIKEI	1
24			SERIAN	1
25				
26			SRI AMAN	2
27				
28			SUBIS	2
29			SIMUNJAN	1
30			TATAU / SABAH	1

### Syarat Permohonan Jawatan SIPartners+



#### Syarat Lantikan SIPartners+

**Syarat Umum;**

1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang berkhidmat dan disahkan dalam perkhidmatan.
2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 85% ke atas berdasarkan markah Laporan Prestasi Tahunan (PBPPP) untuk 3 tahun ke belakang.
3. Bebas daripada tindakan tatatertib.
4. Telah mengistiharkan harta.
5. Bebas senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan, dan
6. Bersedia bertukar dan ditempatkan mengikut kekosongan.

**Syarat Khusus**

1. Telah dilantik ke gred semasa DG52/DG54 (KUP).
2. Pengetua Prestasi Cemerlang atau Pengetua Berprestasi Cemerlang.
3. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Pengetua.

\*Kepada Pengetua yang layak dan berminat, boleh hubungi Sektor Perancangan dan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah (SPPD) di Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching.

## **PENUTUP**

Diharap para pemimpin sekolah yang terdiri daripada Barisan Pemimpin Tertinggi (SLT) dapat memahami peranan dan tugas SIPartners+ dan merancang bagaimana kelebihan dan peranan SIPartners+ di daerah masing-masing dapat dimanipulasi ke tahap optimum dengan lebih berkesan dan bermakna.

Dari segi pengisian perjawatan, dengan PPPM yang akan tamat pada 2025, diharap para Pengetua yang berkelayakan, dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing secara profesional untuk mendokong hasrat Kementerian Pendidikan dalam usaha menghasilkan organisasi cemerlang melalui pemeraksanaan kompetensi kepemimpinan sekolah di semua peringkat rendah dan menengah. Diharap kumpulan pengetua Sarawak ini memohon pengisian perjawatan bagi kuota negeri Sarawak agar kuota yang diperuntukkan dapat dipenuhi secepat mungkin sebelum tempoh berkenaan tamat.

## PERANAN PENGETUA DALAM PENGURUSAN KEWANGAN DI SMK KUCHING HIGH

**Tan Kiang Tuang**

SMK Kuching High, Jalan Mathie,  
93100 Kuching, Sarawak  
kiangtuang65@gmail.com

### ABSTRAK

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang pentadbiran harta dan kewangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang terdapat dalam 'Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 di bawah Akta Pendidikan 1996' dan Tatacara Harta serta Tatacara Kewangan yang sedang berkuat kuasa. Dengan kata lain, sumber kewangan yang diturunkan perlu diurus dengan baik dan tertakluk kepada pengauditan. Tetapi sering kita dengar dari pengurus sekolah berkata sedemikian semasa pengauditan akaun sekolah tahunan oleh Bahagian Audit Sekolah (BAS) iaitu "*Asalkan tidak mendapat audit berteguran sudah memadai*". Kenapa ramai tidak berani katakan "*Pengurusan kewangan sekolah saya pada tahun ini PASTI cemerlang*" sebelum keputusan pengauditan dimaklumkan walaupun rata-rata Pengurus Sekolah tahu dan sedar bahawa pengurusan kewangan merupakan salah satu daripada sembilan bidang tugas utama yang perlu dilaksanakan setiap hari dan kepentingannya sama dengan pengurusan bidang lain dan kemahirannya perlu dikuasai sepenuhnya selain daripada akauntabiliti dan integriti yang merupakan dua nilai wajib dalam pengurusan kewangan bagi memastikan tidak berlaku ketidakakuran dalam prosedur kewangan di samping mencapai matlamat organisasi. Selain itu, bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah sentiasa berada pada tahap cemerlang, maka ilmu pengurusan kewangan ini juga perlu didedahkan kepada setiap guru yang diberikan hak mengurus kewangan masing-masing agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada Pembantu Tadbir yang mengurus kewangan. Sama ada Pengurus Sekolah sedar atau tidak, semasa meluluskan nota minta berkaitan dengan sesuatu perolehan atau perkhidmatan, mereka perlu memainkan peranan sebagai audit tersirat atau audit di belakang tabir bagi memastikan TEPAT PADA PERMULAANYA, dan TEPAT PADA PROSES SELANJUTNYA. Apabila ini dipatuhi, maka tugas audit dalaman sekolah akan menjadi lebih mudah. SMK Kuching High sentiasa mengamalkan akronim KUCHINGHIGH dalam pengurusan kewangan iaitu komitmen, segera (*urgent*), semak dan berhati-hati (*check & careful*), *highlight*, integriti, kemas (*neat*), gading bahu, hemah, memaklum (*inform each other*), membimbing (*guide*), menghargai pasukan terlibat (*honor our team*) bagi memastikan pengurusan kewangan sekolah sentiasa pada tahap yang cemerlang.

### PENGENALAN

Salah satu daripada 9 bidang tugas utama Guru Besar dan Pengetua adalah Pengurusan Kewangan. Ini telah memberi maksud kepada para pemimpin

sekolah bahawa bidang ini perlu diberi perhatian serius dan ilmu pengurusan kewangan perlu dikuasai oleh pengurus sekolah agar tidak berlaku sebarang kepincangan. Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kewangan dan panduan yang terdapat pada Buku Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah perlu difahami dan dijadikan asas pengurusan di peringkat sekolah. Wan Mohd.Zahid (1994), dalam buku garis panduan Perakaunan dan Kewangan Sekolah menyatakan pengetua selaku pengurus pendidikan bukan sahaja dikehendaki mahir dalam bidang pendidikan tetapi juga mahir dalam bidang pengurusan khususnya pengurusan kewangan sekolah perlu dipertingkatkan supaya mencapai kemenangan.

## **PERANAN PENGETUA DALAM PENGURUSAN KEWANGAN**

Menurut Adi Badiozaman (2001), tiga aspek kewangan yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin sekolah dalam usaha meningkatkan dan menjamin akuntabiliti dan keberkesanan pengurusan kewangan di peringkat sekolah masing-masing adalah :-

1. Tahap penglibatan pengetua dalam hal ehwal pengurusan kewangan.
2. Kecekapan mengenalpasti dan memperbaiki beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pengawalan kewangan.
3. Kemahiran dan keupayaan mewujudkan beberapa pendekatan dan mekanisme pengurusan bagi meningkatkan akauntabiliti di kalangan semua pihak warga sekolah.

Sebagai Pengetua di SMK Kuching High, saya memegang prinsip ini dalam pengurusan kewangan. Dari aspek penglibatan, saya terlibat secara menyeluruh dalam hal pengurusan kewangan dan akaun di sekolah. Bagi saya setiap hari ada hal kewangan yang perlu diuruskan. Maka saya telah memperuntukan sekurang-kurangnya setengah jam sehari untuk mengurus kewangan di sekolah yang melibatkan tiga jenis kumpulan wang iaitu Kumpulan wang Kerajaan, Wang SUWA dan Bantuan melalui waran peruntukan kecil. Setiap hari kita perlu memantau status perbelanjaan setiap kumpulan wang, mengkaji dan meluluskan nota minta guru berdasarkan 'quotation' dan tujuan perbelanjaan berkenaan, menandatangani pesanan sekolah, menyemak invois, baucar bayaran sebelum menandatangani pembayaran. Selain itu, perlu semak juga setiap transaksi di iGFMAS sama ada terdapat EFT terbatal, menyemak baucar jurnal, memperakui e-Terimaan, menyemak AP103, menyemak laporan prestasi pembayaran bil dan menyemak senarai tugas serta audit pemenuhan yang ada pada ePerolehan. Saya Bersama kerani kewangan yang mengurus kewangan juga menetapkan bahawa setiap bil yang lengkap dan sempurna sama ada Kumpulan Wang Kerajaan atau Vot Dana akan kami bayar dalam tempoh tiga hari. Saya bersyukur dengan adanya kerani yang begitu komited terhadap tugasnya, semua bil sekolah ini semuanya dibayar dalam tempoh 3 hari dan hampir 97% daripada bil dibayar dalam tempoh hari yang sama.

Setiap hari pertama bekerja pada awal bulan, penglibatan saya dalam mengurus kewangan dan akaun di peringkat sekolah sekurang-kurangnya 3 jam kerana perlu menyediakan pelbagai laporan kepada pihak JANM. Selepas setiap laporan dijana oleh Pembantu Tadbir (Kewangan) serta laporan pengesahan baki



pada Vot Dana, Akaun Terimaan, Akaun Deposit, Akaun Amanah, Laporan Baki Aset dan laporan prestasi buku vot, saya akan menyemak dengan teliti setiap laporan sebelum tandatangan kerana setiap kesilapan pada bulanan akan membawa kesan kepada laporan sukuan dan seterusnya laporan tahunan nanti, dan telah menjadi KPI peringkat sekolah bahawa setiap laporan kewangan yang perlu dikemukakan kepada JANM mesti disiapkan dalam tempoh 3 hari. Setakat 5 tahun kebelakangan ini, setiap laporan ini telah sempat kami hantar kepada pihak JANM dalam tempoh sehari sahaja. Ini memang akan meningkatkan imej sekolah di peringkat JANM cawangan Sarawak. Begitu juga dengan pelaporan eTerimaan dalam iAREF, biasanya disediakan pada setiap hari pertama bulan berikutnya walaupun pada hujung minggu atau cuti umum pada hari berkenaan.

Dari aspek kecekapan mengenalpasti dan memperbaiki beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pengawalan kewangan pula, setiap warga sekolah perlu diperjelaskan tentang peraturan-peraturan kewangan yang masih berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Pengurusan kewangan juga melibatkan prinsip-prinsip pengurusan seperti perancangan, pengelolaan, pengarahan, pengawalan dan penilaian. Dari aspek perancangan, setiap warga guru yang diamanahkan untuk mengurus Kumpulan Wang Sekolah akan diminta merancang perbelanjaannya melalui mesyuarat panitia berdasarkan peruntukan yang akan diagihkan dalam tahun semasa agar setiap wang ringgit yang dibelanjakan akan membawa impak kepada kemenjadian murid dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Kebiasaannya di SMK Kuching High, perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Kali Pertama.

Dari segi pengelolaan pula, setiap warga guru dan anggota kakitangan sokongan yang diberi amanah mengurus kewangan akan diberikan surat penurunan kuasa, dan had kuasa memperakui bagi penolong kanan. Begitu juga dengan tatacara perbelanjaan, yang terdapat dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil.1/2021 perlu diterangkan kepada setiap warga sekolah. Selain itu setiap program/aktiviti yang dirancang khasnya menggunakan peruntukan di bawah BSS, BKK, kegiatan Pendidikan Islam/ Moral dan YKS perlu ada kertas kerja, dibawa bincang dan dipersetujui oleh pengetua. Proses perbelanjaan perlu sentiasa dimaklumkan kepada warga guru agar konsep TEPAT PADA PERMULAAN dapat dijamin. Dari aspek pengarahan pula, setiap item atau perkhidmatan yang akan ditempah perlu pengetua tahu tujuan penggunaannya sebelum meluluskannya. Pengetua juga perlu sekali sekala meminta Ketua Panitia melapor prestasi perbelanjaannya dan status program yang dirancang. Impak program serta aspek penambahbaikan yang perlu diberi perhatian juga harus dibincangkan kerana ia melibatkan implikasi kewangan pada masa depan.

Dari segi pengawalan pula, pengetua perlu melaksanakan bimbingan dan pementoran secara berkala. Walaupun pendedahan tentang Surat Pekeliling Kewangan Bil.1/2021 pernah diadakan tetapi dari segi pengamalan, masih ada berlaku kepincangan di sebilangan kecil guru, jadi semasa meluluskan nota minta, memang akan saya telitikan setiap proses dan tujuan perbelanjaan agar tidak menyalahkan penggunaan peruntukan ini. Jadi peranan pengetua sebagai “audit di belakang tabir” perlu saya pegangkan agar mengelakkan kesilapan berlaku. Semakan mengejut juga perlu diadakan dari semasa ke semasa walaupun Pekeliling Kewangan hanya memerlukan ketua jabatan membuat semakan mengejut dua kali setahun. Saya sedar dan sentiasa mengingatkan warga guru bahawa sekiranya langkah pertama silap, maka agak payah untuk diperbetulkan sekiranya barangan/perkhidmatan telah diterima. Selain itu, setiap peringkat juga

perlu berhati-hati, sekiranya silap di mana-mana peringkat, ia juga akan membawa kesan buruk terhadap pengurusan kewangan di sekolah. Sekiranya kesilapan dikesan selepas pembayaran, pengetua tidak boleh salahkan kerani yang mengurus akaun berkenaan dan guru yang menggunakan peruntukan ini kerana setiap peringkat perbelanjaan bermula dari permohonan kelulusan sehingga pembayaran semuanya diluluskan dan ditandatangani oleh pengetua. Jadi untuk memastikan pengurusan kewangan pada tahap *zero defect*, memang saya melibatkan diri sepenuhnya, mana-mana peringkat pengurusan kewangan akan saya *check and recheck* bagi memastikan tiada kesilapan sebelum dikunci masuk dalam sistem atas talian.

Dari segi penilaian pula, selain daripada peranan pengetua sebagai 'audit di belakang tabir' di setiap peringkat kewangan, peranan audit dalaman peringkat sekolah juga sangat penting. Jadi pada bahagian ini, saya sedar kesemua juruaudit yang dilantik oleh pihak sekolah adalah daripada kalangan guru, maka latihan audit dalaman perlu diadakan untuk memastikan juruaudit yang dilantik ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengaudit Kumpulan Wang Sekolah dan bidang-bidang lain seperti pengurusan belanjawan, pengurusan hasil, pengurusan perolehan, pengurusan perbelanjaan, pengurusan perakaunan dan pengurusan aset. Jadi instrument dan senarai semak pengauditan perlu ada pada juruaudit dalaman, begitu juga dengan laporan dapatan dari Bahagian Audit Sekolah (BAS). Di SMK Kuching High, pihak sekolah telah menetapkan pengauditan dilaksanakan pada setiap sukuan dan laporan dibentangkan dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Peringkat Sekolah. Juruaudit peringkat sekolah SMK Kuching High sentiasa berbincang dengan Pengetua mengenai aspek pengauditan yang kurang jelas dan kepincangan yang telah dikenalpasti agar tindakan pembetulan dapat diambil segera.

Dari aspek kemahiran dan keupayaan mewujudkan beberapa pendekatan dan mekanisme pengurusan bagi meningkatkan akauntabiliti di kalangan semua pihak warga sekolah, sekolah ini sentiasa mengadakan perbincangan khasnya berkaitan dengan tatacara perbelanjaan Kumpulan Wang Sekolah dari semasa ke semasa bersama warga guru dan anggota kakitangan sokongan yang memerlukan bantuan dalam kumpulan kecil. Pihak sekolah juga sediakan modul latihan kepada audit dalaman sekolah tentang pengauditan Kumpulan Wang Sekolah. Bagi memantau status pembayaran pesanan sekolah yang ditanggung, pihak sekolah juga menghasilkan instrument khas untuk memantau perkara ini yang secara tidak langsung juga mengenalpasti baki setiap jenis bantuan yang diturunkan.

## KONSEP 'KUCHINGHIGH'

Kami mengamalkan KUCHINGHIGH dalam pengurusan kewangan bermula 2019. Sebelum itu, nilai-nilai yang terdapat dalam akronim ini memang telah dilaksanakan tetapi ia tidak sehati dengan jiwa warga sekolah ini. Jadi saya perlu mencari jalan bagaimana merumuskan nilai-nilai ini dalam satu ayat agar senang diingat dan mudah dilaksanakan. Inilah tercetus akronim KUCHINGHIGH yang membawa maksud berikut :-

- (i) **K-Komitmen:** Setiap warga yang diamanah untuk mengurus kewangan di sekolah ini perlu memberi komitmen yang sepenuhnya. Pengetua, Ketua Pembantu Tadbir dan Pembantu Tadbir (Kewangan) mesti meluang masa

- setiap hari dalam pengurusan kewangan agar segala tindakan yang perlu diambil di mana-mana peringkat kewangan dapat diselesaikan pada hari berkenaan.
- (ii) **U-Urgent:** *'Sense of urgency'* perlu ada dalam pengurusan kewangan. Setiap peringkat adalah mengikut tertibnya dan tidak melangkau tarikh yang ditetapkan. Ini nampak jelas dalam urusan tanggungan dan pembayaran bil yang perlu diselesaikan dalam tempoh tiga hari sebagai KPI bagi PTJ ini.
  - (iii) **C-Check & careful:** Pegangan "Tepat pada permulaannya dan tepat pada proses selanjutnya" menuntut kita perlu sentiasa membuat semakan. Bukan sahaja kerani perlu membuat semakan berterusan bagi memastikan tiada berlaku pelanggaran peraturan kewangan, pengetua juga perlu membuat semakan demi semakan sebelum menurun tandatangannya. Saya tidak boleh terima apa sahaja dokument kewangan yang dipersembahkan kepadanya tanpa semakan.
  - (iv) **H-Highlight:** Setiap isu dalam pengurusan kewangan perlu dibawa berbincang sama ada dalam Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun atau individu berkenaan agar kesilapan yang sama tidak berlaku pada masa depan. Amalan pengurusan kewangan yang baik perlu dikongsi demi faedah bersama.
  - (v) **I-Integriti:** Integriti dan akauntabiliti mesti ada pada setiap warga sekolah yang terlibat dalam pengurusan kewangan. Jadi setiap warga mesti faham dan patuhi tatacara yang ditetapkan dalam setiap surat pekeliling kewangan yang masih berkuatkuasa. Nilai ini perlu didukung oleh ketua jabatan bagi memastikan pengurusan kewangan yang telus dan cekap.
  - (vi) **N-Neat:** Ketelitian memang sangat dituntut dalam hal pengurusan kewangan bukan kerana ia melibatkan angka sahaja tetapi setiap perkara yang tercatat dalam dokument kewangan tertakluk kepada pengauditan Bahagian Audit Sekolah(BAS). Kesilapan mengunci masuk nilai kewangan dan ketidak-patuhan terhadap peraturan kewangan akan menjejaskan baki keseluruhan serta mengundang tindakan surcaj kepada ketua jabatan.
  - (vii) **G-Gading Bahu:** Urusan kewangan di sekolah bukan kerja seorang tetapi kerjasama sepasukan. Jadi prinsip kerjasama dan bantu membantu sentiasa saya terapkan dalam pengurusan kewangan di sekolah ini. Bantuan dari luar juga kita jangan segan untuk pohon sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan masalah berkenaan. Sehubungan itu, kami sentiasa mengadakan perhubungan yang rapat dengan rakan-rakan strategik dari luar seperti Penolong Pengarah, Penolong Akauntant dan Pembantu Tadbir (Kewangan) dari sekolah berdekatan, PPD, JPN, BAS dan JANM. Mereka sentiasa menghulur bantuan profesional dan memberi khidmat nasihat kepada pihak kami.
  - (viii) **H-Hemah:** Pengurusan kewangan mesti berhemah bagi memastikan tiada perbelanjaan yang melebihi peruntukan yang diberikan. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, perancangan awal yang tepat sangat diperlukan dan saya menasihat warga sekolah bahawa kita perlu *'menyimpan'* peratusan tertentu bagi menampung sesuatu yang di luar perancangan kita.
  - (ix) **I-Inform Each Other:** Setiap isu dan maklumat terkini berkaitan dengan pengurusan kewangan khasnya surat pekeliling kewangan perlu maklumkan kepada warga sekolah. Kemahiran mengurus perkara yang

baharu perlu didedahkan kepada ahli-ahli kita. Bantuan dari luar perlu dipohon sekiranya tiada kepakaran dalaman. Ini bertujuan untuk mengelakkan isu tidak dapat diselesaikan.

- (x) **G-Guide:** Sentiasa bersiap sedia untuk meminta bantuan rakan-rakan strategik dari luar untuk membantu kita sekiranya menghadapi kekangan dalam pengurusan kewangan. Sebagai Pengetua di sekolah ini, saya juga sentiasa membimbing ahli-ahli sekolah ini dalam hal pengurusan kewangan khasnya dalam pelaksanaan perkara baharu dalam kewangan. Begitu juga dengan rakan-rakan strategik dari luar, sekiranya mereka perlu bimbingan, saya juga bersedia membimbing mereka khasnya dari segi kemahiran menjalankan pengaduitan serta kemahiran mentaksir laporan akaun igfmas yang dijana.
- (xi) **H-Honor Our Team:** Pengurusan kewangan yang cemerlang di sekolah ini bukan kerana saya (Pengetua) yang mahir mengurus kewangan tetapi adalah kerjasama dan penglibatan sepenuhnya dari kesemua ahlinya. Kecemerlangan ini adalah hasil usaha semua ahli dalam organisasi ini termasuk rakan-rakan strategik sekolah ini dan penghargaan perlu diberikan kepada setiap pihak yang terlibat dari semasa ke semasa.

## KESIMPULAN

Pengurusan kewangan di sekolah perlu diberi perhatian oleh ketua jabatan. Saya percaya dengan penglibatan sepenuh Pengetua dalam bidang ini, ia akan membawa implikasi yang besar kepada warga sekolah kerana mereka pasti akan ikut dan patuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh ketua jabatan berdasarkan tatacara dan peraturan-peraturan kewangan yang masih berkuatkuasa. Di SMK Kuching High, atas penglibatan dan komitmen yang diberikan oleh Pengetua, prestasi pengurusan kewangan sekolah sentiasa menunjukkan peningkatan dan mantap sehingga mendapat prestasi cemerlang dalam Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Sekolah 2022 seperti yang dicatat pada **Penemuan Audit** Bahagian Audit Sekolah:

“Secara Keseluruhannya, tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan serta pengurusan kewangan sekolah adalah **CEMERLANG (100%)** dan perlu diberi pujian. Diharap pihak sekolah dapat meneruskan usaha untuk mengekalkan tahap penarafan cemerlang dan menjadi **role model** kepada sekolah-sekolah lain.”

## RUJUKAN

- Adi Badiozaman Tuah (2001). Akauntabiliti Pengetua Dalam Pengurusan Kewangan, Kertas Kerja Dibentangkan Sempena Seminar Kepengetuaan Kebangsaan Ke-2.
- Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., & Siraj, S. (2012). Kepimpinan Dan Proses Kawalan Terhadap Peruntukan Kewangan Sekolah: Perspektif Malaysia. *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan*, 4(02), 80–95.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). Garis Panduan Perakaunan dan Kewangan Sekolah, Kula Lumpur, DBP.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah, Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shahril @ Charil Marzuki. (2006). Mengurus Kewangan Sekolah. Kuala Lumpur, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2001). Pentadbiran Pendidikan, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

## **SISTEM PENDIGITALAN KECEMERLANGAN KOKURIKULUM (SPKK)**

**Mesra bin Beji**

SMK Lingga, Lot 907, Blok 16,  
95000 Sri Aman, Sarawak  
mesrabeji@gmail.com

### **ABSTRAK**

Sistem Pendigitalan Kecemerlangan Kokurikulum (SPKK) merupakan satu platform / dashboard yang telah dibangunkan untuk memudahkan pengumpulan maklumat berkaitan dengan data kokurikulum di SMK Lingga. Penggunaan sistem fail secara manual yang digunakan sebelum ini menimbulkan masalah seperti kecaciran data, kelewatan pelaporan, lupa tarikh dan lupa mengambil gambar aktiviti dan rekod sukar diakses oleh pihak pentadbir dan pemantau luar. Oleh itu, sistem dokumentasi kokurikulum sekolah menjadi tidak teratur dan tidak sistematik. Di samping itu, sistem fail secara manual juga menyebabkan penggunaan kertas yang banyak dan membazir serta tiada ruang untuk penyimpanan fail. Terdapat rungutan dalam kalangan guru yang mengatakan bahawa mereka agak terbeban dengan tugas membuat pelaporan secara manual kerana terpaksa mencetak pelaporan untuk dihantar dan difailkan. Di pihak pentadbir pula, sering kali menghadapi masalah semasa menjalankan pemantauan dan semakan fail kerana fail lambat dikemaskini, tiada eviden serta rekod penglibatan dan pencapaian murid gagal ditunjukkan apabila diminta. Oleh itu, sistem SPKK telah diperkenalkan untuk mengatasi isu tersebut. Sistem ini telah dibangunkan dengan 4 langkah penting iaitu Google Form, Document Studio, Google Drive dan Google Data Studio. Kesimpulannya, SPKK dibangunkan untuk membantu warga SMK Lingga untuk meningkatkan keberkesanan proses pengurusan data kokurikulum yang lebih baik daripada sistem manual sebelumnya. Aksesnya juga lebih mudah dan boleh diakses di mana sahaja pada bila-bila masa hanya dengan menggunakan telefon pintar atau komputer riba asalkan ada capaian internet.

Kata kunci: SPKK, digital, kokurikulum

Bidang Fokus : Projek ini memfokuskan bidang kokurikulum.

### **PENGENALAN**

Sistem pendokumentasian amat penting dan menjadi kemestian pada masa kini kerana sekolah sering didatangi oleh pihak pembimbing, pemantau ataupun pemverifikasi daripada luar untuk mengesahkan sesuatu aktiviti atau program yang dihasrat oleh oleh Kementerian Pendidikan dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Justeru itu, pihak sekolah perlu bersedia pada setiap masa dan dapat menyediakan maklumat, data dan rekod yang diperlukan apabila diminta.

Oleh hal yang demikian, sekolah perlu membudayakan amalan pendokumentasian yang efisien, sistematik serta konsisten. Walau bagaimanapun, pemimpin sekolah harus bijak membuat pertimbangan dengan mengambil kira beban tugas guru dan keperluan sekolah. Menurut Nur Aiman, 2021 daripada soal selidik yang dijalankan di Malaysia, mendapati 97.8% bersetuju bahawa aktiviti pelaporan dan pendokumentasian secara konservatif yang memerlukan guru mencetak kertas adalah sangat membebankan. Guru yang menganggap beban kerjanya sebagai tekanan, tidak dapat menjalankan tugas kerjanya dengan baik (Firdaus et al., 2019). Penemuan kajian juga menunjukkan terdapat penurunan keseluruhan kualiti kerja guru kerana faktor beban kerja dan tekanan (Green, 2018).

Menyedari hakikat ini, pemimpin sekolah harus bertindak mengikut situasi dan keperluan sekolah agar tidak menjejaskan motivasi seluruh warga sekolah di samping dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Rentetan daripada situasi tersebut juga, pemimpin sekolah bersama barisan SLT dan MLT perlu merungkai permasalahan ini supaya dapat menghasilkan intervensi atau inovasi baharu ke arah sistem dokumentasi yang mantap namun pada masa yang sama tidak membebankan guru serta seluruh warga sekolah.

## **LATAR BELAKANG SEKOLAH**

SMK Lingga merupakan sekolah baharu yang mula beroperasi pada 24 Jun 2018. Kini ia beroperasi dengan sejumlah 495 orang murid, 42 orang guru dan 8 orang Anggota Kumpulan Pelaksana. Sebagai sebuah sekolah yang baru, memang banyak kelemahan di sana-sini khususnya dalam pengurusan kokurikulum. Terdapat 6 Unit Beruniform, 9 Kelab dan Persatuan, 7 Sukan dan Permainan serta 11 Jawatankuasa Khas ditubuhkan di bawah bidang Kokurikulum di SMK Lingga.

Gred purata kokurikulum sekolah bermula dengan 2.48 (2020), 2.45 (2021) dan 2.31 (2022). Manakala kemudahan dan prasarana sukan dan kokurikulum di sekolah dalam keadaan sederhana. Kemenjadian murid juga di tahap yang memuaskan setakat ini. Pengurusan sistem dokumentasi kokurikulum perlu ditambah baik agar ianya selari dengan prasarana sukan dan kokurikulum, minat dan bakat murid serta kemenjadian murid dalam bidang kokurikulum.

## **ISU / KEPERLUAN PENAMBAHBAIKAN**

Kokurikulum ialah aktiviti pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan selepas waktu pembelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah, berasas dan lanjutan pelajaran sesi persekolahan. Menurut Peraturan Kursus Pengajian, Akta Pelajaran 1956, kokurikulum adalah *extra curriculum* atau 'kegiatan luar darjah'. Dalam pada itu, Peraturan-peraturan Kokurikulum Kebangsaan di bawah Warta Kerajaan, Akta Pendidikan 1995 yang bertarikh 31.12.1997 pula menyifatkan kokurikulum sebagai "kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan pelajar peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah".

Kokurikulum juga dikenali sebagai kurikulum tambahan (*extra-curriculum*) atau pendidikan untuk waktu lapang (*education for leisure*) atau aktiviti kelas tambahan (*extra-class activities*). Aktiviti-aktiviti kokurikulum sebahagian besarnya

dilakukan di luar bilik darjah. Ia merupakan aktiviti amali sebagai lanjutan kepada mata pelajaran di dalam bilik darjah, iaitu sebahagian daripada kurikulum formal yang merangkumi aktiviti-aktiviti persatuan, kelab, permainan dan sukan, serta unit beruniform yang dijalankan sebelum atau selepas waktu persekolahan. Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung, di mana ia menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

Berdasarkan analisis SWOT yang dibuat didapati kelemahan utama di SMK Lingga adalah sistem dokumentasi data, maklumat dan rekod kokurikulum tidak sistematik dan sukar diakses. Hal ini telah menyebabkan sekolah menghadapi masalah untuk menyediakan data dan maklumat yang diminta oleh pemantau daripada luar khususnya daripada PPD dan JPN Sarawak. Rekod kehadiran, laporan aktiviti perjumpaan, penglibatan serta pencapaian murid dalam bidang sukan dan kokurikulum tidak disimpan secara sistematik. Selain itu, berlaku keciciran maklumat kerana guru penasihat, guru pembimbing atau guru pengiring terlupa membuat pelaporan aktiviti kokurikulum murid sebaik sahaja selesai perjumpaan, aktiviti pertandingan serta kokurikulum tambahan.

Isu ini berlarutan sejak tahun 2018 sehingga tahun 2019 namun pada tahun 2020, setelah berlakunya *Era Vulca* maka ia menuntut perubahan yang drastik dalam pelbagai aspek. Bidang kokurikulum juga tidak terlepas daripada tuntutan tersebut yang memerlukan transformasi dari segi penyampaian maklumat, data dan rekod. Bukan sahaja pelaksanaan dan penyertaan aktiviti kokurikulum dijalankan secara maya malahan pelaporan aktiviti kokurikulum juga dibuat secara maya kerana ia merupakan satu-satunya platform yang boleh menghubungkan di antara satu sama lain ketika pandemik melanda negara. Oleh kerana itu, kita memutuskan bahawa sistem pengurusan dan dokumentasi kokurikulum perlu bergerak seiring dengan tuntutan semasa.

SMK LINGGA  
PERSATUAN BULAN SABIT MERAH (PBSM)  
TAHUN 2020

KEHADIRAN TINGKATAN 2

BIL	NAMA AHLI	JAN	KELAS	BILANGAN / TARIKH AKTIVITI												JUM
				1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	ABANG ZAKRI BIN ABANG BOHARI	L	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
2	ASNAH JUWANA BINTI JELANI	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
3	AZIE KUNTAN ANAK DUJIE	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
4	AZIFITRI BINTI MOHAMAD JOHARI	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
5	CECILIA JABI ANAK DENNIS	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
6	DORISHA NATASHA ANAK HARRY	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
7	HENRY ESTANADA ANAK RAIT	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
8	IVYLIA NANYIE ANAK COLIN	L	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
9	FEDRICK WALTER ANAK GERUKA	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
10	MELVIN IVAN ANAK JUA	L	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
11	MUHAMMAD HAIKAL BIN ABDULLAH PUTIT	L	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
12	NAFEESA UNING ANAK PENGARAH	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
13	NORBANI BINTI BRUNIE	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
14	NORSHILA BINTI JERAIE	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
15	NUR AFIAH BINTI ZULKIPLI	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
16	NUR ALWANI BINTI OSMAN	P	2A	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
17	DAYANG AINA FARAHANI BINTI ABANG BUSMAN	P	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
18	DAYANG PUTERI MASRANI BINTI ABG ABDUL RASHID	P	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
19	EVE MENYAN ANAK MECMARA	P	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
20	HELLISHA ANAK JEENO	P	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
21	JACKLYNNA ISSABELL ANAK SANDA	P	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
22	MOHAMAD IKMAL HAKIMI BIN ABDULLAH	L	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
23	MOHAMMAD KHAIRIL MUHAMMIN BIN JARAWI	L	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9
24	MUHAMMAD AZISA BIN AMARAN	L	2B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	9

24 22 20 19 19 21 18 11 17

Gambar 1: Rekod Kehadiran Kokurikulum Secara Manual



**LAPORAN / REKOD MINGGUAN KEGIATAN KOKURIKULUM**

Kelab / Persatuan	Kebudayaan		
Perjumpaan Ke	5	Tarikh Aktiviti	09/05/23
Tempat Aktiviti	Kantin Sekolah	Masa	150 - 2.30
Bil. Ahi Didaftar	46	Bil. Ahi Hadir	37
Guru Penasihat	1	NOR BAIZURAH BT OSMAN	
Semakan keberadaan guru oleh pemantau	2	STEPHANIE AK. BENET	
	3	MOHD AIDIL FARIZ ZALUL	
T.T & Jawatan	9/5/2023		

Agenda / Nama Aktiviti: *Tarian Asas Sumazau*

**LAPORAN AKTIVITI**

Guru menayangkan video berkaitan asas tarian Sumazau

murid meneliti setiap pergerakan yang ditunjukkan

murid melakukan gerakan bersama-sama

murid dibahagikan kepada empat kumpulan bersama seorang mentor

mentor akan menimbang setiap ahli sehingga pergerakan untuk tarian dapat dilaksanakan dengan tepat

Setiap kumpulan mempersembahkan tarian masing-masing

Penilaian oleh guru. Refleksi oleh murid dan guru

**Hasil/Refleksi Aktiviti:** Aktiviti berlangsung dengan lancar. Setiap murid mengikuti aktiviti dengan baik gembira. Tarian kumpulan dapat disampaikan dengan baik atas kerjasama setiap ahli. Tarian Sumazau dapat dikuasai oleh semua.

Disediakan oleh, Disemak dan disahkan oleh,

*Cynthia* *NOR BAIZURAH BT OSMAN*

Nama: Cynthia Angie anak kongsia Nama: NOR BAIZURAH BT OSMAN  
 Jawatan: Setiausaha Guru Penasihat

Catatan pemantau: *Aktiviti Sumazau secara berkelompok dibimbing oleh mentor setiap kumpulan. Baik!*

19

Gambar 2: Pelaporan Aktiviti Perjumpaan Kokurikulum Secara Manual

Gambar di atas menunjukkan contoh rekod dan pelaporan kokurikulum sebelum ini yang agak membebankan guru untuk menyediakannya kerana terpaksa menggunakan tulisan tangan dan juga perlu mencetak pelaporan untuk dimasukkan ke dalam fail. Penggunaan kaedah pelaporan sebegini memerlukan kos yang tinggi khususnya untuk menyediakan fail, pembelian kertas dan dakwat. Selain itu, ia juga memerlukan ruang yang besar untuk penyimpanan fail menyebabkan guru penasihat merasa terbeban dan kurang motivasi untuk menyediakan dokumentasi pengurusan kokurikulum.

Jadual berikut pula menunjukkan dapatan soal selidik tahap kepuasan guru terhadap sistem penyediaan dokumentasi pelaporan kokurikulum pada tahun 2019.

		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya menyediakan pelaporan kokurikulum sebaik sahaja selesai aktiviti perjumpaan / pertandingan	-	40	-	2	-
2	Saya terlupa tarikh, aktiviti yang dijalankan, penglibatan dan pencapaian murid serta mengambil gambar aktiviti.	-	2	-	39	1
3	Saya dapat menyediakan data, maklumat dan rekod kokurikulum dengan kadar segera apabila diminta	30	5	5	2	-
4	Penyimpanan data, maklumat dan rekod kokurikulum lebih mudah dan menjimatkan	39	1	-	2	-
5	Saya merasa terbeban dengan penyediaan data, maklumat dan rekod kokurikulum	-	-	-	31	11

Jadual 1: Dapatan Soal Selidik Tahap Kepuasan Guru Sebelum Inovasi (42 orang)

Dapatan soal selidik tersebut membuktikan bahawa amalan sistem dokumentasi secara manual sangat membebankan guru kerana mereka sering terlupa menyediakan pelaporan, kos penyediaan fail, kertas dan dakwat tinggi, sukar diakses oleh pentadbir dan pemantau luar serta memerlukan ruang yang besar untuk penyimpanan fail. Justeru itu, amatlah perlu untuk melaksanakan intervensi atau inovasi bagi menyelesaikan isu-isu tersebut demi melestarikan kemenjadian murid tanpa mengesampingkan motivasi dalam kalangan guru. Jawatankuasa Pengurusan dengan kerjasama semua guru dan AKP menggembeleng tenaga dan usaha untuk merealisasikan harapan tersebut.

## **INOVASI PENDOKUMENTASIAN PELAPORAN KOKURIKULUM.**

### **1. PERANCANGAN**

Setelah mengenalpasti isu yang berlaku dalam bidang kokurikulum, tindakan awal telah dijalankan iaitu mengadakan mesyuarat kokurikulum. Ahli mesyuarat memutuskan untuk membentuk Jawatankuasa Kerja bagi mengatasi isu-isu pendokumentasian pelaporan kokurikulum. Jawatankuasa ini mengenalpasti isu berlaku melalui soal selidik tahap kepuasan dalam kalangan guru penasihat dan Penolong Kanan Kokurikulum. Jawatankuasa kerja yang telah dibentuk juga mengumpul maklumat berkaitan cara penyimpanan dan sistem dokumentasi pelaporan dan rekod yang telah dilaksanakan dalam bidang Kokurikulum. Setelah melihat situasi tersebut, Jawatankuasa Kerja telah merangka strategi untuk mengatasi isu tersebut melalui pendigitalan pelaporan pengurusan kokurikulum.

## 2. PELAKSANAAN


Pada fasa pelaksanaan, Jawatankuasa Kerja yang telah ditubuhkan telah merangka satu sistem digital untuk memudahkan penyimpanan data kokurikulum secara maya yang lebih efisien. Pelaksanaan ini telah melibatkan pihak pengurusan dan juga seluruh warga sekolah.

### Aktiviti 1: Perbincangan Jawatankuasa Kerja.

Setelah mesyuarat dijalankan, Jawatankuasa Kerja telah berbincang dan merancang strategi untuk menyelesaikan isu yang timbul iaitu penyimpanan data yang tidak sistematik dan seringkali tercicir serta sukar untuk mengakses data. Oleh itu, Sistem Pendigitalan Kecemerlangan Kokurikulum (SPKK) telah disepakati secara kolektif untuk dibangunkan di sekolah untuk mengatasi isu yang dikenal pasti.

### Aktiviti 2: Pembangunan SPKK

Terdapat beberapa fasa dalam pembangunan sistem ini seperti berikut:



Carta 1 : Fasa pembinaan SPKK

### Aktiviti 3: LDP SPKK SMK Lingga

Setelah sistem SPKK ditubuhkan, beberapa sesi LDP telah dijalankan untuk memberi pendedahkan dan memperkenalkan kepada para guru berkaitan dengan SPKK. LDP juga dijalankan untuk menerangkan cara pengoperasian SPKK agar semua guru boleh menggunakan aplikasi tersebut dengan baik.

### Aktiviti 4: Maklum balas


Setelah diperkenalkan, maklum balas telah dikumpul dari para guru tentang tahap kepuasan mereka terhadap SPKK. Didapati para guru sangat suka dan menganggap SPKK sangat memudahkan tugas mereka untuk mengisi pelaporan kokurikulum. Berikut merupakan maklum balas soal selidik yang dijalankan selepas SPKK dilaksanakan.

		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya menyediakan pelaporan kokurikulum sebaik sahaja selesai aktiviti perjumpaan / pertandingan	-	-	-	1	41
2	Saya terlupa tarikh, aktiviti yang dijalankan, penglibatan dan pencapaian murid serta mengambil gambar aktiviti.	38	4	-	-	-
3	Saya dapat menyediakan data, maklumat dan rekod kokurikulum dengan kadar segera apabila diminta	-	-	-	12	30
4	Penyimpanan data, maklumat dan rekod kokurikulum lebih mudah dan menjimatkan	-	-	-	2	40
5	Saya merasa terbeban dengan penyediaan data, maklumat dan rekod kokurikulum	40	2	-	-	-

Jadual 2: Dapatan Soal Selidik Tahap Kepuasan Guru Selepas Inovasi (42 orang)

## IMPAK INOVASI YANG DILAKSANAKAN


Impak pelaksanaan sistem yang merupakan satu perubahan yang ketara dalam penyimpanan data dan rekod kokurikulum yang lebih baik dan sistematik. Sistem ini memberi impak positif kepada semua pihak kerana ianya memudahkan pengumpulan data dan pelaporan kokurikulum tanpa berlaku masalah kecaciran maklumat dan eviden. Sistem penyimpanan secara maya juga memudahkan semua mengakses data dengan mudah di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa berbanding dengan sistem penyimpanan laporan secara manual. Secara tidak langsung, sistem ini telah mengurangkan penggunaan kertas. Dokumentasi data juga disimpan dengan tersusun dan lebih sistematik secara maya di *Google Drive*. Sistem pendigitalan kokurikulum merupakan satu inovasi yang mesra pengguna. Sistem ini dapat diakses menggunakan komputer riba dan juga telefon pintar. Tiada lagi isu lambat, data tercicir, lupa dan sebagainya. Namun, cabaran pelaksanaan SPKK adalah masalah talian internet yang kadang kala tiada capaian serta kemahiran ICT dalam kalangan guru. Peralihan daripada penggunaan sistem fail secara manual kepada sistem digital memang pada mulanya mendapat pelbagai reaksi daripada guru di sekolah namun lama kelamaan ianya sudah menjadi budaya dalam kalangan mereka.




Rajah 3: Paparan SPKK menggunakan komputer riba




Gambar 4 : Paparan SPKK pada telefon pintar



Gambar 5: Paparan Dashboard SPKK



Gambar 6: Contoh Pelaporan



Gambar 7: Contoh Analisis Pencapaian

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PADA MASA HADAPAN**

Penerimaan yang baik daripada guru-guru telah memberi peluang yang baik dan perjalanan yang lancar dalam penggunaan sistem SPKK ini. Bukan sahaja warga SMK Lingga yang sangat teruja dan bersemangat untuk menggunakan sistem ini, malah sekolah lain dan juga Pejabat Pendidikan Daerah Sri Aman berminat untuk menggunakan sistem ini. Maka, perancangan masa depan adalah dengan memperluaskan penggunaan SPKK ke PPD dan juga ke sekolah lain-lain di Daerah Sri Aman. Sistem ini dapat membantu memantau pelaksanaan dan pelaporan kokurikulum di Daerah Sri Aman untuk melaksanakan bimbingan serta kunjung bantu ke sekolah.

## **RUMUSAN**

Usaha ini telah mendatangkan impak positif kepada sekolah khususnya dalam pengurusan data kokurikulum. Selain itu, ia juga telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT dalam kalangan warga SMK Lingga. Justeru itu, segala maklumat berkaitan dengan kokurikulum SMK Lingga boleh diakses di hujung jari sahaja. Walau bagaimana pun masih terdapat ruang lagi untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

Semakin banyak sokongan yang diberikan kepada guru, semakin berkurangan beban kerja mereka kerana guru mempunyai lebih banyak panduan untuk mengatur cara mereka melaksanakan tugas-tugas ini (Schmitt et al., 2013). Pemimpin sekolah melaksanakan inovasi dengan mengintegrasikan teknologi digital dalam amalan pengurusan sekolah dengan mengambil kira faktor penjimatan wang, masa dan tenaga (Ibrahim, 2014; Sheninger, 2019; Yusof et al., 2019).

## **RUJUKAN**

- Zanalabidin, N. A. S. ., & Ab. Aziz, R. (2021). Sistem Pengurusan Maklumat Kokurikulum SK To' Uban Applied Information Technology And Computer Science, 2(2), 1062–1080. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2356>
- Green, M. (2018). What are the issues surrounding teacher workload? *Primary Teaching: Learning and Teaching in Primary Schools Today*, 445'
- Ibrahim, M. Y. (2014). Model of e-leadership, intra-team communication and job satisfaction among school leaders in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23), 927-1927
- Yusof, M. R., Yaakob, M. F. M., & Ibrahim, M. Y. (2019). Digital Leadership Among School Leaders in Malaysia. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(9).
- Sheninger, E. (2019). *Digital leadership: Changing paradigms for changing times*. Corwin Press.
- Biasi, B., Deming, D., & Moser, P. (2020). *Education and Innovation*. National Bureau of Economic Research, Inc
- Firdaus, R. A., Purnamasari, D., & Akuba, S. F. (2019). The influence of motivation, leadership and perceived workload as intervening on teacher commitment. *Journal of Educational Science and Technology (EST)*, 5(3), 268-276.

- Ibrahim, M. Y. (2014). Model of e-leadership, intra-team communication and job satisfaction among school leaders in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23), 1927-1927.
- Schmitt, A., Zacher, H., & Frese, M. (2012). The buffering effect of selection, optimization, and compensation strategy use on the relationship between problem solving demands and occupational well-being: a daily diary study. *Journal of Occupational Health Psychology*, 17, 139- 149.
- Lindh, M., & Nolin, J. (2016). Information We Collect: Surveillance and Privacy in the Implementation of Google Apps for Education. *European Educational Research Journal*, 15(6), 644–663.



## **KEBERKESANAN INTERVENSI READ (iReAD) DALAM MENINGKATKAN PURATA BACAAN SEKOLAH SMK DATO PERMAISURI**

**Donny bin Dahlan**

Pengetua, SMK Dato Permaisuri,  
Jalan Dato Permaisuri, 98000 Miri, Sarawak  
kidurong@gmail.com

### **ABSTRAK**

Salah satu indeks prestasi utama yang perlu dicapai oleh setiap sekolah di bawah Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) ialah sasaran mencapai purata bacaan tahun semasa sebanyak 42 bacaan setahun. Hasil analisis purata bacaan sekolah SMK Dato Permaisuri dalam tempoh tiga tahun [2019- 2021] telah menunjukkan bahawa purata bacaan sekolah untuk tahun semasa masih berada di bawah purata 20 bacaan setahun. Tinjauan yang dilakukan dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa telah mendapati bahawa antara puncanya adalah budaya keluarga, impak teknologi dan sikap murid. Intervensi yang dinamakan sebagai Intervensi ReAD (iReAD) telah digerakkan atas kesedaran untuk meningkatkan purata bacaan sekolah untuk tahun 2022. Intervensi ini merangkumkan aktiviti seperti Bacathon, Program Bacaan Santai 10 minit 1.0, Elit Nilam, Kelas Ikon Nilam, Sudut Komik dan Pertandingan PBL STEM. Pelaksanaan Intervensi ReAD telah menunjukkan purata bacaan berjaya mencapai 31 purata bacaan untuk penggal pertama tahun semasa iaitu meningkat sebanyak 18.07% dari rekod purata bacaan 12.93 (2021) kepada 31.00 (2022). Hasrat masa depan pihak sekolah adalah untuk melestarikan amalan terbaik dalam bentuk kajian tindakan guru, menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan murid dan meluaskan peranan PIBG dan PIBKS agar budaya membaca menjadi tunjang kemenjadian murid dalam pelbagai bidang ke arah membangun tamadun bangsa yang lebih gemilang selaras dengan Hasrat Dekad Membaca Kebangsaan.

Kata kunci: Purata Bacaan Sekolah, Intervensi ReAD (iReAD)

### **PENGENALAN**

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Hanif Ghazali (2022) menyatakan bahawa budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah dengan hanya memperuntukkan kurang tiga jam seminggu untuk aktiviti membaca dan jumlah tersebut amat menyedihkan jika dibandingkan dengan rakyat Thailand dan China yang membaca antara lapan hingga sembilan jam seminggu. Rentak budaya membaca dalam kalangan murid juga dilihat rendah dan dapat dibuktikan melalui analisis purata bacaan sekolah SMK Dato Permaisuri bagi tahun 2019-2021 yang masih berada di bawah purata 20 bacaan setahun. Rangkaian aktiviti membaca disusuli dengan tindakan merekod bahan bacaan telah mencetuskan idea program intervensi iaitu *ReAD (Re-Read, A-Action dan D-Done)*.

**INOVASI YANG DIAMALKAN**

KPI	AKHIR TAHUN 2019	AKHIR TAHUN 2020	AKHIR TAHUN 2021	PERTENGAHAN TAHUN 2022
% murid terlibat Nilam	90.30% [1107/1226 murid]	68.48 % [856/1250 murid]	11.48 % [139/1211 murid]	96.97% [1183/1220 murid]
Jumlah murid membaca 3 atau lebih buku BM & buku BI	-	BM: 65/1250 murid BI: 36/1250 murid	BM:111/1211 murid BI: 105/1211 murid	BM:1182/1220 murid BI: 1182/1220 murid
Jumlah bacaan mengikut bahasa	BM: 6200 BI: 1166	BM: 1798 BI: 1680	BM: 759 BI: 477	BM: 11749 BI: 9386
Purata bacaan sekolah	8.3	10.70	12.93	31.00
Murid mencapai sekurang-kurangnya 1 Bintang	20	8	36	39 [ETR 2022: 60 orang]

Majlis Pengurusan Sekolah telah membuat keputusan untuk menjadikan Intervensi ReAD (iReAD) sebagai salah satu inisiatif yang fleksibel dan sehalu dengan tujuan utama untuk meningkatkan purata bacaan sekolah pada tahun semasa kepada 42 bacaan. Pasukan bertindak yang diketuai oleh Cikgu Suraya Binti Sapar selaku Guru Perpustakaan dan Media telah diamanahkan untuk menyusun perancangan dan strategi dalam tempoh tiga bulan untuk memastikan pelaksanaan intervensi ini berjalan lancar dan berimpak. Beliau telah merangka perancangan dengan bimbingan pihak pentadbir dan memperincikan tugas setiap Ahli Jawatankuasa pelaksana. Ia termasuklah melibatkan sokongan daripada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan Miri (BSTP). Analisis purata bacaan sekolah yang diperolehi daripada rumusan data Nilam adalah seperti berikut.

**Jadual 1: Analisis data Nilam mengikut KPI**

Intervensi ReAD (iReAD) menggariskan beberapa aktiviti utama yang digerakkan secara bersama oleh semua guru termasuk pentadbir sekolah dan PIBG. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Bacathon, Program Bacaan Santai 10 minit 1.0, Elit Nilam, Kelas Ikon Nilam, Sudut Komik dan Pertandingan PBL STEM. Berikut dikongsikan *One Page Project Manager* (OPPM) untuk Intervensi ReAD (iReAD):



**Gambar 1: Aktiviti -aktiviti Intervensi ReAD (iReAD)**



**IMPAK AMALAN**

Pelaksanaan Intervensi i-ReAD telah menunjukkan peningkatan purata bacaan sebanyak 18.07% berbanding tahun 2021 iaitu meningkat daripada 12.93 rekod purata bacaan kepada 31.00 rekod purata bacaan pada tahun 2022. Sepanjang intervensi dilaksanakan, kemenjadian murid dapat dilihat daripada penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti kadar bacaan yang tinggi melalui rekod Bacathon, Program Bacaan Santai 10 minit 1.0, Elit Nilam, Kelas Ikon Nilam, Pertandingan PBL STEM peringkat sekolah. Strategi serampang dua mata melalui aktiviti Bacathon juga telah menjana kutipan sumbangan dana PIBG lebih RM40,000.00 yang akan digunakan untuk aktiviti-aktiviti murid.

**Rajah 1: Rumusan Data Nilam Tahun 2022 [Data sehingga bulan Jun]**

RUMUSAN REKOD BACAAN MURID SEKOLAH MENENGAH														
Analisis Bintang Mengikut Kelas														
BIHANG	T1	α	T2	α	T3	α	T4	α	T5	α	JUMLAH BINTANG KESELURUHAN			
5	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0			
4	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0			
3	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0			
2	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	2	0.90	2			
1	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	0.27	0	0.00	1			
<b>JUMLAH BINTANG DAN PERATUS SETIAP TINGKATAN</b>		0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	0.37	2	0.90	<b>3</b>		
JUMLAH BUKU													JUMLAH KESELURUHAN BAHAN BACAAN SEMASA	
BM				BI				LAIN-LAIN BAHASA						
BUKAH FIKSTEN	BILANGAN MUKASURAT	JUMLAH AKTIVITI	BIL.BACA ≥ 3 BUKU BM	FIKSTEN	BUKAH FIKSTEN	BILANGAN MUKASURAT	JUMLAH AKTIVITI	BIL.BACA ≥ 3 BUKU BI	FIKSTEN	BUKAH FIKSTEN	BILANGAN MUKASURAT	JUMLAH AKTIVITI	4522092	
753	166440	1716	233	884	595	107321	1404	233	12	6	1100	20		
1113	675619	2291	220	844	751	67243	1625	220	10	1	914	11		
1046	486106	2413	225	890	826	88849	1619	5	5	1543	6			
1358	553713	2813	273	1323	1301	512163	2521	273	20	9	6954	23		
1023	512117	1945	222	1102	950	682546	2052	223	2	0	254	2		
5293	2234215	18250		5063	4323	2277922	9422		54	23	9865	62		
11749			<b>1182</b>	8306				<b>1182</b>	77					

Gambar 2: Pencapaian penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti



**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PADA MASA AKAN DATANG**

Hasrat masa depan pihak sekolah adalah untuk melestarikan amalan terbaik dalam bentuk kajian tindakan guru, menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan murid dan meluaskan peranan PIBG dan PIBKS sebagai rakan strategik penting sekolah yang boleh menjayakan objektif dan misi sekolah selaras dengan Hasrat Dekad Membaca Kebangsaan.

**RUJUKAN**

Haron, M. (1993). Pemahaman Dan Kesedaran Pemahaman Di Kalangan Pelajar Pelajar Melayu Tingkatan Tiga. Dalam Pendidikan di Malaysia: Arah dan cabaran, ms.172-177. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Ibrahim, Z. (2000). Anda dan pembacaan. Jurnal Kolej Cempaka Kenanga: Universiti Teknologi Malaysia. 1. Hlm. 49-55

Othman, Y. (2004). Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.

Said, A.M. & Tap, M.N.M. (2009). Pembudayaan Ilmu: Membina Jati Diri Ketamadunan Kajang. Selangor Darul Ehsan: Kolej Dar Al-Hikmah.

<https://www.sinarharian.com.my/article/199053/berita/nasional/budaya-membaca-rakyat-malaysia-rendah>

## **INOVASI ITQAN 9M : MEMBINA BUDAYA KERJA CEMERLANG DALAM ORGANISASI SEKOLAH**

**Ahmad Fauzi bin Yaakob**  
Pengetua SMK Agama Miri, Jalan Bakam,  
98000 Miri, Sarawak  
ahmadfauziyaakob@gmail.com

### **ABSTRAK**

Memahami Itqan atau kecemerlangan dalam Islam mempunyai implikasi yang besar terhadap budaya kerja dalam masyarakat Islam. Ia mendorong individu untuk mencari kecemerlangan dalam setiap aspek hidup mereka termasuk dalam kerjaya dan pekerjaan kerana bekerja adalah satu ibadah. Itqan menekankan nilai-nilai seperti kesungguhan, keikhlasan, ketekunan, kejujuran dan tanggungjawab. Nilai-nilai ini mempengaruhi budaya kerja dengan menyumbang kepada kualiti kerja yang tinggi, produktiviti yang lebih baik, dan integriti dalam tindakan serta sikap Pekerja yang mempunyai fahaman Itqan cenderung mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas mereka dan melaksanakan pekerjaan dengan teliti dan terperinci serta cermat. Mereka juga cenderung mempunyai sikap yang proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi, serta berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

### **APA ITU ITQAN ?**

Itqan adalah istilah dalam bahasa Arab yang merujuk pada kesempurnaan atau kecemerlangan dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks keagamaan, itqan dapat diertikan sebagai kesempurnaan atau kecemerlangan dalam melakukan ibadah dan menjalankan ajaran agama.

Dalam Islam, itqan merupakan konsep penting yang diharapkan dari setiap muslim dalam melaksanakan ibadah dan menjalankan ajaran agama secara keseluruhan. Konsep itqan berkaitan erat dengan konsep ikhlas dan amal sholeh, kerana hanya dengan memiliki ketiga konsep tersebut, seseorang dapat mencapai kesempurnaan dalam ibadahnya (pekerjaan).

Dalam Al-Quran, konsep itqan disebutkan dalam beberapa ayat, seperti dalam Surat Al-Mulk ayat 3, "Dialah yang menciptakan tujuh langit bertingkat-tingkat. Tidaklah engkau melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah itu ada sesuatu pun yang tidak seimbang. Maka pandanglah sekali lagi, adakah kamu melihat sesuatu pun yang tidak seimbang?" Ayat ini menunjukkan kesempurnaan dan keseimbangan dalam ciptaan Allah SWT, dan memotivasi kita untuk mencapai itqan dalam setiap aspek kehidupan kita.

### **Membentuk Kerangka Pemikiran ITQAN**

Berikut adalah beberapa kerangka pemikiran yang perlu ada dalam kepimpinan sekolah untuk membina budaya kerja cemerlang di organisasi kita:

- **Fokus pada kualiti (kualiti suatu perkara yang amat dituntut oleh agama) :** Budaya ITQAN bererti mengutamakan kualiti dalam setiap aspek kehidupan. Sebagai pemimpin, kita harus memastikan bahawa standart kualiti yang tinggi diterapkan dalam setiap kegiatan atau produk yang dihasilkan dan dilakukan dengan penuh cermat.
- **Berkomitmen pada proses:** Budaya ITQAN memerlukan kesabaran dan ketekunan dalam menjalankan proses dengan baik dan benar. Sebagai pemimpin, kita harus memastikan bahawa setiap orang di organisasi kita memahami pentingnya proses dan komitmen/istiqamah untuk mengikuti proses tersebut. (enjoy the proses)
- **Fokus pada pencapaian hasil (kemenjadian):** Meskipun memperhatikan proses, kita tetap harus memberi fokus pada pencapaian hasil yang berkualiti. Hal ini akan membantu memastikan bahawa setiap tugas yang diberikan mencapai tujuan atau objektif yang telah ditetapkan.
- **Transparansi dan akauntabiliti:** Seorang pemimpin yang mengamalkan budaya ITQAN harus terbuka dan transparansi terhadap setiap kegiatan dan hasil yang dihasilkan. Hal ini akan membantu membangun kepercayaan di antara 'team' kita dan memastikan bahawa setiap orang bertanggungjawab atas tindakan dan keputusan mereka.
- **Pembelajaran berterusan:** Budaya ITQAN juga memerlukan proses pembelajaran yang berterusan. Sebagai pemimpin, kita harus memotivasi dan menyokong 'team' kita untuk terus belajar dan meningkatkan kemampuan mereka dalam mencapai kualiti yang lebih baik.
- **Konsisten:** sebagai pemimpin yang mengamalkan budaya ITQAN, kita harus konsisten dalam menjalankan standart kualiti yang tinggi dan berkomitmen pada proses yang baik dan benar. Hal ini akan membantu memastikan bahawa setiap orang di organisasi kita mengikuti standart yang sama dan menjaga kualiti yang konsisten dari waktu ke waktu.

Budaya itqan atau budaya meletak kualiti pada standart yang tinggi, adalah sesuatu yang diterapkan dengan konsisten oleh Rasulullah SAW dalam setiap aspek kehidupannya.

### **Budaya Itqan Rasulullah**

Beberapa contoh budaya ITQAN yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW adalah:

**Kualiti ibadah:** Rasulullah SAW selalu menunjukkan kualiti yang tinggi dalam ibadahnya. Beliau tidak hanya melaksanakan ibadah lima waktu secara rutin, tetapi juga melakukan ibadah sunnah secara teratur dan dengan istiqamah.

**Kualitai kerja:** Rasulullah SAW selalu menekankan pentingnya kualiti dalam pekerjaan (Kualiti adalah Sunnah Rasulullah). Baginda memotivasi para sahabat

untuk melakukan pekerjaan mereka dengan penuh ITQAN dan kesempurnaan, tanpa memandang pekerjaan itu kecil atau besar. ( everything is important)

**Kualiti Perhubungan** : Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat berwibawa dan mampu membangun hubungan interpersonal yang baik dengan siapa pun yang bertemu dengan Baginda. Baginda selalu bersikap sabar, murah hati, dan memberikan perhatian kepada orang-orang di sekitarnya.

**Kualiti dalam mengambil keputusan:** Rasulullah SAW selalu mempertimbangkan dengan baik sebelum membuat keputusan penting. Beliau tidak hanya memikirkan keuntungan peribadi, tetapi lebih memikirkan kepentingan umatnya.

**Kualiti dalam memberi nasihat:** Rasulullah SAW selalu memberikan nasihat yang baik dan bermanfaat kepada orang-orang di sekitarnya. Beliau selalu mengambil waktu untuk mendengarkan masalah orang lain, dan memberikan nasihat yang sesuai dengan keadaan mereka.

**Kualiti dalam mendidik:** Rasulullah SAW adalah seorang guru yang sangat terampil dalam mendidik. Beliau selalu menggunakan metode yang tepat untuk menjelaskan konsep-konsep , dan selalu berusaha agar orang-orang yang diajar dapat memahami dengan baik.

Budaya ITQAN yang diterapkan oleh Rasulullah SAW adalah sesuatu yang sangat penting untuk diteladani oleh setiap orang khususnya bagi pengurus2 organisasi. Kita harus berusaha untuk mengikuti contoh beliau dalam setiap aspek kehidupan kita, agar kita dapat mencapai kualiti hidup yang lebih baik dan mendapatkan keberkahan dari Allah SWT..

## **INOVASI ITAQN9M SMKAMI**

Untuk tujuan merealisasikan budaya Itqan dikalangan ahli dalam organisasi SMKA Miri (SMKAMi), pada tahun 2016 satu kerangka khusus yang dinamakan INOVASI ITQAN9M telah dijadikan plan rujukan untuk membina SMKAMi yang lebih dinamika dan bergerak secara terancang dan menyeluruh bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi mencapai hasrat ini, pihak sekolah perlu menggerakkan semua pihak yang berkepentingan dari kalangan guru, AKP, murid, Ibu-bapa serta komuniti untuk memahami ITQAN dan menjayakannya.

### **ITQAN 9M SMKAMI PEMBANGUNAN MENYELURUH SMKAMI**

<b>M1 Membina Sahsiah Dan Adab</b> Mematuhi segala etika kehidupan harian berteraskan nilai adab yang tinggi yang berlandaskan syarak Dengan motto sekolah "Adab Dulu Baru Ilmu"	<b>M2 Melengkapkan Infrastruktur</b> Menyediakan kemudahan mengikut peredaran zaman dengan menggembeling semua pihak berkepentingan untuk sama membantu
---	--



<p><b>M3 Memaksimumkan Penggunaan Sumber</b> Semua watak dalam lingkungan mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk memajukan institusi secara maksima</p>	<p><b>M4 Membangun Intelek</b> Melahirkan modal insan berprestasi dan berkemahiran dan mempunyai nilai Itqan yang tinggi</p>
<p><b>M5 Memacu Inovasi</b> Melahirkan modal insan berdaya saing dan memiliki budaya berfikir diluar kotak</p>	<p><b>M6 Menjalin Interaksi</b> Membuka ruang kepada masyarakat untuk terlibat sama membina institusi</p>
<p><b>M7 Membentuk Insani</b> Membina Insan berketerampilan dan serba boleh</p>	<p><b>M8 Menuju Global</b> Melonjakan sekolah ketahap maksima untuk membentuk kemenjadian diperingkat global.</p>
<p><b>M9 Memasyarakatkan Institusi</b> Membina Kerjasama yang jitu dengan masyarakat / dari masyarakat untuk masyarakat</p>	

### PELAN PEMANTAPAN BUDAYA ITQAN SMKAMI

Untuk menyebarkan budaya itqan dalam organisasi, SMKAMi telah mengambil beberapa langkah positif, antaranya :

1. **Contoh dari pimpinan:** Sebagai pimpinan atau pemimpin dalam organisasi, sangat penting untuk memberikan contoh dan mengamalkan budaya itqan dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil, pihak pengurusan perlu mengamalkan budaya ini terlebih dahulu. Hal ini akan memberikan dampak positif bagi seluruh anggota organisasi untuk mengadaptasi dan menerapkan budaya itqan.
2. **Meningkatkan kesedaran tentang pentingnya itqan:** Untuk memperkenalkan budaya itqan, perlu meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan dan manfaat dari budaya itqan tersebut. Cara ini dilakukan melalui penerangan dalam mesyuarat, Usrah, seminar, workshop, papan tanda, perkongsian artikal melalui group whatsapp, nota-nota edaran dll.
3. **Menjalin komunikasi terbuka dan jelas:** Komunikasi yang jelas dan terbuka antara pimpinan dan anggota organisasi sangat penting untuk membantu menyebarkan budaya itqan. Pimpinan perlu memberikan arahan yang jelas mengenai harapan dan tujuan dari budaya itqan yang diterapkan, sehingga anggota organisasi dapat memahami dan menerapkan secara tepat.

4. **Memberikan penghargaan:** Memberikan penghargaan bagi anggota organisasi yang menunjukkan keunggulan dan kualiti dalam pekerjaannya akan mendorong dan memotivasi anggota lain untuk menerapkan budaya itqan.
5. **Membimbing** : pihak pengurusan sentiasa membimbing dan memberi tunjukajar kepada ahli organisasi melalui sesi perbincangan dan sebagainya.
6. **Menyebarkan kejayaan** : setiap pencapaian dalam organisasi akan disebarluaskan agar terus mendapat sokongan dan bantuan dari semua pemegang taruh

## **IMPAK BUDAYA ITQAN TERHADAP PENCAPAIAN SEKOLAH**

Pemahaman terhadap budaya ITQAN di SMKAMi telah memberi impak besar terhadap pencapaian dan kemenjadian sekolah. Antara kejayaan besar yang diperolehi :

- 2016 : Johan Festival Nasyid KPM Peringkat Negeri
- 2016 : Anugerah Perak Tandas Bersih Kebangsaan Kategori Pejabat Kerajaan Anjuran KPKT
- 2016 : Anugerah Perak Tandas Bersih Kebangsaan
- 2017 : Johan Nasyid Solo Kebangsaan
- 2017 : Ketiga Kompang Formasi Peringkat Kebangsaan
- 2018 : Anugerah Maal Hijrah Negeri Sarawak
- 2018 : Johan Kompang Formasi Negeri Sarawak
- 2018 : Anugerah PIBK Lima Bintang Kebangsaan
- 2018 : International Invention innovatoin (Silver)
- 2018 : Penubuhan Kelab Gamean
- 2018 : Johan Solo Festival Nasyid Kebangsaan
- 2018 : Johan 3K Negeri Sarawak
- 2018 : 1st Place SchoolResource Award
- 2018 : Johan Tilawah Qiraat Sa'ah Kebangsaan
- 2019 : Anugerah Miri Mayor Award
- 2019 : Johan Surau Imarah Kebangsaan
- 2019 : Johan Kuiz ilmu Wahyu Kebangsaan
- 2019 : International Collaboration Project
- 2019 : Bronze Medal International Science Technology and Engineering
- 2019 : Gold Medal International Invention Innivation (Iidex 2019)
- 2019 : National Age Group Chess
- 2019 : Pengajuran International Ru2019 : Wakil Sarawak Patrol Denggi
- 2019 : STEM 4x4 Adventure Kebangsaan
- 2019 : 1st Runner Up National F1 In School
- 2020 : Ketiga Tandas Bersih Kebangsaan Kategori Pejabat Kerajaan
- 2021 : Gold Medal International Syariah Compliant Innovation ISCIID
- 2021 : International 8th Mobile Chess Community Championship
- 2021 : Johan Mahrajan Luhgow Wal Qurani Peringkat Kebangsaan
- 2021: Anugerah Ikon PSS Negeri Sarawak
- 2021 : Johan Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan
- 2022 : 1st Place International Borneo Public Speaking Competition Curtin University

2022 : Wakil Sarawak ke F1 In School ke peringkat kebangsaan  
2022: Johan 3K Negeri Sarawak  
2022 : Anugerah Sijil Sekolah Terbaik SPM 2021 SMKA/SABK Negeri Sarawak  
2022: Naib Johan Bicara Buku (BM) Kebangsaan  
2022 : Johan Kebangsaan Qiraat Sab'ah Bittarannum  
2022: Anugerah Ikon Pengetua SMKA Kebangsaan  
2023 : Research & Developmnet Award Malaysia F1 In School  
2023 : Sekolah Ikon 3K Negeri Sarawak  
2023 : Johan Video Pendek Daerah

## **PENUTUP**

Budaya ITQAN menuntut agar seseorang selalu berusaha untuk memberikan yang terbaik dalam segala hal yang dilakukan dan sentiasa berusaha untuk belajar . KOnsep ini menekankan pentingnya memiliki keterampilan, kualiti dan prestasi demi untuk mencapai tujuan.

Dalam ajaran Islam, kesungguhan dan tekad yang kuat dalam melakukan segala tindakan dan ketaatan kepada Allah SWT dipandang sebagai faktor yang dapat membantu seseorang mencapai keberhasilan dalam kehidupan dunia mahupun akhirat., Pemahaman konsep pahala dimana Allah SWT memberikan pahala dan keberkahan kepada orang yang bersungguh-sungguh dalam berusaha dan beribadah dengan tulus dan ikhlas akan membantu meningkatkan kualiti sesuatu usaha.

## **INISIATIF MENERAJUI HALA TUJU KERJAYA MURID SMK CHUNG HUA (CF) MIRI SECARA KOMPREHENSIF**

**Albert Ong Ngee Hong**

SMK Chung Hua (CF) Miri, Jalan Brighton,  
98000 Miri, Sarawak  
aonhong@gmail.com

### **ABSTRAK**

Tajuk kajian ini ialah inisiatif menerajui hala tuju kerjaya murid SMK Chung Hua (CF) Miri secara komprehensif. Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan awal mengenai perancangan dan pemilihan kerjaya untuk membantu murid supaya lebih berfokus dalam merancang dan meningkatkan kemahiran dari aspek akademik dan kokurikulum di sekolah. Maka, objektif inisiatif ini ialah memupuk minat murid dalam mengenali hala tuju kerjaya, memberi kesedaran tentang kepentingan pemilihan kerjaya yang sesuai dengan minat dan personaliti diri murid. Murid berpeluang mendapat bimbingan dan motivasi daripada mentor yang professional. Setiap murid diminta menulis ikrar kerjaya mereka pada papan Ipad Chung Hua dan mengisi borang maklumat kerjaya yang merangkumi nama murid, jantina, jenis pekerjaan, kursus dan fakulti yang dipilih. Murid diberi peluang memilih kursus berdasarkan 16 fakulti utama di universiti awam Malaysia. Murid diagihkan kepada 16 fakulti kumpulan telegram yang dibimbing oleh pakar-pakar dalam bidang pengkhususan tersebut sebagai mentor. Para mentor memberi bimbingan dan perkongsian dari aspek maklumat, pengalaman dan bahan-bahan yang berkaitan tentang kerjaya tersebut supaya boleh motivasi murid dan mentor memberi bimbingan berterusan untuk membantu murid merealisasikan impian kerjaya mereka. Akhir sekali, dapatan kajian ini membantu pihak sekolah dalam proses memberi bimbingan yang lebih berfokus untuk mencapai keberhasilan dari aspek kemenjadian murid dan sekolah yang cemerlang.

Kata kunci : inisiatif, hala tuju kerjaya, ipad Chung Hua, kumpulan telegram, pengkhususan

### **PENGENALAN**

Pendidikan memainkan peranan paling penting dalam melahirkan modal insan cemerlang sebagai sumber tenaga yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berfikir kreatif dan inovatif serta memiliki nilai-nilai murni untuk memajukan negara. Salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah ini adalah dengan melaksanakan pelbagai program pendidikan kerjaya. Kajian Rohaizat Ibrahim dan Mohd Hanafie Mohd Yasin (2019) menyatakan bahawa program ini penting dalam membimbing semua murid untuk memilih bidang pendidikan yang berdasarkan minat dan keupayaan mereka malahan dapat memandu mereka ke arah profesional pilihan mereka. Berdasarkan dapatan kajian Poh Li, Lau et.al (2011) pula menunjukkan bahawa kematangan kerjaya

dan konsep sendiri bertambah baik selepas sahaja program Eksplorasi Kerjaya dijalankan. Hasil dapatan kajian ini membantu keperluan perancangan program dan memberikan persediaan kepada para murid dengan maklumat kerjaya dan pendidikan dalam usaha untuk meningkatkan kematangan kerjaya dan konsep sendiri. Pengkaji juga menekankan bahawa pendidikan peringkat menengah adalah masa yang sesuai untuk bimbingan kerjaya.

Selain itu, dapatan kajian Siti Amely et.al (2008) menunjukkan bahawa program seminar kerjaya mampu meningkatkan motivasi diri pelajar IPT sekaligus memberikan mereka semangat untuk memfokuskan hala tuju mereka semasa di universiti agar lebih bersedia di pasaran kerja.

Hasil dapatan kajian tersebut menyokong Teori Perkembangan Kerjaya Ginzberg yang diperkenalkan pada tahun 1951. Teori ini mengandaikan proses perkembangan kerjaya seseorang individu mempunyai hubungan yang selari dengan perkembangan dirinya iaitu yang bermula daripada peringkat kanak-kanak atau peringkat fantasi iaitu sekitar umur 4–12 tahun, peringkat tentatif iaitu sekitar umur 13–15 tahun, peringkat realiti iaitu sekitar umur 15–20 tahun dan peringkat dewasa iaitu sekitar umur 20 tahun dan ke atas (Mohamed Fadhil & Rose, 2008). Kesenambungan daripada teori ini, Teori Perkembangan Kerjaya Super mula diperkenalkan oleh Donald E. Super pada tahun 1952. Menurut Super, konsep sendiri ialah penilaian seseorang individu itu terhadap dirinya sendiri. Individu membuat penilaian terhadap dirinya sendiri dengan mencari kekuatan dan kelemahan yang ada. Seseorang itu melihat dirinya dari pelbagai aspek iaitu kematangan fizikal, mental, emosi, potensi diri, bakat semula jadi, minat, nilai, sendiri moral dan etika, sendiri keluarga, sendiri sosial, tingkah laku dan kepuasan sendiri itu sendiri.

Menurut Huges dan Karp pula, program perkembangan kerjaya di sekolah membantu murid mendapat gred yang tinggi, membina hubungan yang baik dengan guru, meningkatkan perancangan dan pengetahuan kerjaya, meningkatkan pengetahuan sendiri dan keyakinan diri serta mengurangkan keraguan dalam membuat keputusan.

Berdasarkan bukti manfaat program kerjaya di atas, maka rasional bimbingan kerjaya yang merupakan salah satu inisiatif pihak sekolah ialah membantu murid-murid SMK Chung Hua (CF) Miri dengan memberi pendedahan mengenai perancangan dan pemilihan kerjaya pada masa depan. Pendedahan awal mengenai kerjaya ini dapat membantu murid untuk fokus dalam merancang dan meningkatkan kemahiran dari aspek akademik dan kokurikulum di sekolah. Selain itu, strategi ini bertujuan untuk membimbing murid untuk memahami jenis-jenis pekerjaan yang sedia ada, membimbing pelajar memiliki halatuju kerjaya dan memahami laluan untuk mencapai kerjaya itu. Inisiatif ini selaras dengan usaha pihak sekolah pada tahun ini iaitu tahun 2023 untuk membentuk sebuah sekolah cemerlang dari aspek kemenjadian murid yang ditonjolkan dalam sahsiah, kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan sukan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 mengenai Roadmap SMK Chung Hua (CF) Miri 2021-2025.

## **OBJEKTIF**

1. Mengetahui pasti jumlah bilangan dan peratus murid mengikut program universiti yang diminati.
2. memberi kesedaran kepentingan pemilihan kerjaya yang sesuai dengan minat dan personaliti diri murid.

- Murid berpeluang mendapat bimbingan dan motivasi daripada mentor yang professional.



Rajah 1: Membentuk Sekolah Cemerlang pada tahun 2023

## PELAKSANAAN PROGRAM

Pengetua sekolah mengambil inisiatif merancang dan melaksanakan program menerajui hala tuju kerjaya murid SMK Chung Hua (CF) Miri pada awal perskolahan tahun 2023.

## PENUBUHAN JAWATAN KUASA PELAKSANA

Satu jawatan kuasa pelaksana program inisiatif menerajui hala tuju kerjaya murid SMK Chung Hua (CF) Miri seperti yang berikut telah ditubuhkan.


### AJK Induk

Penasihat	: En. Albert Ong Ngee Hong (Pengetua)
Pengerusi	: Pn. Lai Jia Ling (Penolong Kanan Pentadbiran)
Naib Pengerusi	: En. Anthony a/l Munusamy (Penolong Kanan HEM)
Naib Pengerusi 2	: Dr. Jonathan James Sindoi (Penolong Kanan Kokurikulum)
Penyelaras 1	: Dr. Ngu Leh Seng
Penyelaras 2	: Unit Bimbingan & Kaunseling
Setiausaha	: Unit Bimbingan & Kaunseling
Bendahari	: Unit Bimbingan & Kaunseling
AJK	: Semua guru tingkatan

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam melaksanakan program inisiatif meneraju hala tuju kerjaya murid murid SMK Chung Hua (CF) Miri. Program ini melibatkan semua murid dari tingkatan peralihan sehingga tingkatan lima.

## LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN PROGRAM



Rajah 2 : Langkah Pelaksanaan Program Hala Tuju Kerjaya Murid-murid SMK Chung Hua (CF) Miri

Terdapat beberapa langkah pelaksanaan program ini seperti pada Rajah 2. Program ini bermula dengan semua murid dibimbing menulis ikrar kerjaya mereka dalam aspek jenis pekerjaan dan kursus pengajian di universiti pada papan ipad Chung Hua seperti pada Gambar 1. Selepas itu, guru tingkatan mengisikan maklumat murid ke dalam google sheet dengan menyatakan jantina, jenis pekerjaan, kursus pengajian dan 16 fakulti pengajian di Universiti Awam Malaysia seperti pada Jadual 1.



Gambar 1: Ikrar Kerjaya

Data dianalisis mengikut bilangan dan peratusan murid berdasarkan bidang kerjaya dan fakulti yang dipilih seperti Jadual 2 bagi setiap tingkatan dan Jadual 3 bagi keseluruhan murid di SMK Chung Hua (CF) Miri. Pemilihan kerjaya murid juga dikategorikan mengikut bidang STEM dan kemanusiaan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa data yang diperolehi memaparkan keadaan sebenar di sekolah iaitu lebih kurang 40% murid memilih bidang STEM dan 60% memilih bidang kemanusiaan seperti pada Rajah 3.

Selepas mengenalpasti pemilihan kerjaya setiap murid melalui analisis data, semua murid diminta menyertai kumpulan telegram mengikut fakulti masing-masing seperti Rajah 5 dan 6. Pihak sekolah mengeluarkan satu poster seperti Rajah 4 untuk menjemput alumni menyertai telegram berdasarkan bidang profesion masing-masing. Semua ahli alumni menjadi mentor kepada murid-murid dengan mengkongsi kursus pengajian yang mereka ikuti di universiti dan maklumat kerjaya mereka. Ramai alumni sudi meluangkan masa dan usaha mengkongsi kepakaran mereka seperti pada Rajah 7 hingga 12.

## **IMPAK PROGRAM**

Perkongsian secara berterusan diamalkan oleh mentor yang professional dapat membantu murid mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat terkini serta melihat keadaan persekitaran pekerjaan yang sebenarnya. Situasi ini diperlukan oleh murid dalam menentukan hala tuju kerjaya masa depan mereka dengan lebih jelas dan lebih yakin dan seterusnya dapat memotivasikan murid untuk berusaha dengan lebih gigih agar mencapai prestasi yang lebih cemerlang demi memperoleh kejayaan seperti yang diidamkan. Inisiatif program menerajui hala tuju kerjaya ini sudah tentu merupakan salah satu tindakan pihak sekolah dalam membentuk sebuah sekolah cemerlang dari aspek kemenjadian murid yang ditonjolkan dalam sahsiah, kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan sukan seperti yang diharapkan oleh guru dan ibu bapa. Ini seterusnya mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha melahirkan anak yang baik dan cerdas seperti pada Rajah 13.

## **PENUTUP**

Projek ini adalah berdasarkan kitaran baru *Plan Do Check and Action* (PDCA) dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap kelemahan-kelemahan kitaran terdahulu. Projek ini juga dapat memberi peluang kepada pengkaji masa depan dalam melaksanakan pelbagai kajian tindakan yang selanjutnya mengenai bidang fakulti masing-masing. Pihak sekolah sangat yakin projek ini dapat membantu membentuk kemenjadian murid terutamanya sekali dalam pencapaian akademik yang lebih cemerlang dan kemenjadian murid STEM yang menonjol.

## **RUJUKAN**

- Amla Mohd Salleh. (2010). *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi. Penerbit UKM.
- Amla bt Salleh, Hajjah Maulad Abdul Rahsip (2017). Program Pendidikan Kerjaya serta Impak ke atas Perkembangan Kerjaya



- Izzah Supeni, Ahmad Jazimin, Jusoh Zakaria Mohamad & Zainab Ismail (2010). Pola Perkembangan Kerjaya Pelajar Menurut Perspektif Teori Super. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 13 (Jun): 71–84
- Mohamed Fadzil Che Din & Rose Jacob. (2008). Perkembangan dan keberkesanan kerjaya di kalangan staf Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia: Satu tinjauan kualitatif. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia
- Nur Hafizah Bte Ibrahim (2017). Kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah rendah. *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan*. Univesiti Pendidikan Sultan Idris.
- Poh Li, Lau, Aqeel Khan, Haslee Sharil Abdullah & Fong Peng, Chew (2011). *The Effectiveness of Career Exploration Programme for High School Students*. International Conference on Humanities, Society and Culture. IACSIT Press. Singapore
- Rohaizat Ibrahim & Mohd Hanafi Mohd Yasin (2019). Isu dalam program pendidikan kerjaya murid berkeperluan khas pembelajaran. *International Conference On Special Education In Southeast Asia Region 9 th Series*.

Jadual 1 : FAKULTI-FAKULTI DI UNIVERSITI AWAM

BIL	FAKULTI	JURUSAN
1	ALAM BINA (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Architecture</li> <li>• Building Surveying</li> <li>• Real Estate</li> <li>• Quantity Surveying</li> <li>• Urban &amp; Regional Planning</li> </ul>
2	SAINS (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biotechnology</li> <li>• Biochemistry</li> <li>• Ecology &amp; Biodiversity</li> <li>• Microbiology &amp; Molecular Genetics</li> <li>• Mathematics</li> <li>• Statistics</li> <li>• Actuarial Science</li> <li>• Chemistry</li> <li>• Physics</li> <li>• Education</li> <li>• Applied Geology</li> </ul>
3	PERGIGIAN (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Restorative Dentistry</li> <li>• Oral &amp; Maxillofacial Clinical Sciences</li> <li>• Paediatric Dentistry &amp; Orthodontics</li> <li>• Oral &amp; Craniofacial Sciences</li> <li>• Community Oral Health &amp; Clinical Prevention</li> </ul>

4	KEJURUTERAAN (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biomedical Engineering</li> <li>• Chemical Engineering</li> <li>• Civil Engineering</li> <li>• Electrical Engineering</li> <li>• Mechanical Engineering</li> </ul>
5	PENDIDIKAN (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Counselling</li> <li>• Early Childhood Education</li> <li>• Education Teaching English as a Second Language</li> </ul>
6	SASTERA DAN SAINS SOSIAL (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Arts Anthropology and Sociology</li> <li>• Arts Chinese Studies</li> <li>• Arts English</li> <li>• Arts History</li> <li>• Arts Indian Studies</li> <li>• Arts International and Strategic Studies</li> <li>• Arts Southeast Asian Studies</li> <li>• East Asian Studies</li> <li>• Environmental Studies</li> <li>• Geography</li> <li>• Media Studies</li> <li>• Social Administration</li> </ul>
7	PERUBATAN (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBBS)</li> <li>• Biomedical Sciences</li> <li>• Nursing Sciences</li> </ul>
8	BAHASA DAN LINGUISTIK (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• English Language</li> <li>• Asian and European Languages</li> <li>• Malaysian Languages and Applied Linguistic</li> <li>• Arabic and Middle Eastern Languages</li> </ul>
9	UNDANG-UNDANG (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laws</li> <li>• Jurisprudence</li> </ul>
10	SAINS SUKAN (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sport Sciences</li> <li>• Sport Management</li> </ul>
11	PERNIAGAAN DAN EKONOMI (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Accounting (BAcc)</li> <li>• Business Administration (BBA)</li> <li>• Economics (BEc)</li> <li>• Finance (BFin)</li> </ul>
12	SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Artificial Intelligence</li> <li>• Computer System &amp; Network</li> <li>• Information Systems</li> <li>• Software Engineering</li> <li>• Multimedia Computing</li> <li>• Data Sciences</li> </ul>


13	FARMASI (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Clinical Pharmacy &amp; Pharmacy Practice</li> <li>• Pharmaceutical Chemistry</li> <li>• Pharmaceutical Life Sciences</li> <li>• Pharmaceutical Thecnology</li> </ul>
14	SENI KREATIF (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Drama</li> <li>• Music</li> <li>• Dance</li> </ul>
15	PENGURUSAN PERNIAGAAN (UUM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bachelor of Business Administration (Hons)</li> <li>• Bachelor of Entrepreneurship (Hons)</li> <li>• Bachelor of Human Resource Management (Hons)</li> <li>• Bachelor of Marketing (Hons)</li> </ul>
16	SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN (UPM KAMPUS BINTULU)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sains Bioindustri</li> <li>• Pertanian</li> <li>• Perikanan</li> <li>• Perhutanan</li> <li>• Kesihatan Haiwan dan Penternakan</li> <li>• Pengurusan Perladangan Makanan</li> <li>• Perniagaantani</li> <li>• Kejuruteraan Pertanian</li> </ul>

Jadual 2 : Bilangan dan peratus murid mengikut fakulti bagi setiap tingkatan

Bilangan dan peratus murid mengikut pemilihan fakulti bagi ting peralihan hingga ting 5													
NO	FAKULTI	PERALIHAN	%	TING 1	%	TING 2	%	TING 3	%	TING 4	%	TING 5	%
1	ALAM BINA	2	2%	11	3%	6	2%	5	1%	24	7%	13	4%
2	SAINS	6	7%	5	2%	14	5%	11	3%	12	3%	7	2%
3	PERGIGIAN	0	0%	9	3%	3	1%	6	2%	8	2%	6	2%
4	KEJURUTERAAN	3	3%	26	8%	30	11%	69	18%	35	10%	29	9%
5	PENDIDIKAN	7	8%	23	7%	19	7%	20	5%	16	5%	24	8%
6	SASTERA DAN SAINS SOSIAL	3	3%	7	2%	5	2%	13	3%	9	3%	8	3%
7	PERUBATAN	5	6%	40	13%	24	9%	52	13%	47	14%	24	8%
8	BAHASA DAN LINGUISTIK	1	1%	8	3%	2	1%	5	1%	2	1%	0	0%
9	UNDANG-UNDANG	0	0%	26	8%	15	6%	22	6%	15	4%	12	4%
10	SAINS SUKAN	20	23%	23	7%	11	4%	6	2%	8	2%	1	0%
11	PERNIAGAAN DAN EKONOMI	14	16%	16	5%	15	6%	33	8%	41	12%	66	21%
12	SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	10	11%	15	5%	5	2%	5	1%	18	5%	24	8%
13	FARMASI	0	0%	2	1%	3	1%	22	6%	17	5%	10	3%
14	SENI KREATIF	6	7%	42	13%	35	13%	54	14%	30	9%	51	16%
15	PENGURUSAN PERNIAGAAN	3	3%	56	18%	73	28%	43	11%	59	17%	34	11%
16	SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN (UPM BINTULU)	7	8%	7	2%	1	0%	26	7%	4	1%	5	2%
	<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>100%</b>	<b>316</b>	<b>100%</b>	<b>261</b>	<b>100%</b>	<b>392</b>	<b>100%</b>	<b>345</b>	<b>100%</b>	<b>314</b>	<b>100%</b>

Jadual 3: Bilangan dan peratus murid mengikut fakulti bagi keseluruhan murid SMK Chung Hua (CF) Miri


NO	FAKULTI	total	%
1	ALAM BINA	61	4%
2	SAINS	55	3%
3	PERGIGIAN	32	2%
4	KEJURUTERAAN	192	11%
5	PENDIDIKAN	109	6%
6	SASTERA DAN SAINS SOSIAL	45	3%
7	PERUBATAN	192	11%
8	BAHASA DAN LINGUISTIK	18	1%
9	UNDANG-UNDANG	90	5%
10	SAINS SUKAN	69	4%
11	PERNIAGAAN DAN EKONOMI	185	11%
12	SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	77	4%
13	FARMASI	54	3%
14	SENI KREATIF	218	13%
15	PENGURUSAN PERNIAGAAN	268	16%
16	SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN (UPM BINTULU)	50	3%
	<b>JUMLAH</b>	<b>1715</b>	<b>100%</b>



Graf 1 : Peratus Murid Mengikut Fakulti Yang Dipilih

## PERATUS MURID MEMILIH STEM DAN KEMANUSIAAN

KATEGORI	BIL	%
STEM	782	46%
KEMANUSIAAN	933	54%
JUMLAH	1715	100%



Rajah 3 : Bilangan dan peratus murid mengikut bidang STEM dan Kemanusiaan


### PELAKSANAAN KAJIAN

1. Murid diagihkan kepada 16 kumpulan telegram berdasarkan jenis kerjaya yang dipilih.

#### Falkulti Bimbingan Kerjaya SMK CHM

1. Alam Bina: <https://t.me/+KjHnK6lpPtowODRI>
2. Sains: <https://t.me/+86aXNPxshQFkN2Y9>
3. Pergigian: <https://t.me/+IfSrNr6OxsY50Tg9>
4. Kejuruteraan: <https://t.me/+Ca4llhNhfc4Nzk1>
5. Sains Pertanian & Makanan: <https://t.me/+pMs84SMHkYg1NGU1>
6. Sastera dan Sains Sosial: <https://t.me/+eKvmXVoVKvU4NWE1>
7. Perubatan: <https://t.me/+JSA8LPkEGN00njY1>
8. Bahasa & Linguistik: <https://t.me/+2egYbzXcASpiMzk1>
9. Undang-Undang: <https://t.me/+tYbg-LR17VMYMTBI>
10. Sains Sukan: <https://t.me/+NKID8xuREIkwnWQ1>
11. Pendidikan: [https://t.me/+HUA6Lsd\\_r8xOWNI](https://t.me/+HUA6Lsd_r8xOWNI)
12. Perniagaan & Ekonomi: <https://t.me/+FkpNwfGDsJc4ZWF1>
13. Sains Komputer & Teknologi Maklumat: <https://t.me/+5u9R10AuzldiNmI9>
14. Farmasi: [https://t.me/+CYtH9HS1\\_F4zYzRI](https://t.me/+CYtH9HS1_F4zYzRI)
15. Seni Kreatif: <https://t.me/+8ca52FAhmZZhM2RI>
16. Pengurusan Perniagaan: <https://t.me/+dlcnoq4E0o02YmU1>

Rajah 4 : 16 Kumpulan Telegram mengikut 16 fakulti



Rajah 5 : 16 Kumpulan Telegram mengikut 16 fakulti

2. Bekas pelajar (alumni) yang telah menceburi diri dalam bidang professional tertentu juga dijemput untuk membimbing junior dalam kumpulan telegram tersebut.




Rajah 6: Poster menjemput Alumni menyertai Kumpulan Telegram

Maklumat seperti struktur fakulti, pengkhususan pengajian dan info pekerjaan tersebut dikongsikan oleh pakar-pakar professional dalam kumpulan telegram tersebut.




Rajah 7: Maklumat Perkongsian Alumni



Rajah 8: Maklumat Perkongsian Alumni




Rajah 9: Maklumat Perkongsian Alumni




Rajah 10: Maklumat Perkongsian Alumni






Rajah 11: Maklumat Perkongsian Alumni



Rajah 12: Maklumat Perkongsian Alumni



Rajah 13: Ucaptama KPPM/KPM

## **KEPIMPINAN TRANSFORMASI ASRAMA SEKOLAH**

**Raja Manikam a/l Subramaniam**

SMK Kubong, Bukit Empas, Batu 2, Jalan Kubong,  
98700 Limbang, Sarawak  
rmanikam88@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kepimpinan sekolah adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkat tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut. Oleh itu, usaha ke arah penyatuan aktiviti sesebuah organisasi bergantung besar kepada kepintaran seseorang pemimpin. Selaras dengan hasrat ini, pihak sekolah merancang dan bertindak ke arah kepimpinan transformasi asrama sekolah bermula pada tahun 2021 sehingga 2024. Pembangunan jangka pendek dan sederhana ini meliputi aspek pembangunan fizikal luar dan dalam asrama, kondusif asrama, kemenjadian murid. Pembangunan fizikal asrama telah dilaksanakan bermula tahun 2021 yang melibatkan transformasi dan baikpulih asrama di bawah tanggungan pihak kerajaan negeri iaitu RECODA yang melibatkan peruntukkan melebihi satu juta ringgit. Selain itu, pembangunan ini juga diteruskan dengan kelulusan pembangunan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bernilai 400 juta ringgit. Selain itu, pembangunan fizikal bangunan asrama ini juga melibatkan penambahbaikan atau naik taraf katil bilik kamar murid, tandas, bilik belajar, bilik kaunselor asrama, bilik kebitaraan yang melibatkan pemantauan, penjaminan kualiti dan kerjasama guru pembangunan sekolah iaitu cikgu Kong Kim Leng, Cikgu Abdullah Bin Julak serta kesukarelaan pekerja swasta yang berkemahiran tinggi dalam bidang tugas ini. Sementara itu, keadaan kondusif asrama juga merupakan aspek kepimpinan transformasi asrama. Tambahan pula, barisan SSKA yang terdiri daripada warden, guru-guru berjaya merapatkan jurang dan meningkatkan keakraban dalam kalangan guru dan murid asrama serta membentuk sahsiah baik ke arah kemenjadian murid. Aspek ini diketuai oleh pegawai pembangunan fizikal sekolah iaitu Cikgu Abdullah Bin Julak. Selain itu, transformasi ini juga melibatkan naik taraf langsir bilik kamar dan dewan makan sekolah. Di samping itu, aspek akademik dan kemenjadian murid turut dititikberatkan dalam kepimpinan transformasi asrama. Antaranya program Cahaya Fajar, Prep Petang dan Malam murid asrama, kepimpinan murid asrama telah dirancang selaras dengan perancangan strategik sekolah. Justeru, Kepimpinan asrama pihak sekolah SMK Kubong, Limbang berjaya dipilih untuk bertanding ke peringkat kebangsaan pada tahun 2023. Pemilihan ini kerana pencapaian dari segi keistimewaan fizikal, keceriaan dan kebersihan landskap, sistem file SKPA, kondusif bilik kamar dan pencapaian akademik asrama dan kemenjadian murid yang menonjol dan pemberangsangkan serta memenuhi kriteria pertandingan ASAT Kebangsaan. Akhir sekali, Asramaku Syurgaku.

## **PENGENALAN**

Kepimpinan yang cemerlang dilihat sebagai elemen yang dapat memangkin kecemerlangan sekolah dan kemenjadian murid. Keupayaan seorang pemimpin dalam memimpin sesebuah institusi mampu memastikan sesebuah sekolah mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Transformasi yang dilakukan oleh pemimpin atasan mampu memacu kejayaan sesebuah sekolah, termasuklah unit asrama yang melibatkan murid dan infrastruktur yang ada di asrama. Oleh itu, transformasi asrama yang dilaksanakan melalui kepimpinan yang efisien dalam sesebuah sekolah adalah amat penting untuk dijadikan sebagai amalan.

Transformasi asrama sekolah yang dilaksanakan di SMK Kubong melibatkan tiga aspek, iaitu transformasi fizikal, kurikulum dan kokurikulum.

### **Transformasi Fizikal Asrama Sekolah**

1. RECODA melibatkan pelbagai projek seperti penyediaan ampaian yang memudahkan murid, pewujudan bilik mandi dan bilik air yang kondusif dan penambahbaikan bangunan asrama.
2. Pembaikan sendiri turut dibantu oleh pengawal keselamatan dan pembersih kawasan (pekerja swasta) dalam membaik pulih fizikal dan infrastruktur yang terdapat di asrama.
3. Pemantauan dan penjaminan kualiti transformasi fizikal ini dilakukan oleh Pegawai Pembangunan Sekolah, Pengawal Keselamatan, Penyelia Asrama, barisan pengurusan dan pengetua.
4. Banyak perubahan ketara berlaku sebelum dan selepas transformasi fizikal asrama sekolah, termasuk kipas asrama, kamar, tandas, bilik mandi, bilik "study", bilik bimbingan dan kaunseling dan bilik kebitaraan asrama (Kadet Remaja Sekolah).
5. Peranan dan penglibatan SiskA turut menyumbang kepada transformasi yang lebih efisien, termasuk pelaksanaan gotong-royong keceriaan asrama.
6. Transformasi turut melibatkan taman bunga dan pementoran oleh pengetua dalam pengurusan dusun buah-buahan dan taman asrama.

### **Transformasi ke Arah Kemenjadian dan Sahsiah Murid melalui Program Kurikulum Murid Asrama**


1. Pelbagai program akademik telah dilaksanakan seperti berikut :
  - i. Program Cahaya Fajar STPM
  - ii. Prep Petang
  - iii. Prep Malam
  - iv. S4S SPM Murid Asrama
2. Program ini telah berjaya meningkatkan prestasi murid asrama sama ada dalam peperiksaan peringkat sekolah mahu pun peperiksaan awam seperti SPM dan STPM. Saban tahun SMK Kubong melahirkan murid asrama yang cemerlang , termasuk memperoleh semua gred A dalam peperiksaan SPM dan mencapai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.00 dan ke atas dalam peperiksaan STPM.

## Transformasi ke Arah Kemenjadian dan Sahsiah Murid melalui Program Kokurikulum Murid Asrama

1. Aktiviti 3K dan aktiviti kebudayaan murid asrama turut diadakan selepas transformasi dilakukan.
2. Murid asrama SMK Kubong turut merangkul pelbagai kejayaan dalam banyak pertandingan di pelbagai peringkat, terutamanya pertandingan yang melibatkan Kadet Remaja Sekolah yang telah berjaya melakar pelbagai kejayaan di peringkat kebangsaan.

### Penutup

Transformasi asrama yang dilakukan di SMK Kubong turut dibantu oleh pihak tertentu seperti penanda aras lawatan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pemantauan ASAT oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Rombongan Ketua Nazir, pihak polis dan PPS Limbang , di samping kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada pihak warden yang mengurus fail asrama dengan sistematik. Penglibatan semua pihak ini diharapkan dapat membantu transformasi asrama secara berterusan.









**PENANDA ARAS DAN  
LAWATAN KPM**





## **TRANSFORMASI PERMATA KELULONG**

**Rechard Emang**

Sekolah Menengah Kebangsaan Telang Usan,  
98050 Marudi, Baram, Sarawak.  
rechard.emang@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Transformasi Permata Kelulong merupakan satu usaha dalam mentransformasikan pendidikan di sekolah pendalaman yang serba kekurangan dari segi kemudahan asas, masalah perhubungan, serta lokasi yang berada jauh dari bandar. Transformasi Permata Kelulong ini bertujuan untuk meningkatkan kemenjadian murid, dari aspek kurikulum, kokurikulum, dan sahsiah murid. Sebelum Transformasi Permata Kelulong, tahap pencapaian murid dan sekolah adalah kurang memuaskan. Hal ini berlaku, disebabkan oleh beberapa faktor, yang melibatkan gaya kepimpinan sekolah berkenaan, pengurusan sekolah, dan kurangnya kesedaran di sekolah. Setelah berlaku perubahan kepimpinan pada tahun 2016, lahirlah rasa tanggungjawab dalam menyamaratakan pencapaian sekolah di pendalaman ini dengan sekolah di bandar. Di antara kemerjadian murid dan berlakunya pencapaian yang meningkat adalah disebabkan oleh kepimpinan dan pengurusan sekolah yang meletakkan Petunjuk Prestasi Utama sesuai dengan slogannya "Strive for Excellence". Selain itu, visi dan misi yang jelas menjadi fokus utama pelan strategik sekolah. Penglibatan dan kolaborasi diantara sekolah dengan pihak luar iaitu komuniti sekeliling, agensi-agensi kerajaan dan NGO turut memainkan peranan yang penting dalam mencapai kejayaan sekolah.

### **Pengenalan**

Umum mengetahui pemimpin merupakan tunjang utama yang menggerakkan sesebuah organisasi dalam institusi pendidikan mahupun bukan pendidikan. Antara pemimpin tersebut adalah guru besar, pengetua sekolah, ketua jabatan mahupun ketua kementerian. Namun, apakah itu seorang pemimpin? Dan apakah yang membezakan seorang pemimpin dengan individu lain? Seorang pemimpin boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai pengaruh dalam memimpin atau mengendalikan sesebuah organisasi yang mana beliau bertanggungjawab dalam memastikan kemenjadian organisasi tersebut. Sifat pemimpin terlahir sejak awal di mana mereka mempunyai rasa tanggungjawab dan amanah untuk mengendalikan sesuatu sesuai dengan kemampuan mereka yang kemudiannya diasah seiring dengan peningkatan pengetahuan pemimpin tersebut. Manakala kepemimpinan membawa erti keupayaan seseorang pemimpin dalam mempengaruhi tindakan-tindakan orang di sekelilingnya dengan penyampaian arahan yang diberikan. Kepemimpinan bukan hanya berlandaskan kepada tindakan seseorang pemimpin malah merangkumi segala bentuk aktiviti yang boleh meningkatkan motivasi orang di sekelilingnya. Justeru itu, melihat kepada konteks Transformasi Permata Kelulong yang berfokuskan kepada peningkatan kemajuan dan kemenjadian murid, maka kemajuan sesebuah

sekolah terletak penuh kepada kepimpinan Pengetua sekolah. Selaras dengan sebelas anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang mana anjakan kelima menyentuh tentang memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah, pemimpin sekolah haruslah seseorang yang berkaliber dan berpandangan luas dalam memastikan kemenjadian murid. Walaupun Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Datuk Lawai Jau terletak di pedalaman, keupayaan pemimpin menjulang baik nama sekolah tersebut supaya setanding sekolah-sekolah lain sehingga berjaya mencapai keputusan GPS 4.88%.

### Lokasi Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Datuk Lawai Jau berlokasi kira-kira 220km dari bandar Miri, yang mana mengambil masa selama 5jam. Sekolah ini dapat dihubungi melalui jalan darat, jalan udara serta jalan air.



Rajah 1 menunjukkan lokasi sekolah di peta Sarawak.



Rajah 2 menunjukkan peta sekolah.

## Isu dan Cabaran

Sekolah menengah yang terletak di pendalaman dengan status P3 ini sememangnya tidak dapat dinafikan mempunyai isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh guru-guru, muridmurid serta masyarakat khususnya di kawasan Long San. Antara isu dan cabaran yang dihadapi adalah perjalanan ke sekolah itu sendiri iaitu masalah jalan putus, tanah runtuh serta jalan licin akibat berkongsi dengan jalan lori balak. Keadaan jalan yang tidak selamat sewaktu hujan memudaratkan keselamatan warga SMK Temenggong Datuk Lawai Jau untuk pergi bekerja dan bersekolah di sana. Sekiranya hujan, sebahagian besar jalan akan licin, bahkan ada jalan yang terputus akibat daripada kejadian gelongsoran tanah yang menutup jalan ke Long San.



Gambar 1 menunjukkan keadaan jalan yang licin selepas hujan.



Gambar 2 menunjukkan sebuah lori balak yang membawa muatan.

Selain menggunakan jalan darat, jalan udara dan jalan air turut menjadi alternatif lain buat warga sekolah. Akan tetapi, jalan air hanyalah boleh digunakan sewaktu keadaan mengizinkan seperti semasa cuaca panas. Sekiranya cuaca tidak mengizinkan, jadual penerbangan terpaksa ditunda ke jam yang lain atau ditunda sepenuhnya kepada hari lain. Hal yang sama berlaku kepada pengguna jalan air, di mana hanya sewaktu cuaca yang baik jalan air dapat digunakan. Keselamatan menjadi taruhan kepada pengguna jalan air, di mana mereka harus meredah air yang deras dengan mengharapkan keupayaan sebuah bot untuk menampung sejumlah penumpang yang menaiki bot semata-mata untuk memastikan setiap pelajar mendapatkan kelangsungan pendidikan.



Gambar 3 menunjukkan keadaan jalan air yang deras.



Gambar 4 menunjukkan bot yang digunakan untuk Transformasi Permata Kelulong.

Selain itu, isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga sekolah adalah masalah kemudahan asas seperti sumber elektrik dan sumber bekalan air bersih. Warga sekolah bergantung sepenuhnya kepada genset untuk sumber elektrik dan air daripada sungai serta air tadahan hujan. Sekiranya kehabisan minyak yang digunakan untuk menghidupkan genset, warga sekolah akan mengalami gangguan bekalan elektrik yang mengganggu sesi persekolahan warga sekolah. Selain daripada kekurangan bekalan minyak, jadual penyelenggaraan yang tidak mengikut jadual turut menjejaskan rutin harian para warga sekolah. Manakala sumber air yang warga sekolah hadapi adalah ketiadaan air bersih terutamanya kepada pelajar asrama yang bergantung kepada tadahan air hujan dan air sungai. Umum mengetahui bahawa bekalan air daripada sungai kebanyakannya keruh, tidak dirawat serta tercemar yang mana boleh mendatangkan masalah kesihatan sekiranya diminum tanpa ditapis. Sekiranya cuaca kemarau, warga sekolah tidak mempunyai bekalan air dan terpaksa menggunakan air sungai sebagai pengganti air hujan. Tong simpanan air juga kurang untuk menakung air malah ada yang turut rosak dan tidak boleh dipakai.




Gambar 5 menunjukkan ruangan yang menempatkan genset sekolah.



Gambar 6 menunjukkan bekalan simpanan air

## Pencapaian Akademik

Menyentuh tentang pencapaian akademik sekolah, sekiranya dilihat pencapaian sekolah pada tahun sebelumnya berbanding sekarang, agak mustahil untuk mencapai peratusan yang memberangsangkan. Walaupun kekurangan dari segi infrastruktur, kekurangan capaian internet, serta tahap kesedaran pendidikan pelajar, tidak dinafikan kepimpinan daripada seorang pendidik yang berkaliber mampu membawa naik nama sekolah. Pelbagai usaha untuk menyamaratakan tahap pendidikan seperti di bandar telah dijalankan oleh pemimpin sekolah yang telah sedikit sebanyak memberi kesedaran akan pentingnya pendidikan dalam kalangan pelajar sekaligus menaikkan motivasi rakan sekerja yang lain. Bukan hanya itu, murid-murid banyak yang bergantung kepada usaha guru kerana ketiadaan capaian internet mahupun komputer untuk mencari atau melakukan kajian. Akan tetapi, ada pemimpin yang berjiwa murni membolehkan mustahil menjadi tidak mustahil. Rajah 3 menunjukkan impak pencapaian akademik pelajar sepanjang tempoh 2015-2021.



Rajah 3

## Pencapaian Kokurikulum

Walaupun dalam pendalaman, jika ada usaha, bimbingan dan sokongan daripada pemimpin, akan menghasilkan pencapaian yang membanggakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kejayaan beberapa orang pelajar yang berjaya melayakkan diri hingga ke peringkat kebangsaan dalam acara olahraga larian 1500m dan 800m dan memperoleh 2 pingat emas selain sukan bola baling sehingga peringkat kebangsaan.



Gambar 7 menunjukkan pelajar sekolah dengan pencapaian membanggakan.

### Penutup

Transformasi Permata Kelulong yang julung kali diadakan menandakan aras penentu kepada tercapainya hasrat pemimpin membawa nama sekolah sehingga peringkat kebangsaan. Tidak dinafikan dengan kedatangan idea baharu serta semangat seorang pemimpin yang ingin memastikan pencapaian kecemerlangan yang seimbang dalam bidang akademik dan kokurikulum membuah hasil apabila dilakukan dengan ikhlas dan amanah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kemampuan seorang pemimpin dengan kemenjadian murid. Bukan hanya mampu memberi galakkan dan motivasi kepada rakan sekerja, malah turut membantu meningkatkan semangat ke sekolah dalam kalangan pelajar. Pelajar tidak akan berasa tersisih daripada pembelajaran ekoran daripada usaha yang diambil bagi membolehkan semua pelajar mendapat bahan pembelajaran yang sama. Walaupun menghadapi rintangan dan cabaran, seperti masalah lokasi tempat tinggal pelajar yang susah dicapai, masalah jalan menuju ke tempat tinggal pelajar, mahupun masalah kekurangan infrastruktur tidak mematahkan semangat juang dalam pemimpin. Oleh itu, lahirlah inisiatif pemimpin iaitu Transformasi Permata Kelulong yang ditubuhkan khas bagi membantu kemenjadian murid, bukan dari bidang akademi, malah dalam bidang kokurikulum dan sahsiah pelajar.

## TRUKUN MERUBAH IKLIM

### Magdalene Lilawati

Guru Besar, SK Sacred Heart Padawan Ycb 1305  
D/A Ppd Padawan, Lorong 17, Off Jalan Kapor,  
93250 Kuching, Sarawak  
magcha70@yahoo.com

### ABSTRAK

Pengurusan kepimpinan sesebuah sekolah bukan hanya bergantung kepada kekuatan sumber manusia yang ada di sekolah tersebut bahkan juga melibatkan ibu bapa, PIBG, LPS dan Komuniti setempat yang juga merupakan pemegang taruh dalam satu-satu organisasi sekolah. Keadaan ini berlaku kerana pengurusan sekolah dan komuniti setempat adalah saling bergantung antara satu dengan yang lain justeru mereka perlu saling bekerjasama untuk kebaikan kedua-dua pihak. Anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga memberikan penekanan terhadap penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Sehubungan dengan itu, focus amalan terbaik TRUKUM MERUBAH IKLIM diwujudkan agar jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa, LPS (Lembaga Pengurusan Sekolah) dengan PIBG (Persatuan Ibu Bapa Dan Guru) serta komuniti setempat dapat memperkasakan lagi SK SACRED HEART PADAWAN serta mampu memberi impak yang optimum terhadap kemenjadian modal insan anak-anak murid. Program ini merupakan program berpanjangan serta merupakan rentetan program JOSS (Jom Sembang Sekejap) yang telah di laksanakan di sekolah terdahulu saya. Impaknya dapat dilihat sekali lagi apabila hubungan LPS, PIBG, serta semua warga sekolah dan komuniti sekitar telah dapat disatukan semula dan beberapa projek naik taraf fizikal serta keceriaan sekolah dapat dibuat bersama-sama. Selain itu program-program serta projek-projek naik taraf sekolah telah mendapat sokongan padu ibu bapa, baik dari segi kewangan mahupun tenaga serta penglibatan kehadiran mereka ke sekolah bila diperlukan sangat memberansangkan. Matlamat PROGRAM TRUKUM MERUBAH IKLIM adalah untuk mewujudkan sebuah sekolah yang mempunyai persekitaran yang bersih, ceria, cantik, harmonis dan kaya dengan ilmu yang boleh dilihat disetiap penjuru Sekolah.

### PELAPORAN PEMBENTANGAN




Trukum Merubah Iklim membawa makna Kerjasama yang telah berubah iklim Sekolah. Datang dari Bahasa Bidayuh Bau. Kapasiti Sekolah pada tahun semasa dengan menunjukkan peningkatan jumlah murid saban tahun. Guru sebanyak 19 orang termasuk GB, AKP sebanyak 3 orang, Pekerja swasta 8, bilik kelas 8, bilik khas 8 dan murid sebanyak 222 orang.



<p><b>ISU-ISU YANG PERLU DIHADAPI</b></p> <p>Fizikal Sekolah masih Klamat</p> <p>Bidang tugas belum jelas dalam kalangan warga Sekolah</p> <p>Hala Tuju Sekolah masih Kabur</p> <p>Pelibatan Pemeqang Taruh Tidak Aktif</p> <p><b>STRATEGI 1</b> Memantapkan Hubungan Jalanan dan Jaringan <b>TRUKUM Merubah Iklim</b></p> <p><b>STRATEGI 2</b> Memperkasakan Keceriaan Sekolah melalui pemantapan fizikal serta persekitarannya <b>SEKOLAH SHOWCASE</b></p> <p>I HEAR AND I FORGET I SEE AND I REMEMBER I DO AND I UNDERSTAND -GONZALES</p>	<p>SWOT analisis telah dibuat untuk melihat kelemahan Sekolah serta bersama-sama mencari penyelesaian masalah melalui beberapa strategi yang telah dirancang secara tersusun. KPI untuk menjadikan Sekolah SEKOLAH SHOWCASE mula digerakkan dengan barisan SLT yang menjadi mirrow image untuk barisan MLT ikuti nanti.</p>
<p><b>MIRROR IMAGE</b> HASIL USAHA BARISAN SLT</p> <p>It's not the information itself that makes the difference, it's the way it's presented that makes the difference.</p> <p>Our Landmarks Pembelajaran</p>	<p>Barisan SLT memulakan langkah dengan menceriaikan Kawasan sekitar dengan menaikkan papan-papan tanda, landmarks serta maklumat-maklumat terkini sekolah.</p>
<p><b>LANGKAH DI MULAKAN</b> PANITIA BM, PM &amp; PEMULIHAN TAMAN PAK 21</p> <p>SEBELUM</p> <p>SEMASA</p> <p>SELEPAS</p> <p>notes</p>	<p>Mirror Image barisan SLT diterjemahkan oleh barisan SLT dengan membina Taman-taman berinformasi mereka pula. Semangat TRUKUM/KERJASAMA mereka ini di laksanakan dengan melibatkan Panitia-panitia lain selain penerajunya Panitia BM bagi pembinaan Taman PAK 21</p>
<p><b>PANITIA SAINS, MATEMATIK &amp; PUSAT SUMBER</b> TAMAN REFLEKSOLOGI</p> <p>SEBELUM</p> <p>SEMASA</p> <p>SELEPAS</p>	<p>Seterusnya Panitia Sains dan Matematik pula membawa rakan-rakan Panitia lain membina Taman Refleksiologi Berinformasi mereka</p>

<p><b>PANITIA PJK, PI &amp; KK PERMAINAN DALAMAN</b></p> <p>SEBELUM SEMASA SELEPAS</p>	<p>Seterusnya Panitia PJK rakan-rakan Panitia lain membina Indoor Games. Ini bertujuan untuk memberi ruang kepada anak-anak nanti bermain dan mengenali permainan tradisional.</p>
<p><b>TAMAN HIP PANITIA BI, PI &amp; KK</b></p> <p>SEBELUM SEMASA SELEPAS</p>	<p>Panitia BI pula mengorak langkah dengan Bersama-sama Panitia PI dan KK untuk membina Taman HIP yang berinformasi</p>
<p><b>TAMAN PAL</b></p>	<p>Kelab PAL dibawah KK membina Taman PAL yang mendapat tajaan RM1000 dari Persatuan Alam Sekitar. Setiap kerja yang dibuat melibatkan semua warga sekolah secara Bersama-sama yang menepati kepada laungan kami TRUKUM</p>
<p><b>PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI (JARINGAN DAN JALINAN)</b></p>	<p>Berpegang kepada kata-kata CONFUCIUS "I SEE AND I REMEMBER". Hala Tuju kami untuk melibatkan ibu bapa dan komuniti untuk bersama-sama memajukan Sekolah serta kemenjadian anak-anak berjaya kami perolehi. Setiap mesyuarat dan gotong royong serta program-program kami mendapat sambutan. Ini kerana mereka telah melihat kesungguhan warga sekolah untuk mengubah iklim kami agar mencapai hala tuju kemenjadian kami</p>



Bila Persekitaran Sekolah Ceria, Kepercayaan diperolehi dari ibu bapa dan komuniti, maka pergerakan kami menjadi sangat mudah untuk kami membawa anak-anak murid kepada kemenjadian yang Holistik. Penglibatan Kokurikulum yang aktif, salsiah anak murid terpuji serta pencapaian akademik yang cemerlang berjaya kami hasilkan. TRUKUM MERUBAH IKLIM, laungan kami berjaya dengan apa yang kami telah laksanakan.




Seterusnya, bila sudah KUKUH/SUSTAINABLE, Sekolah kami di iktiraf sebagai SEKOLAH LESTARI TS25, SEKOLAH SHOWCASE HIP dan MICROSOFT SHOWCASE SCHOOL. Sekolah kami juga diminta untuk membuat booth bagi Pameran-pamera seperti SEKOLAHKU SEJAHTERA di SMK Matang semasa hari terbuka

PPDPADAWAN, booth pameran HIP di SMK Batu Kawa semasa lawatan Menteri Pendidikan Malaysia dan Pengarah Pendidikan Sarawak sendiri meletakkan dalam slaid presentation beliau menyatakan yang kami merupakan SEKOLAH LAKSANA PEMBUDAYAN DAN AMALAN TERBAIK TS25 bersama SK Limbang semasa Konference PGBCSarawak tahun 2022



Sekolah juga telah dilawati dan di tanda aras oleh sekolah-sekolah sekitar Padawan, Kuching dan Serian termasuk Sekolah-Sekolah sejauh Pulau Pinang dan Pahang. Perkongsian juga telah dibuat di Padawan Sendiri, Roxy Hotel Serian kepada Sekolah-sekolah di Serian serta di Sri Aman kepada Sekolah-Sekolah di Lubok Antu.

Hubungan yang era antara Sekolah, Ibu bapa dan Komuniti Sekitar telah banyak merealisasikan Hala Tuju kami sehingga SK Sacred Heart bukan saja dilihat di Sibul tetapi ada lagi satu di Padawan.



HAPPY SCHOOL, HAPPY CHILDREN, JOYFUL LEARNING! ABC, suasana ini yang kami cuba tanamkan juga untuk kami melahirkan Anak-anak Baik dan Cerdik. Bulat Air kerana Pembentung, Bulat Manusia kerana Muafakat, kata-kata yang melahirkan Iklim Trukum kami. TRUKUM BERUBAH IKLIM menjadi kenyataan di Sekolah kami SK SACRED HEART PADAWAN

## **KERTAS PUTIH: PROGRAM CAKNA 3M**

**Afendi bin Soon**

SK Kidurong II, Jalan Datuk Bandar Abg Mustapha,  
97000 Bintulu, Sarawak  
fend.island@gmail.com

### **ABSTRAK**

Program CAKNA 3M dapat membantu mengurangkan jumlah murid yang tidak menguasai saringan pelepasan Pemulihan Literasi dan Numerasi. Projek ini diadaptasikan di sekolah dengan harapan agar KPI Pemulihan Khas dan PLaN di sekolah tercapai. Pembelajaran sepanjang hayat ditekankan dengan pembentukan konsep pemulihan dari segi bacaan, tulisan dan mengira. Program ini telah menerpa kejayaan dan impak menerusi saringan apabila jumlah murid yang belum menguasai kemahiran semakin berkurangan. Corak kepimpinan sekolah sangat diperlukan serta sokongan dan kesatuan antara pemimpin sekolah dengan pihak terlibat merupakan dasar dalam pencapaian matlamat program ini. Semangat kerja berpasukan di kalangan guru-guru BM, BI dan Matematik serta semua warga sekolah amat dituntut sebagai tanda semua pihak termasuk PIBG ambil tahu program ini. Kerjasama ibu bapa juga merupakan penyumbang terbesar dalam kejayaan program ini. Program CAKNA 3M sangat mudah dan mengambil pendekatan yang berbeza sehingga ke peringkat akar umbi demi kelangsungan satu pembelajaran yang bermakna buat semua ADIWIRA sekolah.

### **PENGENALAN**

Perkongsian penulis untuk sesi symposium adalah berkaitan dengan bagaimana usaha pihak sekolah khususnya kepimpinan instruksional dalam membantu kemenjadian murid dalam bidang pemulihan khas.

Intisari penyampaian perkongsian ini adalah berfokus kepada 4 aspek iaitu:

1. 6W: Program CAKNA 3M
2. Peranan Pemimpin Sekolah
3. Perkongsian Amalan Terbaik
4. Kata Kunci Kejayaan

#### **1. 6W : Program CAKNA 3M**

Pembentang menerangkan di sebalik pelaksanaan program ini. Sebagai sebuah sekolah TS25, salah satu elemen yang penting iaitu kemenjadian murid dijadikan KPI kepimpinan sekolah selain menghasilkan sebuah sekolah yang berkualiti.

- Program Khas Bagi Pemulihan Khas SK Kidurong II, Bintulu
- Membantu mengurangkan jumlah murid yang tidak menguasai saringan pelepasan Pemulihan Literasi dan Numerasi

- Melibatkan Guru Besar, PKP, PKHEM, PKPK, Guru Pemulihan Khas, Ketua Panitia, Guru B&K, Guru Kelas, Guru BM, BI, MT, PIBG, Ibu Bapa, Komuniti Setempat, Hospital Nyabau
- Dilaksanakan dengan memastikan keberhasilan PGB dan PKP hendaklah selari dengan keberhasilan Guru Pemulihan Khas. Justeru, data murid menjadi data mentah untuk mengukur kejayaan program ini. Kelas CAKNA 3M ini dilaksanakan secara bersemuka dan disusuli dengan secara dalam talian sama ada google meet / video call bagi membantu guru pemulihan khas membuat tindak susul dalam memastikan adiwira kami berjaya dan faham apa yang diajar. Justeru, suasana kelas yang kondusif juga sangat diperlukan dalam memastikan anak murid selesa belajar. Pentadbir hendaklah sentiasa membuat pemantauan dan pencerapan dan hasil saringan hendaklah dianalisis datanya menerusi perbincangan profesional dalam Dialog Prestasi Sekolah Berfokus. PLC pula dijadikan satu budaya bagi memastikan segala aspirasi program tercapai.
- Program ini dilaksanakan sepanjang tahun.
- Guru Pemulihan Khas menggunakan pelbagai kaedah untuk memastikan jumlah murid yang menguasai literasi dan numerasi dalam pemulihan berada di landasan yang betul.

## **2. Peranan Pemimpin Sekolah**

Pembentang juga berkongsi peranan dirinya sebagai seorang pentadbir dalam kepimpinan instruksional bagi memastikan segala hasrat utama program ini tercapai.

Guru Besar berperanan sebagai peneraju, pendorong dan pembimbing dalam kejayaan program ini. PDCA menjadi amalan guru besar supaya program ini memberi impak yang berkualiti. Sokongan PIBKS adalah nadi dalam kejayaan program seperti ini.

Justeru, SKPM Kualiti @ Sekolah, PLC, PAT, Komunikasi berkesan menjadi pendekatan utama oleh guru besar. Amalan demokratik dan win win situation dalam amalan kepemimpinan juga menyumbang dalam kejayaan program ini.

## **3. Perkongsian Amalan Terbaik**

- Pembentang berkongsi amalan terbaik yang dilaksanakan oleh guru pemulihan khas.
- Brainstroming bersama guru pemulihan khas adalah sangat penting sebagai usaha mengenal pasti isu dan seterusnya analisis dibuat bagi mengatasi isu yang timbul ini.
- Pendekatan PdPC guru ini juga unik. Ini kerana guru ini memberi peluang dan mendampingi murid pemulihan untuk berkembang dan membina keyakinan diri mereka. Ini secara tidak langsung dapat memberi impak dalam kejayaan program ini.
- Justeru, pengiktirafan kepada murid juga dibuat sebagai usaha menghargai dan memberi sokongan emosi secara dalaman dan luaran.
- Penglibatan dan kerjasama ibu bapa adalah sangat penting memastikan kejayaan program ini.



- Penglibatan bekas pelajar juga sangat banyak membantu dalam kejayaan program ini.
- Ibu bapa diberi peluang untuk menyuarakan hati mereka menerusi suara hati, sementara murid juga diberi peluang untuk memperkembangkan potensi diri melalui sinar pagi dan disusuli dengan jejak jaya (kelas tambahan / bimbingan) yang berfokus.
- Murid tidak pernah diabai setakat mengikuti kelas pada waktu pagi, malah guru memberi bimbingan yang berterusan kepada murid setelah mereka balik dari sekolah.

#### **4. Kata Kunci Kejayaan**

Ada 4 kata kunci kejayaan program ini iaitu:

1. Deep Data : Rungkaikan data dan kaji sehingga ke akar umbi
2. Team Works : Semangat kerja berpasukan
3. Usaha & Fokus : Dalam pelaksanaan Program CAKNA 3M
4. Timbal balik : Nilai impak aktiviti / pdpc guru secara bersama

#### **KESIMPULAN**

Kejayaan dalam program ini adalah hasil usaha secara bersama dengan satu hala tuju yang sama. Kesepakatan antara semua pihak memberi impak kepada program ini. Komunikasi yang berkesan antara semua pihak amat perlu. Sokongan dan kebijaksanaan serta keterlibatan pemimpin sekolah amat perlu dan merupakan nadi utama dalam penggerak pencapaian program ini.

## **JARINGAN DAN JALINAN PENGGERAK KELESTARIAN STEM SK ANCHI**

**Sapri bin Haji Pae**

SK Anchi, Jalan Piasau Jaya 1E,  
98000 Miri, Sarawak  
g-01294850@moe-dl.edu.my

### **ABSTRAK**

Tujuan utama kepada penghasilan penulisan kertas kerja ini adalah untuk menerangkan bagaimana usaha pihak sekolah khususnya kepimpinan instruksional dalam memperkasa pengurusan STEMEC di peringkat sekolah menggunakan kaedah jaringan dan jalinan dengan pihak luar sebagai usaha meningkatkan lagi minat dan kefahaman murid-murid dan guru-guru khususnya di SK Anchi sendiri dan juga umumnya kepada murid-murid dan guru-guru di luar khususnya di negeri Sarawak serta memberi ruang dan peluang kepada penglibatan pihak swasta dalam membangunkan Pendidikan STEM di sekolah kepada murid-murid. Penulisan kertas kerja ini akan menghuraikan bagaimana usaha pihak sekolah memperkenalkan produk PBL STEM melalui perkongsian Program Kolaboratif I-SHARE dan menjelaskan bagaimana pihak sekolah mewujudkan Program Kerjasama Pintar dengan pihak luar atau swasta dalam membantu mempromosikan Pendidikan STEM serta mewujudkan projek-projek khas berkaitan dengan Pendidikan STEM yang dilaksanakan di sekolah. Penceritaan dalam penulisan kertas kerja ini akan menumpukan kepada dua elemen utama iaitu pelaksanaan dan impak pembudayaan Pendidikan STEM kepada warga sekolah khususnya murid-murid. Sebagai mencapai sasaran kepada dua perkara di atas, empat perkara utama kepada penulisan ini iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, membina jaringan dan jalinan dan komunikasi berkesan akan dihuraikan bagi menggarapkan hasil kepada kertas kerja ini.

Kata Kunci: Jaringan, Jalinan, Kelestarian, STEM

### **PENGENALAN**

Perkongsian penulis untuk sesi symposium adalah berkaitan dengan bagaimana usaha pihak sekolah khususnya kepimpinan instruksional dalam memperkasa pengurusan STEMEC menggunakan kaedah jaringan dan jalinan sebagai usaha melestarikan Pendidikan STEM di sekolah.

Pelaksanaan kaedah jaringan dan jalinan ini merupakan salah satu wadah yang digunakan untuk memberi ruang dan peluang kepada pihak pengurusan, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa berkongsi maklumat dan pengalaman melaksanakan PBL STEM di sekolah kepada pihak luar. Dalam masa yang sama juga memberi ruang dan peluang kepada sekolah-sekolah di negeri Sarawak mengetahui dengan lebih lanjut kaedah pelaksanaan STEMEC di sekolah kami.

Skop perbincangan dalam penyampaian perkongsian ini adalah berkaitan dengan;

- Konsep Jaringan dan Jalinan

- Kelestarian Pendidikan STEM
- Program Kelestarian Pendidikan STEM
- Impak Jaringan dan Jalinan Dalam Kelestarian STEM
- Inspirasi Kepimpinan Kelestarian STEM SK Anchi

### Konsep Jaringan dan Jalinan

JARINGAN: Hubungan kerjasama antara sekolah dengan sekolah lain sama ada sekolah rendah atau menengah di dalam daerah atau dalam negara dan juga yang melibatkan sekolah di luar negara atau sekolah antarabangsa yang terdapat di negara.

JALINAN: Hubungan kerjasama antara sekolah dengan organisasi (agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, IPTA, IPTS, Badan Korporat, Badan Berkanun dan NGO) di dalam negara dan di luar negara atau cawangan organisasi Malaysia yang beroperasi di luar negara.

### Kelestarian Pendidikan Stem

Kelestarian STEM merupakan pembudayaan pendidikan STEM di sekolah yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian murid dan usaha berterusan pihak pengurusan atau kepimpinan untuk memastikan pendidikan STEM dilaksanakan, dipantau, disebarluaskan dan dibudayakan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti atau projek sekolah berteraskan kepada amalan STEM dengan melibatkan semua komuniti sekolah melalui kerjasama jaringan dan jalinan.

### Program Kelestarian Pendidikan STEM Di SK Anchi

Program yang kongsi merujuk kepada konsep jaringan dan jalinan yang telah dilaksanakan untuk menyebarkan pelaksanaan STEM di sekolah. Berikut dipamerkan ilustrasi berkaitan dengan program-program yang dimaksudkan.





### Matlamat Program Jaringan dan Jalinan

Matlamat utama program adalah untuk menyebarkan pendidikan STEM di semua sekolah negeri Sarawak melalui kerjasama pintar kepada 31 buah PPD di negeri Sarawak.

### Pengisian atau kandungan yang disampaikan melalui Program Kolaboratif

- I-SHARE PBL STEM Bersepadu;
- 1. Pengenalan Tentang Pendidikan STEM dan Pengurusan STEMEC di Sekolah
- 2. Pengurusan Pelaksanaan PBL STEM Bersepadu dan Penilaian Autentik STEM
- 3. Pengurusan Pelaksanaan STEM di dalam Kokurikulum
- 4. Projek-projek STEM dan Kerjasama dengan Pihak Luar
- 5. Perkongsian Pintar Melalui Pengalaman Sebenar Murid dan Ibu bapa Sebagai Duta STEM Sekolah
- 6. Sesi Q&A

Gambar-gambar Perkongsian Program I-SHARE PBL STEM melalui jaringan dengan sekolah-sekolah di negeri Sarawak.

### PROGRAM KOLABORATIF I-SHARE PBL STEM

### PROGRAM KOLABORATIF I-SHARE SK ANCHI MIRI

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PROJECT BASED LEARNING (PBL) BERSAMA PPD BINTULU, PPD TATAU/SEBAUH & PPD SELANGAU

TARIKH: 15 OKTOBER 2021 (JUMAAT)  
MASA: 2.30 PETANG - 4.30 PETANG  
KEDAH: GOOGLE MEET

LINK GOOGLE MEET:  
<https://meet.google.com/otr-jpwz-xzy>

AGENDA:

- SLAT 1: PENGENALAN STEM DAN PELAKSANAANNYA DI SK ANCHI MIRI
- SLAT 2: PELAKSANAAN PBL STEM DALAM PUPR
- SLAT 3: PERKONGSIAN PELAKSANAAN PBL STEM DI LAIN MURID DAN WU DAPA

IMBAS DI SINI QR CODE GOOGLE MEET

Science, Technology, Engineering, Mathematics Executive Consultation

SIARAN LANGSUNG - GOOGLE MEET (SK ANCHI, MIRI) 15 OKTOBER 2021



PROGRAM KOLABORATIF i-SHARE PBL STEM 2021

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK


## [SIRI 3] Program Kolaboratif i-Share SK Anchi, Miri 2021

*Kepimpinan Transformasi Memacu Kelestarian Pendidikan STEM Bersepadu*



## Pencapaian Penyebaran Peluasan I-SHARE PBL STEM Melalui PPD di Negeri Sarawak

 			
Pencapaian Penyebaran Peluasan I-SHARE PBL STEM Melalui PPD di Negeri Sarawak			
Bil	PPD	Bil. Sekolah	Tarikh
1	PPD Betong	47 buah	12 Oktober 2020
2	PPD Lundu	31 buah	3 – 4 Disember 2020
3	PPD Miri	45 buah	24 Disember 2020 & 3 Mei 2021
4	PPD Daro & Mukah	29 + 41 buah	11 September 2021
5	PPD Subis, Baram & Belaga	44 + 66 + 13	24 September 2021
6	PPD Bintulu, Tatau/ Sebauh & Selangau	25 + 28 + 22	15 Oktober 2021
7	PPD Kuching	1 buah – SK Muara Tebas	16 November 2021
<b>Rumusan</b>	12 daripada 31 PPD (38.70%)	392 daripada 1,031 buah sekolah di Sarawak (38.02%)	


*Kepimpinan Transformasi Memacu Kelestarian Pendidikan STEM Bersepadu*



## Pencapaian Penyebaran Peluasan I-SHARE PBL STEM Melalui PPD Miri

 		
Pencapaian Penyebaran Peluasan I-SHARE PBL STEM Melalui Sekolah		
Bil	Nama Sekolah	Tarikh
1	SK Kelawit, Tatau	19 Januari 2020
2	SK Merbau, Miri	18 September 2020
3	SK Sungai Tisang, Sebauh	8 Oktober 2021
4	SK Muara Tebas, Kuching	11 November 2021
5	SK Camporan, Daro	14 Disember 2021
6	SK Temenggong Datuk Muip, Miri	10 Mei 2022
7	SK Jalan Bintang, Miri	13 Mei 2022
8	SK St Joseph, Miri	23 Mei 2022
9	SK Senadin, Miri	23 Mei 2022
10	SK Pulau Melayu, Miri	24 Mei 2022
11	SK Miri, Miri	14 Jun 2022
12	SJKC Chung Hua Lutong, Miri	22 September 2022
13	SK Kidurung, Bintulu	29 Julai 2022
14	SK Agama (MIS), Miri	22 Ogos 2022
15	SK Pujut Coner, Miri	27 September 2022

*Kepimpinan Transformasi Memacu Kelestarian Pendidikan STEM Bersepadu*



## Projek Kerjasama Pintar Program STEM Melalui Jalinan Dengan Pihak Luar

### Matlamat Program Jalinan

Mewujudkan kerjasama pintar dengan organisasi selain daripada sekolah untuk memastikan kelestarian pendidikan STEM dilaksanakan dengan memupuk kerjasama erat antara organisasi terlibat.

Perkongsian ini akan memaparkan Tiga Projek Kerjasama Pintar Program STEM dengan pihak luar iaitu;

1. Projek Akuaponik bersama dengan pihak Jabatan Pertanian Daerah Miri
2. Projek 3R Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dengan Syarikat Chen Wan Enterprise Miri
3. Projek Khas Rakaman RTM untuk slot SPM-Cerita Pagi Sarawak


Projek Akuaponik bersama dengan pihak Jabatan Pertanian Daerah Miri




## PROJEK AKUAPONIK


Projek tanaman sayuran menggunakan kaedah akuaponik yang telah mendapat bimbingan daripada pegawai dari Jabatan Pertanian Daerah Miri.

Projek ini dilaksanakan di Taman STEM Sekolah sebagai usaha memberi maklumat kepada murid-murid kaedah penanaman sayur secara akuaponik.





Ekosistem perkebunan moden ini memberi tumpuan kepada pemberian makan kepada ikan, lalu membiarkan hasil pembuangan ikan tersebut memainkan peranan sebagai baja kepada sayuran.



Projek 3R Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dengan Syarikat Chen Wan Enterprise Miri



## PROJEK KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI

Science, Technology, Engineering, Mathematics Executive Consultation

Kerjasama pintar ini melibatkan sebuah syarikat swasta di Miri iaitu Chen Wan Enterprise.

Sebuah syarikat yang telah mendapat permit daripada pihak majlis Perbandaran Miri untuk mengutip minyak masak terpakai di Bandaraya Miri.

**KEMPEN KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI**

SUMBANGKAN MINYAK MASAK TERPAKAI ANDA!!

TERBUKA KEPADA SEMUA STAF & MURID SK ANCHI, MIRI

TEMPOH KEMPEN: (SEPT - NOV 2021)

⇒ HADIAH HAMPER AKAN DIBERI KEPADA PENYUMBANG TERBANYAK TEMPAT 1, 2 & 3 BAGI KATEGORI STAF & MURID

CARA KUMPUL & HANTAR MINYAK MASAK KE SEKOLAH:

1. KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI DALAM BOTOL
2. HANTAR KE TAMAN STEM, SK ANCHI
3. MENGIKUT TARIKH YANG DITETAPKAN
4. TUNGGU HASIL PENGUMPULAN
5. HASIL PENGUMPULAN DIPEKODKAN

TATACARA MENYIMPAN MINYAK MASAK TERPAKAI DI DALAM BOTOL:

1. SELA TAPIS MINYAK MASAK ANDA
2. SIMPAN DALAM BOTOL YANG LUTERANAR & RINGAN
3. TULIS & LELAKKAN NAMA PENJUAL & KELAS PADA SETIAP BOTOL.

LOKASI PENGUMPULAN: TAMAN STEM SK ANCHI, MIRI

WAKTU PENGUMPULAN: #DIBUKA SETIAP 2 MINGGU SEKALI # SABTU (9.00 AM - 12.00 PM)

KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI: Cikgu Wan Nur Merais (016-8747248)



**Kempen Kumpul MINYAK MASAK Terpakai**

SK ANCHI, MIRI

02 OKTOBER 2021 (SABTU)





### Projek Khas Rakaman RTM untuk slot SPM-Cerita Pagi Sarawak

Science, Technology, Engineering, Mathematics Executive Consultation

### PROJEK KERJASAMA DENGAN RTM MIRI RAKAMAN SLOT CERITA PAGI SARAWAK

Projek ini adalah idea asal untuk menyebarkan Program PBL STEM kepada pihak luar melalui media komunikasi (RTM).

Perbincangan awal untuk mengadakan sesi rakaman bersama RTM telah diadakan pada 7 September 2021.

Sesi penggambaran dibuat pada 19 September 2021 – Ahad (9.00 pagi) di sekolah

Rakaman telah disiarkan melalui segmen Selamat Pagi Malaysia TV1 (SPM) – Cerita Pagi Sarawak pada 9.40 pagi 21 September 2021 di TV 1.

SELAMAT PAGI MALAYSIA

CERITA PAGI SARAWAK  
PENDIDIKAN STEM DI SEKOLAH RENDAH





tambahan info jalinan bersama dengan pihak lain di Miri

**JARINGAN DAN JALINAN BERSAMA NGO**

BIL	PROGRAM	SEKTOR TERLIBAT	FOKUS PENERAPAN STEM
1	Pertandingan PBL STEM Bersepadu Peringkat Daerah Miri – 29 Oktober 2022 - Sabtu	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD)	Projek PBL STEM Bersepadu Berasaskan Bahan Terbuang
2	SHOAWCASE PBL STEM 17 November 2022 - Khamis	Petronas Carigali Miri	Taklimat dan Demontrasi Ice Gas vs Ice Cube
3	Perkemahan STEM SK Anchi 20 – 21 Januari 2023 Jumaat - Sabtu	Majlis Bandaraya Miri Seksyen Local Agenda	Demontrasi dan Praktikal Membuat Sabun Daripada Minyak Terpakai


*Kepimpinan Transformasi Memacu Kelestarian Pendidikan STEM Bersepadu*

## IMPAK JARINGAN DAN JALINAN DALAM KELESTARIAN STEM KEPADA SEKOLAH

Antara impak jaringan dan jalinan dalam pengurusan kelestarian STEM di SK Anchi ialah;

1. Tanamkan keyakinan yang tinggi bagi kepimpinan STEM
2. Guru-guru lebih yakin dan komited. PLC sebagai budaya kerja guru
3. Murid-murid semakin seronok dan lebih kreatif serta yakin berkomunikasi
4. Peningkatan pencapaian PBD dalam subjek Sains dan Matematik konsisten

5. Penglibatan dalam kalangan ibu bapa juga semakin baik
6. Pihak pengurusan kepimpinan sekolah sentiasa menjadi rujukan
7. Penglibatan bersama dengan pihak lain semakin meningkat



## RUMUSAN

Ramuan utama kepada kejayaan program jaringan dan jalinan PBL STEM dan pengurusan STEMEC di SK Anchi adalah berpandukan kepada teras aspirasi utama yang sudah dibudayakan di sekolah Anchi sejak 2020 lagi. Teras atau aspirasi tersebut berdasarkan kepada inspirasi kepimpinan guru besar untuk melestarikan STEM di sekolah. Inspirasi tersebut merangkumi terjemahan akronim nama ANCHI itu sendiri yang menjadi budaya tatakelola guru-guru, staf AKP, murid-murid dan ibu bapa penjaga di SK Anchi.

## **PEMBUDAYAAN SEKOLAH LESTARI ALAM SEKITAR SJK (C) CHUNG HUA MIRI**

**Tan Ai Chu**

SJK (C) Chung Hua Miri, Jalan Chia Tze Chin,  
98000 Miri, Sarawak  
g-02295469@moe-dl.edu.my

### **ABSTRAK**

Pembudayaan Sekolah Lestari Alam Sekitar (PSLAS) ialah program yang menggalakkan sekolah menjadi lestari alam sekitar dan mesra alam. Program ini dijalankan di sekolah rendah sebagai usaha untuk mendidik murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar sejak kecil lagi. Penulisan ini bertujuan untuk menerangkan bagaimana PSLAS boleh diaplikasikan di sekolah rendah dengan jayanya. Program PSLAS di sekolah rendah boleh dijalankan melalui beberapa cara seperti latihan dan pendedahan tentang alam sekitar kepada murid dan guru, pengurusan sisa yang baik, penjimatan tenaga, konsep taman sekolah yang hijau dan mesra alam serta penggunaan bekalan makanan mesra alam. Melalui pelaksanaan program PSLAS, murid diharapkan memahami betapa pentingnya menjaga alam sekitar dan membentuk tingkah laku mesra alam sejak kecil lagi. Dalam penulisan kertas kerja ini turut membincangkan kebaikan PSLAS di sekolah rendah iaitu meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan ibu bapa, komuniti, masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar serta mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

Kata Kunci : PSLAS

### **PENGENALAN**

Membudayakan persekitaran sekolah adalah satu usaha membentuk sikap dan tingkah laku yang mementingkan alam sekitar dalam kalangan murid dan semua warga sekolah.

Matlamatnya adalah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang mesra alam, di mana murid dan warga sekolah boleh belajar /bekerja di tempat yang kondusif dan melakukan aktiviti yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Dalam memupuk sekolah lestari alam sekitar, murid dan warga sekolah perlu memahami kepentingan mengekalkan kelestarian alam sekitar dan melaksanakan dalam kehidupan seharian seperti melalui program mengurangkan sisa, menjimatkan air dan tenaga, penanaman pokok, dan aktiviti pendidikan alam sekitar yang melibatkan semua warga sekolah.

Membudayakan sekolah yang lestari alam sekitar juga boleh menjadi contoh kepada masyarakat sekeliling, di mana warga sekolah dapat memainkan peranan yang aktif dalam memberikan pendidikan alam sekitar kepada masyarakat sekeliling, seperti membantu masyarakat dalam menguruskan

sampah atau bahan yang boleh dikitar semula dan kebersihan persekitaran sekitar.

Secara keseluruhannya, membudayakan sekolah lestari alam sekitar di sekeliling bertujuan untuk mewujudkan sekolah yang lebih lestari dan prihatin terhadap alam sekitar, serta melahirkan generasi yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab terhadap kelangsungan hidup bumi.

## **ISI KANDUNGAN**

Pengenalan: SJKC Chung Hua Miri terletak di pusat bandaraya Miri, iaitu sebelah UTC. Ini ialah pelan sekolah, kawasan sekolah agak terhad, tiada kawasan lapang lagi. SJKC Chung Hua Miri ditubuhkan pada tahun 1945. Kita telah 78 tahun.

Selain itu, sejarah program 3R Meigong dimulakan pada tahun 2003 sampai sekarang sudah 20 tahun. ketika itu, pihak sekolah hanya mengumpul surat khabar lama dan kotak. Kini, semua barang yang boleh dikitar semula, pihak sekolah ada mengumpul. Program ini dijalankan setiap akhir bulan dan mendapat sambutan yang baik dari semua pihak. Jika barang2 ini dibuang ke dalam tong sampah akan menjadi sampah dan mencemarkan alam kita .

## **KOMPONEN PENGURUSAN**

### **Kenyataan Iltizam Program Pembudayaan Sekolah Lestari Alam Sekitar (PSLAS)**

#### **Visi**

3R budaya Chung Hua Miri.

#### **Misi**

Pendidikan Konsep 3R Ke Arah Pembudayaan Dalam Kehidupan Sehari-hari.

#### **Motto**

MeiGong Go Green.

#### **Objektif**

- i) Memupuk nilai murni alam sekitar di kalangan semua warga sekolah MeiGong dengan mempraktikkan amalan hidup lestari.
- ii) Meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah MeiGong mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- iii) Meningkatkan kerjasama antara sekolah MeiGong dan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar.
- iv) Menggalakkan penjimatan guna sumber dan memantapkan amalan 3R.  
(Recycle ,Reuse, Reduce)
- v) Menggalakkan inovasi ke arah membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**Organisasi Pelaksanaan Program PSLAS  
Ahli Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Sekolah**



Carta Organisasi Pembudayaan Sekolah Lestari Alam Sekitar  
SJK (C) Chung Hua Miri

**STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN**

Untuk menjayakan program lestari alam sekitar di sekolah, kerjasama di antara warga sekolah dan pihak ibu bapa dan masyarakat setempat sangat penting. Murid-murid dan kelas yang terlibat secara aktif dalam program ini akan diberi ganjaran hadiah dan sijil pengiktirafan yang akan diumumkan setiap bulan dalam perhimpunan sekolah.

## Perancangan Program dan aktiviti

BIDANG / Program/ Projek	DATA DIKUMPUL	BIDANG FOKUS	KRITERIA KEJAYAAN	KAEDAH PEMANTAUAN	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA	KOS ANGGARAN
<b>(A) PENHIJAUAN</b> <b>1. Projek Keceriaan Sekolah</b> a) Taman Wonderland MeiGong b) Taman Tropikal c) Taman Sajak d) Taman Kitar Semula e) Taman Hidupan Liar f) Taman Herba g) Taman Rempah Ratus h) Taman Timba Ilmu i) Tandas Ceria dan Taman Patriotik	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Laporan Projek</li> </ul>	AJK Keceriaan Projek Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ 100% projek keceriaan sekolah telah siap</li> <li>➢ Penyelenggaraan dibuat dari semasa ke semasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Borang pemantauan projek</li> </ul>	Guru Besar / PK1/ PK HEM/ PKKK/ Ketua Taman	Sepanjang tahun	RM 2 000
<b>2. Program 3R Meigong</b> a) "The Little Environmental Protector" b) Pengumpulan Minyak Masak/baju/ barang elektronik / surat khabar lama/plastic Terpakai dan logam buruk.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Laporan Pelaksanaan an "The Little Environmental"</li> <li>➢ Laporan Hasil Pengumpulan bahan kitar semula</li> </ul>	Murid setiap kelas  Warga Sekolah/ Ibu bapa/ Eye1 Recycle Centre	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Amalan pengelasan bahan buangan</li> <li>➢ 100% mendapat sokongan daripada warga Sekolah/ Ibu bapa/ Eye1 Recycle Centre</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Borang Pemantuan</li> <li>➢ Rekod hasil pengumpulan Minyak Masak/baju/ barang elektronik / plastic Terpakai dan logam buruk.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Guru Kelas/ Ketua Kelas</li> <li>➢ AJK 3R</li> <li>➢ Kelab Pencinta Alam</li> </ul>	Sepanjang tahun  Sebulan sekali	Tidak berkenaan  Tidak berkenaan

<p><b>(B) KOKURIKULUM</b>  <b>Projek Penghijauan</b>                  1) Projek Penanaman Pokok</p>	<p>➤ Laporan Projek</p>	<p>Warga Sekolah/                  Persatuan Bulan Sabit Merah</p>	<p>➤ Sepohon pokok setahun di kawasan sekolah</p>	<p>➤ Persatuan Bulan Sabit Merah</p>	<p>➤ Persatuan Bulan Sabit Merah</p>	<p>Setahun sekali</p>	<p>Tidak berkenaan</p>
<p><b>Projek Kesedaran</b>                  1) Kesedaran Alam Sekitar Sempena Sekolahku Cinta Alam Sekitar.                  2) Taklimat Dangue Patro(Perhimpunan)                  3) Seminar Kitar Semula 3R</p>	<p>➤ Laporan Seminar                  ➤ Laporan Taklimat                  ➤ Laporan Seminar</p>	<p>Warga Sekolah                  Warga Sekolah                  Warga Sekolah</p>	<p>➤ 100% kehadiran warga sekolah                  ➤ 100% kehadiran warga sekolah                  ➤ 100% kehadiran warga sekolah</p>	<p>➤ Tidak berkenaan                  ➤ Tidak berkenaan</p>	<p>➤ Kelab Pencinta Alam dan Majlis Bandaraya Miri                  ➤ Kelab Pencinta Alam dan Majlis Bandaraya Miri                  ➤ Kelab Pencinta Alam dan Eye1 Recycle Centre</p>		
<p>4) Pameran Produk Reka Cipta dengan menggunakan bahan buangan/ terpakai.</p>	<p>➤ Laporan Pameran</p>	<p>Warga Sekolah</p>	<p>➤ Penglibatan 100% murid tahap 2</p>		<p>➤ Persatuan Sains /Kelab Pencinta Alam</p>	<p>Hari Kokurikulum</p>	<p>Tidak berkenaan</p>
<p>o <b>Jaringan &amp; Jalinan (Antara Kelab &amp; Persatuan Sekolah)</b>                  1) Pengumpulan Baju Terpakai</p>	<p>➤ Laporan</p>	<p>Warga Sekolah/ Ibu bapa</p>	<p>➤ Penglibatan 100% warga sekolah dan ibu bapa</p>	<p>➤ Pemerhatian</p>	<p>➤ AJK 3R/ BSMM sekolah dan Cawangan Miri/ Eye1 Recycle</p>	<p>Setiap bulan</p>	<p>Tidak berkenaan</p>
<p><b>(Antara Sekolah &amp; Sekolah)</b>                  1) Penandaaras ke sekolah berkaitan dengan Alam Sekitar</p>	<p>➤ Laporan</p>	<p>AJK Lesatari dan AJK 3R</p>		<p>Tidak berkenaan</p>	<p>AJK Lestari dan AJK 3R</p>	<p>Sekurang-kurang sebuah sekolah</p>	<p>Tidak berkenaan</p>

					<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Penglibatan 100% AJK secara Aktif</li> </ul>					
<p><b>(Antara Sekolah &amp; masyarakat setempat)</b></p> <p>1) Membuat sabun dengan menggunakan minyak masak terpakai</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Laporan aktiviti</li> </ul>	Murid Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Penglibatan 100% murid tahap 2 secara aktif</li> </ul>	Tidak berkenaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ GB/PK 1</li> <li>➢ Ketua Panitia</li> <li>➢ Guru berkenaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Borang Pemantauan NPDL(Big Idea)</li> </ul>	Kelab Pencinta Alam/ B&K	Setahun Sekali	Tidak berkenaan	
<p><b>(C) KURIKULUM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>o Pendidikan</li> </ul> <p>1) Merentasi Bidang New Pedagogy Deep Learning (NPDL)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Laporan NPDL</li> </ul>	<p>Guru mata pelajaran berkenaan dan murid Tahun 2</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Persembahan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Dua kali setahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Tidak berkenaan</li> </ul>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>o P&amp;P yang berkaitan dengan Alam Sekitar</li> </ul> <p>1) Aktiviti Melukis Poster "Cinta Alam Sekitar" (PSV)</p> <p><b>Aktiviti Tahunan</b></p> <p>2) Mengarang Sajak BC bertema Alam Sekitar. (BC)</p> <p>3) Membuat Penanda Buku dengan menggunakan bahan kitar semula yang bertema "Cinta Alam Sekitar" (BM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Laporan Aktiviti</li> <li>➢ Laporan Aktiviti</li> <li>➢ Laporan Aktiviti</li> </ul>	<p>Murid Tahap 2</p> <p>Murid Tahap 2</p> <p>Semua Murid MeiGong</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Penglibatan murid Tahap 2 secara aktif</li> <li>➢ Penglibatan murid Tahap 2 secara aktif</li> <li>➢ Penglibatan murid secara aktif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Borang Penilaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Ketua Panitia/ Guru berkenaan</li> <li>➢ PK 1/ Ketua Panitia/ Guru berkenaan</li> <li>➢ PK 1/ Ketua Panitia/ Guru berkenaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Sekali setahun</li> <li>➢ Sekali setahun</li> <li>➢ Sekali setahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> <li>➢ Tidak berkenaan</li> </ul>	



<p>4) Menulis ayat dan mengarang esei yang berkaitan dengan Alam Sekitar. (BI)</p> <p>5) Mereka Cipta dengan Menggunakan Bahan Buangan/ Terpakai (Sains)</p> <p>6) Membuat ABM Matematik Menggunakan Bahan Buangan/ Terpakai (Matematik)</p> <p>7) Menghasilkan Buku Skrap PJK dengan menggunakan Kelender Meja Terpakai (PJK)</p> <p>8) Menghasilkan Alat Muzik dengan Menggunakan Bahan Buangan/ Terpakai (Muzik)</p>		<p>Warga Sekolah/ Ibu bapa/ Masyarakat</p>	<p>➤ Penglibatan warga sekolah secara aktif</p>	<p>➤ Buku Log</p>	<p>➤ Panitia Sains/ Kelab Sains/ Kelab Pencinta Alam</p>	<p>Sepanjang Tahun</p>	<p>Tidak berkenaan</p>
<p><b>(D) ELEMEN KHAS</b> 1) Projek Baja Kompos "Bokashi"</p>	<p>➤ Kertas Kerja &amp; Laporan Projek</p>						

## Komponen Penghijauan

### i) Dalam Bilik:


Sudut Lestari, Tong Sampah Kitar Semula, Bahan Cetak, Hasil Kerja Murid, Tong pengumpulan Sisa Makanan, Papan Kenyataan



Sudut Lestari dalam kelas



Tong sampah kitar semula dalam kelas



Hasil kerja murid dalam makmal sains



Bahan Cetak dalam bilik kelas



Tong pengumpulan Sisa Makanan dalam bilik guru



Papan Kenyataan

**ii) Dalam Kawasan Sekolah:**

9 Taman, Sudut 5R, Papan Kenyataan 5R, Kantin, Tong Pengumpulan Sisa Makanan, Sudut Pengumpulan Minyak Terpakai, Tandas, Mural Alam Sekitar, Banner 5R, Sudaut Info 3K



**Taman Timba Ilmu**



**Taman Tropika**



**Taman Hidupan Liar**





**Taman Rempah Ratus dan Sayuran**



**Taman Wonderland MeiGong**



**Taman Herba**



Taman Sajak



Taman Patriotik



Taman Kitar Semula





Sudut 5R



Papan Kenyataan 5R



Papan Kenyataan kawasan sekolah Kantin



Tong pengumpulan Sisa Makanan



Sudut Pengumpulan Minyak Terpakai



Tandas Sekolah



Mural Alam Sekitar



Banner



Sudut Info 3K



### Komponen Kokurikulum

Di bawah adalah senarai agensi-agensi yang bekerjasama dengan sekolah untuk melaksanakan program PSLAS.

#### i) Hubungan dan kerjasama dengan pihak luar

BIL	PIHAK BERKEPENTINGAN
1	<p><b>Majlis Bandaraya Miri – Local Agenda 21 (LA 21)</b></p> <p>i. <u>Kerjasama dengan Majlis Bandaraya Miri dalam menjayaan aktiviti</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Seminar 3R (20 Feb 2017)</li> <li>● Seminar Pembentukan shasih diri melestari alam sekitar (23 Mei 2017)</li> <li>● Bengkel Kitar Semula Membuat Sabun Daripada Minyak Terpakai (5 Okt 2017)</li> <li>● Seminar Kesedaran Alam Sekitar (9 April 2018)</li> <li>● Bengkel Pengkomposan Sisa (28 Jun 2018)</li> <li>● Bengkel Pengkomposan Sisa Makanan (25 Julai 2018)</li> <li>● Bengkel Seni Kraf Tanagn 3R : Decoupage (28 Ogos 2019)</li> <li>● Seminar kesedaran alam sekitar (17 Sept 2019)</li> <li>● Seminar pembentukan shasih diri (8 Okt 2019)</li> </ul> <p>ii. <u>Penyertaan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Mailis Bandaraya Miri</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pertandingan Halaman Cantik 2017 (27 Mei 2017)</li> <li>● Pertandingan Merekacipta Replika Daripada Bahan Kitar Semula (17 Sept 2017)</li> <li>● Pertandingan Halaman Cantik 2018 (17 Ogos 2018)</li> </ul>



	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bengkel Membuat Sabun Daripada minyak Masak Terpakai (29 Ogos 2018)</li> <li>● Pertandingan Merekacipta Replika 5R Daripada Bahan Kitar Semula (5 Okt 2019)</li> </ul>
2	<b>Eye1 Recycle Centre Miri</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Bengkel Sekolah Lestari – PASCA UPSR (11-18 Okt 2019 )</li> </ul>
3	<b>Persatuan Tzu Chi Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Seminar 3R (23 Okt 2017)</li> </ul>
4	<b>Dutch Lady Milik Industries Berhad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Anugerah 3K Peringkat Negeri Tahun 2018</li> </ul>
5	<b>MCC</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Seminar Alam Sekitar (24 Feb 2018)</li> </ul>
6	<b>Curtin University</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ecoday 2017</li> </ul>
7	<b>Sekolah Kebangsaan Lutong</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Patrol Denggi SKL30 April 2018</li> </ul>
8	<b>Jabatan Alam Sekitar Cawangan Miri</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Seminar Alam Sekitar 17 Sept 2019</li> </ul>
9	<b>SJK (C) Tung Hua Sibul</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penandaaras Ke Sekolah Lestari (5 Jan 2021)</li> </ul>

**ii) Aktiviti Bersama Masyarakat Setempat**

Pihak sekolah telah melaksanakan aktiviti bersama masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar dan mengeratkan jaringan seperti aktiviti gotong-royong membersihkan pantai dan kawasan bandar Miri. Golongan yang terlibat dalam aktiviti ini ialah guru-guru, murid-murid dan ibu bapa.



**Miri's International Coastal & World Clean Up Day 2018**



”Clean-up Miri 2019 day”



“Clean-up 4.0” sempena Hari Kemerdekaan

## Komponen kurikulum

Program atau aktiviti yang bertemakan sekolah lestari alam sekitar dirancang dan dilaksanakan sebagai aktiviti tahunan bagi setiap panitia. Program yang dilaksanakan perlu menggunakan bahan terpakai untuk menjalankan aktiviti. Contoh: Panitia Matematik menggunakan bahan terpakai untuk menghasilkan alat permainan Matematik. Selain itu, panitia Muzik menggunakan bahan terpakai untuk membuat alat muzik.

## Elemen Khas

Dalam elemen khas, program yang dilaksanakan ialah membuat baja Bokashi, pihak sekolah menjemput penceramah dari Majlis Bandaraya untuk mendidik guru cara membuat baja Bokashi. Guru akan mendidik murid membuat bokashi di dalam kelas. Baja Bokashi akan digunakan sebagai baja organik.

## Pencapaian

Program atau aktiviti yang dirancang, kita melaksanakan, akhirnya dapat pencapaian. Pihak sekolah telah menenangi Anugerah Sekolah Lestari Alam Sekitar Peringkat negeri dan kategori Kurikulum dan kategori penghijauan. Selain itu, pihak sekolah telah 4 kali menerima Johan halaman sekolah cantik dan mendapat Emas dalam Anugerah sekolah SERASI peringkat negeri.

### **Impak positif**

- Membudayakan sekolah yang lestari di persekitarannya memberi banyak impak positif yang dapat dirasakan oleh semua warga sekolah, masyarakat sekeliling, dan alam sekitar keseluruhannya. Beberapa kesan pembudayaan sekolah lestari alam sekitar termasuk:
- Meningkatkan kesedaran alam sekitar: Dengan budaya sekolah lestari alam sekitar di sekeliling, murid dan warga sekolah akan lebih memahami kepentingan mengekalkan kelestarian alam sekitar dan akan menjadi biasa mengambil tindakan untuk melindungi alam sekitar.
- Meningkatkan kualiti alam sekitar: Dengan mengurangkan sisa, menjimatkan air dan tenaga, dan menjalankan aktiviti hijau, sekolah akan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan selesa untuk pembelajaran dan aktiviti.
- Meningkatkan penyertaan warga sekolah: Melalui program kitar semula bulanan dan aktiviti pendidikan alam sekitar, murid /ibu bapa dan kakitangan sekolah akan lebih aktif mengambil bahagian dalam program yang dijalankan.
- Meningkatkan penglibatan komuniti: Sekolah yang menjalankan program budaya sekolah kelestarian alam sekitar akan menjadi pusat pendidikan alam sekitar untuk masyarakat sekeliling terutamanya ibu bapa murid agar mereka lebih berminat untuk terlibat dalam aktiviti menjaga alam sekitar seperti Clean up beach anjuran Ngo setiap tahun
- Meningkatkan imej sekolah: Sekolah yang menjalankan program budaya sekolah lestari mempunyai imej yang lebih baik di mata masyarakat, ramai ibu bapa memuji pihak menjalankan program kitar semula dengan jayanya.
- Melahirkan generasi yang mementingkan alam sekitar: Dengan mengajar nilai-nilai kelestarian alam sekitar sejak kecil, sekolah dapat melahirkan generasi yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab terhadap bumi kita.

Dengan impak positif ini, pembudayaan sekolah lestari alam sekitar boleh membawa perubahan positif kepada alam sekitar dan masyarakat keseluruhannya.

## **KEPIMPINAN MENERAJUI KECEMERLANGAN PUSAT SUMBER SEKOLAH**

**Ahmad Yajis bin Jari-ee**

SK Kampung Iran, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Subis,  
98150 Bekenu, Sarawak.  
ahmadyajis@moe.edu.my

### **ABSTRAK**

Kepimpinan merupakan unsur penting di dalam sesebuah sekolah yang berperanan membawa transformasi dalam memastikan visi dan misi sekolah mampu untuk direalisasikan. Kepimpinan yang berkesan akan menjadikan Pusat Sumber Sekolah nadi penggerak kecemerlangan sesebuah sekolah. Pusat Sumber Sekolah berperanan sebagai sebuah tempat yang menyediakan kemudahan serta koleksi bahan bacaan serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang diurus secara sistematik. Kepimpinan sekolah juga memastikan pengurusan pusat sumber sekolah perlu dilaksanakan dengan efektif dan teliti agar peranan pusat sumber sebagai nadi sekolah serta kawasan setempat dapat dicapai serta direalisasikan dalam keadaan keperluan yang serba kekurangan dan kekangan bagi sekolah kurang murid (SKM) yang berada di kawasan luar bandar. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, peranan dan sokongan pemimpin sekolah, guru-guru dan pelbagai pihak amatlah penting, termasuklah sokongan komuniti seperti PIBG serta pihak berkepentingan yang lain. Usaha kepimpinan sekolah dengan sokongan pelbagai pihak ini menampakkan impak yang positif setelah Pusat Sumber Angsana SK Tanjung Belipat telah dinobatkan sebagai Naib Johan dalam Anugerah Pusat Sumber Sekolah Kategori Sekolah Kurang Murid (SKM) Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2021 dan seterusnya dinobatkan sebagai Johan Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2022 serta mewakili Negeri Sarawak ke peringkat kebangsaan.

### **PENGENALAN**

Pusat Sumber Angsana SK Tanjung Belipat, Subis merupakan sebuah pusat sumber yang mengandungi pelbagai koleksi bahan bacaan seperti buku, kamus, ensiklopedia, surat khabar, bahan digital dan permainan dalaman yang disediakan khas untuk murid dan para guru. Pada tahun 2022, Pusat Sumber Angsana telah berjaya meraih Johan dalam Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Negeri. Penyediaan kemudahan PSS ini adalah bertujuan sebagai sokongan kepada pembelajaran murid-murid di dalam kelas dengan menyediakan pelbagai bahan bacaan sebagai panduan dan rujukan murid-murid di SK Tanjung Belipat, Subis. Kepimpinan sekolah juga memastikan pengurusan pusat sumber sekolah perlu dilaksanakan dengan efektif dan teliti agar peranan pusat sumber sebagai nadi sekolah serta kawasan setempat dapat dicapai serta direalisasikan dalam keadaan keperluan yang serba kekurangan dan kekangan bagi sekolah kurang murid (SKM) yang berada di kawasan luar bandar. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, peranan dan sokongan pemimpin sekolah, guru-

guru dan pelbagai pihak amatlah penting, termasuklah sokongan komuniti seperti PIBG serta pihak berkepentingan yang lain. Penyertaan Pusat Sumber Angsana SK Tanjung Belipat dalam Anugerah Pusat Sumber Sekolah telah berjaya dinobatkan sebagai Naib Johan dalam Anugerah Pusat Sumber Sekolah Kategori Sekolah Kurang Murid (SKM) Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2021 dan seterusnya dinobatkan sebagai Johan Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2022 dan mewakili Negeri Sarawak ke peringkat kebangsaan.

## **KANDUNGAN**

Sebagai salah seorang pembentang perkongsian amalan terbaik pada symposium kali ini berasa bersyukur dan teruja kerana diberi peluang untuk berkongsi sebagai seorang pemimpin di sekolah dengan kerja buat dan transformasi yang telah dilaksanakan di sekolah. Pada pembentangan ini usaha dan kerja buat sepasukan dalam merealisasikan sebuah PSS yang baik merupakan elemen yang sangat penting sehingga membuahkan hasil yang terbaik bagi murid-murid dan sekolah amnya. Pada pembentangan ini juga Program Transformasi Sekolah 2025 memberi impak yang sangat besar seiringan dengan matlamat dengan mengupayakan tiga elemen penting iaitu Pemimpin Berkesan, Guru Berkualiti dan Sokongan PIBG dan Komuniti dalam menyediakan PSS yang terbaik. Membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna dengan menyediakan suasana bilik darjah dan sekolahan yang kondusif dan fleksibel, teknik PdP yang kreatif dan berkesan, pengurusan sekolah yang cekap dengan mengutamakan kemenjadian murid yang merupakan salah satu objektif TS25 dapat direalisasikan dengan kerjasama semua pihak yang terlibat seperti pemimpin sekolah, semua guru, AKP, pekerja swasta, PIBG, pemimpin setempat dan komuniti luar yang lain.

Cabaran dan kekangan yang dihadapi SK Tanjung Belipat yang merupakan sebuah sekolah kurang murid (SKM) kategori B terutamanya dari segi Fizikal sekolah, sumber manusia iaitu guru dan AKP yang tidak cukup serta kewangan yang sangat terhad memungkin pemimpin sekolah berfikir dan berusaha dengan lebih kreatif dan berusaha kuat bagi mendapatkan sumber kewangan bagi menyediakan seperti yang dibentangkan. Istilah menghasilkan sesuatu yang dijual merupakan salah satu cara bagi mendapatkan sumber kewangan terutamanya dari pihak luar seperti pihak Yang Berhormat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta pihak swasta seperti ladang sawit dan syarikat persendirian dengan menunjukkan kerja buat dan hasil yang dicapai dalam Anugerah PSS ini. Dalam pembentangan ini juga, dapat menunjukkan bahawa dengan cabaran dan kekangan yang dihadapi sesebuah sekolah boleh berubah dengan baik jika dipimpin dan disokong dengan baik oleh pelbagai pihak.

## **PENUTUP**

Pembentangan ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada pihak pemegang taruh terutamanya pihak kerajaan negeri supaya dapat menyalurkan sejumlah peruntukan bagi membantu sekolah menjayakan dan menyediakan kemudahan terbaik bagi anak-anak terutamanya anak-anak di luar bandar dan pedalaman.

## ***SIDE BY SIDE, WE CAN***

### **Janie Anak Limin**

SK Triang, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Serian,  
94700 Serian, Sarawak.  
apaiumangcute@gmail.com.my

### **ABSTRAK**

SK Triang sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar dalam Bahagian Serian. Pembinaan sekolah ini menelan kos sebanyak 16.2 juta. Setelah siap pembinaannya pada 21 September 2017, sekolah ini telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan secara rasminya dibuka pada 02 Januari 2018. Sebagai sebuah sekolah baharu, pelbagai situasi kritikal yang perlu dihadapi antara lainnya adalah bermula dengan kosong bajet tanpa geran pelancaran. Isu yang paling mencabar adalah sumber air yang terhad dan sangat kritikal. Empangan Graviti Sungai Rangkai tidak dapat menampung keperluan sekolah. Oleh hal yang demikian seringkali pihak sekolah memohon bantuan daripada agensi luar seperti pihak Jabatan Kebajikan dan SAPOM untuk menampung bekalan air. Situasi ini berterusan dari 2018 hingga Oktober 2019 sehingga terbinanya Empangan Paip Graviti Pruntan. Ini adalah hasil daripada konsep 5C (Commitment, Changes, Communication, Collaboration, Creativity) yang diamalkan pihak sekolah dengan Komuniti. Hubungan luar yang baik melalui Jalinan dan Jaringan antara sekolah dengan Komuniti, PPD dan agensi-agensi telah memberi ruang dan peluang seluas-luasnya dalam menyelesaikan isu-isu di sekolah. Impak daripada hubungan dengan komuniti ini bukan sahaja dapat menyelesaikan isu air yang kritikal di SK Triang, tetapi juga memberi impak kepada kemenjadian murid dan kualiti sekolah. Semua warga SK Triang dan komuniti telah mendapat manfaat secara keseluruhannya. *Side by side, we can.*

### **PELAPORAN**

Pembentangan berdurasi 15 minit ini menyentuh perkara ke Sembilan dalam SKKM iaitu Pengurusan Hubungan Luar. Symposium anjuran pihak MEITD dengan kerjasama JPNS ini telah memberi ruang dan peluang untuk pembentang bagi berkongsi pengalaman pengurusan dan Amalan Terbaik kepada PGB yang lain. SK Triang sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar dalam Bahagian Serian. Pembinaan sekolah ini menelan kos sebanyak 16.2 juta. Setelah siap pembinaannya pada 21 September 2017, sekolah ini telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan secara rasminya dibuka pada 02 Januari 2018. Sebagai sebuah sekolah baharu, pelbagai situasi kritikal yang perlu dihadapi antara lainnya adalah bermula dengan kosong bajet tanpa geran pelancaran. Isu yang paling mencabar adalah sumber air yang terhad dan sangat kritikal. Empangan Graviti Sungai Rangkai tidak dapat menampung keperluan sekolah. Oleh hal yang demikian seringkali pihak sekolah memohon bantuan daripada agensi luar seperti pihak Jabatan Kebajikan dan SAPOM untuk

menampung bekalan air. Situasi ini berterusan dari 2018 hingga Oktober 2019 sehingga terbinanya Empangan Paip Graviti Pruntan. Ini adalah hasil daripada konsep 5C (*Commitment, Changes, Communication, Collaboration, Creativity*) yang diamalkan pihak sekolah dengan Komuniti. Hubungan luar yang baik melalui Jalinan dan Jaringan antara sekolah dengan Komuniti, PPD dan agensi-agensi telah memberi ruang dan peluang seluas-luasnya dalam menyelesaikan isu-isu di sekolah. Impak daripada hubungan dengan komuniti ini bukan sahaja dapat menyelesaikan isu air yang kritikal di SK Triang, tetapi juga memberi impak kepada kemenjadian murid dan kualiti sekolah. Semua warga SK Triang dan komuniti telah mendapat manfaat secara keseluruhannya. Pembentangan bertajuk Side By Side, We Can ini telah mendapat respon dan sambutan baik daripada peserta symposium. Harapan kita agar platform seperti ini akan diteruskan setiap tahun bagi meningkatkan kualiti kepimpinan dalam kalangan PGB khasnya di negeri Sarawak.

## KERJASAMA MEMUPUK KEHARMONIAN SEKOLAH

### Ruddi Anak Juing

Guru Besar, SK St Ambrose Panchor,  
D/A Pejabat Pendidikan Daerah Serian, Batu 1,  
Jalan Serian/Sri Aman 94700 Serian Sarawak

### ABSTRAK

SK St Ambrose Panchor adalah sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar di Bahagian Serian. Sebuah sekolah SKM (Sekolah Kurang Murid), hanya mempunyai bilangan murid 50 orang sahaja bagi sesi persekolahan 2023/2024. SK ST Ambrose Panchor adalah antara sekolah di Bahagian Serian yang tidak mempunyai Pra Sekolah. Bilangan tenaga pengajar di sekolah ini adalah berjumlah 11 orang sahaja termasuk Guru Besar dan mempunyai seorang Pembantu Tadbir. Semua Penolong Kanan di sekolah adalah lantikan secara dalaman sahaja, tetapi hasil dan kualiti kerja mereka sangat cemerlang mengikut bidang tugas masing-masing. Tugas yang digalas dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerjasama dikalangan Penolong kanan-Penolong Kanan di sekolah sangat baik, walau kadang-kadang ada sedikit percanggahan pendapat di kalangan mereka tapi dapat diselesaikan dengan jayanya secara profesional. Banyak aktiviti di sekolah dapat dilaksanakan dengan begitu cemerlang. Bilangan kakitangan yang sedikit bukannya penghalang untuk mengadakan program dan aktiviti di sekolah demi untuk kemenjadian murid-murid. Penolong Kanan Pentadbiran dan Penolong Kanan Ko-Kurikulum telah Berjaya menamatkan Kursus NPQEL pada Tahun 2022. Segala ilmu yang telah dipelajari semasa Kursus NPQEL di IAB telah digunakan sepenuhnya di sekolah dan banyak membantu saya dalam mengurus sekolah.

### PELAPORAN

Symposium anjuran pihak MEITD dengan kerjasama JPNS dan IPG Miri telah memberi ruang dan peluang untuk pembentang bagi berkongsi pengalaman dan Amalan Terbaik kepada semua peserta yang hadir.

SK St Ambrose Panchor adalah sebuah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar di Bahagian Serian. Sebuah sekolah SKM ( Sekolah Kurang Murid), hanya mempunyai bilangan murid 50 orang sahaja bagi sesi persekolahan 2023/2024. SK ST Ambrose Panchor adalah antara sekolah di Bahagian Serian yang tidak mempunyai Pra Sekolah. Bilangan tenaga pengajar di sekolah ini adalah berjumlah 11





orang sahaja termasuk Guru Besar dan mempunyai seorang Pembantu Tadbir.

Semua Penolong Kanan di sekolah adalah lantikan secara dalaman sahaja, tetapi hasil dan kualiti kerja mereka sangat cemerlang mengikut bidang tugas masing-masing. Tugas yang digalas dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerjasama dikalangan Penolong kanan- Penolong Kanan di sekolah sangat baik, walau kadang-kadang ada sedikit percanggahan pendapat di kalangan mereka tapi dapat diselesaikan dengan jayanya secara profesional. Banyak aktiviti di sekolah dapat dilaksanakan dengan begitu cemerlang. Bilangan kakitangan yang sedikit bukannya penghalang untuk mengadakan program dan aktiviti di sekolah demi untuk kemenjadian murid-murid.

Penolong Kanan Pentadbiran dan Penolong Kanan Ko-Kurikulum telah berjaya menamatkan Kursus NPQEL pada Tahun 2022. Segala ilmu yang telah dipelajari semasa Kursus NPQEL di IAB telah digunakan sepenuhnya di sekolah dan banyak membantu saya dalam mengurus sekolah.

# **SARAWAK SCHOOL LEADERS SYMPOSIUM 2023**

*Empowering Educational Leaders. What Works?*

*Empowering Educational Leaders. What Works?*  
**SYMPOSIUM 2023**  
**SCHOOL LEADERS**  
**SARAWAK**

e ISBN 978-629-98537-1-8



9 786299 853718